


Rasional Muka Depan *Cover Rationale*

Penghasilan efek grafik digambarkan melalui lakaran kontur berpaksikan pusat *spear* yang mengandungi imej logo SSM bermaksud 'Pusat Satu Hentian' selaras dengan asas penubuhan SSM. Lingkaran Kontur atau 'Radial Span' merangkumi maksud prinsip penubuhan dan fungsi SSM dalam menyelaraskan segala bentuk urusan berkaitan dengan pendaftaran sesebuah syarikat.

Persembahan grafik secara keseluruhannya melambangkan komitmen SSM dalam menjalankan proses pengawalseliaan dan penguatkuasaan yang lebih cekap, pantas dan berkesan.

The graphic effects generated depict a contour sketch of a spear aimed at the centre of an axis point containing an image of the CCM logo to signify a 'One Stop Centre' in line with the establishment of CCM. The spiral contour or radial span encompasses the principles of the establishment and functions of CCM in consistence with all matters pertaining to company registration.

The overall graphic presentation visualises CCM's commitment in executing effective, speedy and efficient regulatory and enforcement processes.



Kandungan *contents*

Visi, Misi dan Objektif Strategik	2	<i>Vision, Mission and Strategic Objectives</i>
Perutusan Menteri	6	<i>Minister's Foreword</i>
Maklumat Korporat	12	<i>Corporate Information</i>
Profil Anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia	20	<i>Profile of Members of the Companies Commission of Malaysia</i>
Pengurusan	26	<i>Management</i>
Perutusan Pengerusi	32	<i>Chairman's Message</i>
Penyataan Ketua Pegawai Eksekutif	38	<i>Chief Executive Officer's Statement</i>
Ringkasan Aktiviti	52	<i>Summary of Activities</i>
Pendaftaran •	55	• <i>Registration</i>
Khidmat Pelanggan •	67	• <i>Customer Services</i>
Kawal Selia dan Penguatkuasaan •	72	• <i>Regulation and Enforcement</i>
Skim Kepentingan •	76	• <i>Interest Scheme</i>
Perundangan, Dasar dan Rangkaian Kerjasama •	80	• <i>Law, Policy and Networking</i>
Bahagian Pengurusan Tadbir Korporat •	86	• <i>Corporate Administration Division</i>
Pengurusan Sumber Manusia •	89	• <i>Human Resource Management</i>
Pejabat-Pejabat Negeri •	94	• <i>State Offices</i>
Isu, Cabaran dan Perancangan 2003 •	97	• <i>Issues, Challenges and Plans for 2003</i>
Peristiwa Penting 2002	100	<i>Significant Events in 2002</i>
Laporan Kewangan	104	<i>Financial Statements</i>

Visi

Untuk menjadi pusat kecemerlangan bagi penyediaan maklumat, penguatkuasaan dan pembangunan korporat, yang mampu bertindak balas dengan perubahan persekitaran perniagaan ke arah mempertingkatkan daya saing ekonomi negara.

Vision

To be a centre of excellence for corporate information, regulation and development, responsive to a dynamic business environment towards enhancing national and economic competitiveness.

Misi

- Untuk menggalak dan mewujudkan persekitaran perniagaan dan pengawalseliaan yang sesuai dan dinamik;
- Untuk menyediakan maklumat dan perkhidmatan yang cepat, tepat dan bernilai tambah berasaskan penggunaan teknologi; dan
- Untuk menyemai amalan tadbir urus korporat yang baik melalui pendidikan berterusan dan pengawasan dan penguatkuasaan yang berkesan.

Mission

- *To promote and cultivate a conducive and dynamic business and regulatory environment.*
- *To provide timely, accurate and value-added information and services enabled by technology.*
- *To instill good corporate governance through continuous education and effective surveillance and enforcement.*

Objektif Strategik

Lapan objektif strategik berikut digariskan untuk membantu SSM merealisasi penyata Visi dan Misinya:

1. Mencapai kecemerlangan operasi dalam menyediakan perkhidmatan melalui inovasi dan penggunaan teknologi dan saluran penyampaian yang canggih.
2. Menarik minat, membangun dan mengekalkan sumber manusia yang berdaya saing dan mempunyai pelbagai kemahiran.
3. Mengambil inisiatif, membangun dan melaksanakan rangka kerja pegawalseliaan yang menyeluruh selaras dengan perubahan dalam persekitaran perniagaan.
4. Menyemai amalan tadbir urus korporat yang baik melalui pendidikan berterusan.
5. Memastikan pematuhan melalui pengawasan dan penguatkuasaan peraturan yang berkesan.
6. Mempertingkatkan hasil dan kecekapan operasi bagi memastikan pertumbuhan prestasi kewangan yang mampan.
7. Menjalinkan hubungan kerjasama yang erat dengan badan-badan profesional, lain-lain agensi kawalselia dan pentadbir korporat antarabangsa yang lain.
8. Membangun dan memelihara kecemerlangan imej korporat.


Strategic Objectives

In translating the proposed vision and mission statements, eight objectives are outlined below:


1. *To achieve operational excellence in providing services through innovation and use of technology and delivery channels.*
2. *To attract, develop and retain competent and multi skilled human resources.*
3. *To initiate, develop and implement a comprehensive regulatory framework in tandem with changing business environment.*
4. *To instill good corporate governance through continuous education.*
5. *To ensure compliance through effective surveillance and enforcement.*
6. *To enhance revenue and operational efficiency to ensure sustainable growth in financial performance*
7. *To collaborate with professional bodies, other regulatory agencies and international corporate administrators.*
8. *To develop and sustain an excellent corporate image.*



PERUTUSAN
Y.B. MENTERI



MINISTER'S FOREWORD





PERUTUSAN Y.B. MENTERI

Minister's Foreword

Assalamualaikum wbkt. dan Salam Sejahtera

Penggabungan Pejabat Pendaftar Syarikat dan Pejabat Pendaftaran Pemiagaan sebagai sebuah pihak berkuasa bertaraf Badan Berkanun atau Suruhanjaya adalah bertujuan untuk mencapai sinergi dan meningkatkan kecekapan dalam pembangunan, penguatkuasaan dan perkhidmatan kepada orang awam. Usaha ini adalah selaras dengan hasrat Kementerian untuk menjadikan Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebuah Pusat Kecemerlangan (Centre of Excellence) pengurusan korporat dan perniagaan di rantau Asia.

Proses globalisasi dan liberalisasi pasti membuka jalan kepada kemasukan syarikat-syarikat antarabangsa ke dalam sektor korporat negara. Dalam hal ini, SSM diharapkan berkeupayaan menangani cabaran-cabaran yang berlaku akibat perubahan struktur sektor korporat dan perniagaan. Sehubungan itu, SSM berperanan membantu membangunkan dan mempertingkatkan daya saing sektor

The merger of the Registrar of Companies and the Registrar of Businesses to become a regulatory Statutory Body or a Commission is aimed at achieving greater synergies and enhancing efficiency in development, enforcement and services to the public. These efforts are in accordance with the Ministry's aspiration to make the Companies Commission of Malaysia (CCM) a Centre of Excellence for corporate and business management in the Asian region.

The process of globalization and liberalization will definitely pave the way for foreign companies to enter the domestic corporate sector. Accordingly, CCM is expected to be able to face challenges arising from structural changes to the corporate and business sector. In this regard, CCM's role is to facilitate development and enhance the competitiveness and sustainability of the corporate and business sector. Furthermore, the country's corporate legislations need to

korporat dan pemiagaan supaya lebih mampan dan kompetitif. Selain dari itu, perundangan korporat negara perlu dikaji semula, disesuaikan dengan era globalisasi dan liberalisasi perdagangan dan perkhidmatan serta keperluan amalan tadbir urus korporat yang berwibawa dan setanding dengan negara-negara lain.

SSM juga diberi kuasa dan tanggungjawab untuk melindungi kepentingan para pelabur dan menerap keyakinan untuk mereka terus melabur. Justeru itu, SSM perlu memainkan peranan yang lebih berkesan dalam aspek pemantauan dan pengawalseliaan ke atas entiti korporat dan perniagaan dengan mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan.

SSM sedang membangunkan konsep pejabat elektronik dalam pengurusan, operasi dan perkhidmatannya seiring dengan pembangunan dan kemajuan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Perkhidmatan yang berorientasikan kepada keperluan pelanggan dan kehendak pasaran juga diberi penekanan.

SSM akan mengambil inisiatif membangun dan memperkukuhkan rangkaian kerjasama dengan badan-

be reviewed with reference to the era of globalization and liberalization of trade and services as well as the requirement for reliable corporate governance practices that are at par with those of other countries.

CCM has also been vested with the power and responsibility in protecting the interest of investors and to instill confidence in ensuring continued investments. Therefore, CCM shall perform a more effective role in aspects of surveillance and regulation over corporate and business entities by intensifying its enforcement activities.

CCM is currently developing the concept of electronic office in terms of its management, operations and services in keeping with the rapid growth and progress in the information communication technology (ICT). Service oriented towards meeting customers' needs and market requirements will also be given greater emphasis in the future.

CCM will take initiative in developing and establishing networking with its foreign and local counter parts. Cooperation through strategic partnership with the private sector and Government organizations will be cultivated.

badan yang sama di dalam dan luar negara. Kerjasama melalui perkongsian strategik dengan pihak swasta dan organisasi Kerajaan akan dibangunkan.

Saya percaya, dengan barisan Anggota Suruhanjaya yang dilantik dan autonomi dalam aspek pentadbiran, pengurusan sumber manusia dan kewangan yang diberikan, SSM dapat ditadbir dan dibentuk untuk mencapai tahap *credibility* dan prestasi yang setaraf dengan badan-badan kawalselia lain yang bertaraf dunia..

Akhir kata, saya menyeru agar warga SSM bertugas dengan penuh iltizam, berusaha gigih untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti selaras dengan matlamat untuk menjadikan SSM sebagai Pusat Kecemerlangan. Tahniah atas penerbitan Laporan Tahunan 2002 ini yang mana ia merupakan penerbitan sulung selepas penubuhan SSM.

Terima kasih.




TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN
Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna
Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs

I believe, that with the line-up of appointed Members to the Commission and the vesting of autonomy in aspects of administration, management of human resources and finances, CCM is well positioned to achieve the level of credibility and performance which is at par with that of other world class regulatory bodies.


In closing, I call upon the CCM staff to carry out their duties with steadfast determination and endeavour to provide quality services in tandem with its aspiration of turning CCM into a Centre of Excellence, I would like to express my congratulations on the inaugural publication of the Annual Report 2002 subsequent to the establishment of CCM.

Thank you.

MAKLUMAT KORPORAT



CORPORATE INFORMATION





MAKLUMAT KORPORAT

CORPORATE INFORMATION

Pengenalan

Kepesatan pertumbuhan ekonomi yang dinikmati oleh Malaysia sejak awal tahun 1990an telah merangsang sektor korporat dan perniagaan mencatatkan pertumbuhan sihat; baik dari segi saiz, jumlah, struktur mahupun kepelbagaian aktiviti. Pertumbuhan tersebut turut didorong oleh pelaksanaan dasar penswastan dan pelbagai insentif yang disediakan oleh Kerajaan sehingga berjaya menarik minat banyak syarikat multinasional dan syarikat asing terkemuka untuk beroperasi di negara ini, sekaligus merancakkan lagi kemajuan dunia perniagaan negara.

Di samping itu, kemajuan yang dicapai dalam bidang Teknologi Maklumat Komunikasi yang diikuti oleh liberalisasi perdagangan dunia, penguatkuasaan Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) dan pola geopolitik dunia yang sukar diramalkan juga telah mengubah persekitaran urusanniaga, skop pasaran, inovasi, pengurusan dan persaingan. Keadaan ini turut menjadikan sektor korporat dan perniagaan negara terdedah kepada pelbagai bentuk cabaran dan persaingan sama ada daripada syarikat-syarikat serantau mahupun di peringkat global. Oleh sebab itu, entiti perniagaan negara perlu dikendalikan secara lebih profesional supaya mampu bersaing dan menghadapi cabaran di peringkat dunia, mempunyai perspektif global dan berupaya mencapai perkembangan yang lebih kukuh.

Introduction

The rapid economic growth enjoyed by Malaysia since the early 1990's has enabled the corporate and business sector to record healthy growth in terms of size, volume, structure and commercial diversity. This growth was further encouraged with the implementation of privatisation policies and various incentives provided by the Government that have succeeded in attracting many leading multinational and foreign companies to operate in the country, which in turn has accelerated the development of the Malaysian business sector.

This, coupled with advances in Information Communication Technology followed by the liberalisation of world trade, regulation of the Asean Free Trade Area (AFTA) and unpredictable global geopolitical patterns have led to changes in business environment, market scope, innovation, management and competitiveness. As a result, the nation's corporate and business sector is vulnerable to all forms of threats and competition posed by both regional and global companies. Therefore, local business entities need to be professionally managed in order for them to be globally competitive. They must also have a global perspective to be able to achieve sustainable growth.

Justeru, pada 30 Jun 1999, Kerajaan telah meluluskan cadangan yang dikemukakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menubuhkan sebuah badan berkanun yang akan mengambilalih semua tugas dan tanggungjawab Pendaftar Syarikat (ROC) dan Pendaftar Perniagaan (ROB).

Pada 28 Mac 2001, Kerajaan telah meluluskan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 dan mempersetujui cadangan supaya badan berkanun yang akan mengendalikan tugas ini dinamakan sebagai "Suruhanjaya Syarikat Malaysia" atau "Companies Commission of Malaysia". Rang Undang-Undang ini telah dibentang dan diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 19 Julai 2001 dan Dewan Negara pada 7 Ogos pada tahun yang sama, dan seterusnya diwartakan sebagai Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614) pada 27 September 2001.

Pada 16 April 2002, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah dilancarkan secara rasmi oleh Y.B Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Penubuhan SSM yang mengambilalih tugas-tugas yang dijalankan oleh ROC dan ROB, merupakan Badan Berkanun pertama di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Badan ini akan menerajui usaha mengawalselia dan memenuhi kehendak dan keperluan semasa sektor korporat dan perniagaan negara agar sentiasa berkembang sihat, maju dan dinamik.

Prinsip Penubuhan SSM

Bagi membolehkannya mencapai maksud penubuhannya, SSM telah ditubuhkan berasaskan kepada prinsip-prinsip berikut:

- mempunyai kebebasan/autonomi dalam pengurusan kewangan;
- mempunyai kebebasan/autonomi dalam perancangan pembangunan sumber manusia;

Taking cognizance of this, the Government had on the 30 June 1999, approved a proposal by the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs for the establishment of a statutory body that will assume the duties and responsibilities which previously came under the purview of the Registrar of Companies (ROC) and Registrar of Businesses (ROB).

On 28 March 2001, the Government gave its approval to the Companies Commission of Malaysia Bill, 2001 and agreed to the proposal that a statutory body be established under the name of "Suruhanjaya Syarikat Malaysia" or the "Companies Commission of Malaysia". The Bill was tabled and passed by Dewan Rakyat (the House of Representatives) on 19 July 2001 and by Dewan Negara (the Senate) on 7 August, the same year. It was subsequently gazetted as the Companies Commission of Malaysia Act 2001 (Act 614) on 27 September 2001.

The Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs, Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, officially launched the Companies Commission of Malaysia (CCM) on 16 April 2002. With its establishment, the CCM took over the duties and responsibilities of both the ROC and the ROB, and became the first Statutory Body to come under the ambit of the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs. The new body will spearhead efforts to regulate and fulfill the prevailing needs and requirements of the country's corporate and business sector to ensure its progress and dynamic growth.

Principles of the Establishment of CCM

To achieve its objectives, CCM was established based on the following principles:

- *freedom/autonomy in managing its finances;*
- *freedom/autonomy in planning for its human resource development;*
- *the Chief Executive Officer is responsible for the day-to-day administration;*

- pengurusan harian akan diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif;
- ditadbir melalui sebuah lembaga (Anggota Suruhanjaya) yang keanggotaannya dipilih daripada sektor awam dan swasta yang mempunyai kepakaran dan kredibiliti;
- penekanan dalam aspek pembangunan dari segi perundangan, teknologi dan penyelidikan serta mewujudkan rangkaian kerjasama dengan badan yang sama di dalam dan di luar negeri.

Objektif

Sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab terhadap pembangunan sektor korporat dan perniagaan negara, SSM bertekad untuk mencapai matlamat berikut:

- untuk memastikan supaya sektor korporat dan perniagaan negara mencapai pertumbuhan dan perkembangan yang teratur dan dinamik;
- memastikan supaya syarikat dan perniagaan di negara ini dikendalikan mengikut etika perniagaan, prinsip tadbir urus korporat dan undang-undang yang berkaitan;
- mewujudkan sebuah badan yang mempunyai autonomi yang mencukupi dan fleksibiliti untuk membolehkannya bertindak balas dengan pantas terhadap keperluan penguatkuasaan dan pengawalseliaan ke atas sektor korporat dan perniagaan;
- menjadikan SSM sebuah badan yang berkeupayaan menangani pelbagai cabaran yang timbul berikutan perubahan struktur sektor korporat dan perniagaan, proses globalisasi dan kemasukan syarikat-syarikat asing ke dalam sektor korporat negara;
- berkemampuan mengendalikan aspek pembangunan rangkaian kerjasama serta menanganinya cabaran yang timbul daripada pembangunan teknologi maklumat; dan
- membangunkan SSM sebagai "Pusat Kecemerlangan" bagi pengurusan perkhidmatan korporat.

- *to be administered by a board (Members of the Commission) whose members consist of credible and experienced persons appointed from the public and private sectors ;*
- *emphasis is given on developmental aspects like legal, technological and research as well as the creation of a collaborative network with similar bodies, both locally and abroad.*

Objectives

As a body responsible for the development of the country's corporate and business sector, CCM strives to achieve the following objectives :

- *to ensure the orderly and dynamic growth and development of the corporate and business sector;*
- *to ensure that companies and businesses conduct their operations in accordance with business ethics, principles of corporate governance and related legislations;*
- *to establish itself as an autonomous body with the flexibility to respond quickly and effectively in the enforcement and regulation of the corporate and business sector;*
- *to be a credible body capable of overcoming challenges arising from structural changes taking place in the corporate and business sector, globalisation and the entry of foreign players into the local business sector;*
- *possess the ability to manage the developmental aspect of collaborative network as well as dealing with challenges arising from the development of information technology; and*
- *to develop CCM as "A Centre of Excellence" for the management of corporate services.*

Fungsi

Ringkasan fungsi SSM, selaras dengan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 dan undang-undang yang berkaitan, adalah seperti berikut :

- mentadbir dan menguatkuasakan Akta dan perundangan yang berkaitan dengannya:
 - ♦ Akta Syarikat 1965 (Akta 125)
 - ♦ Akta Syarikat Amanah 1949 (Akta 100)
 - ♦ Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 (Akta 28)
 - ♦ Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Akta 197)
 - ♦ Mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta-Akta tersebut di atas.
- membekalkan maklumat korporat dan perniagaan;
- bertindak sebagai ejen Kerajaan bagi memungut dan menguatkuasakan bayaran fi yang ditetapkan;
- mengawalselia perkara berhubung pemerbadanan syarikat dan pendaftaran perniagaan;
- menggalakkan tatalaku beretika di kalangan pengarah, setiausaha, pengurus dan pegawai lain yang terlibat secara langsung dengan pengurusan sesebuah syarikat atau perniagaan;
- menjalankan penyelidikan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan perbadanan, syarikat dan perniagaan;
- menasihati Menteri secara am mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan perbadanan, syarikat dan perniagaan; dan
- menjalankan sebarang kegiatan yang perlu dan wajar dilaksanakan bagi memastikan kelicinan pentadbiran dan keberkesanan pelaksanaan fungsi SSM.

Kuasa

Dalam melaksanakan fungsi-fungsi tersebut, SSM telah diberi kuasa yang sewajarnya untuk memastikan keberkesanan pelaksanaannya. Kuasa tersebut antara lain meliputi:-

- menggunakan harta alih dan tidak alih dengan cara yang wajar;
- mengenakan fi atau caj bagi perkhidmatan yang diberikan;

Functions

The summarised functions of CCM in line with the Companies Commission of Malaysia Act 2001 and related legislations are as follows:

- *to administer and enforce the following Acts and related legislations namely:*
 - ♦ *Companies Act 1965 (Act 125)*
 - ♦ *Trust Companies Act 1949 (Act 100)*
 - ♦ *Kootu Funds (Prohibition) Act 1971 (Act 28)*
 - ♦ *Registration of Businesses Act 1956 (Act 197)*
 - ♦ *Any subsidiary legislation made under the Acts specified above;*
- *to provide corporate and business information;*
- *to serve as an agent to the Government in collecting and enforcing payment of prescribed fees;*
- *to regulate matters pertaining to the incorporation of companies and business registration;*
- *to promote ethical conduct amongst directors, company secretaries, managers and personnel who are directly involved in the management of a company or business;*
- *to carry out research on matters relating to corporations, companies and businesses;*
- *to advise the Minister on general matters pertaining to corporations, companies and businesses; and*
- *to carry out relevant activities to ensure the smooth running of the administration and effective implementation of the Commission's functions.*

Powers

The Commission has been granted specific powers to facilitate the effective execution of its functions. The powers accorded to it among others, include :-

- *the appropriate utilization of both movable and immovable assets;*
- *to impose fees or charges for services rendered;*
- *to appoint agents, experts or consultants;*
- *to provide loans to employees;*
- *responsible for the development of its human resources;*

- melantik ejen, pakar atau perunding;
- memberi pinjaman kepada pekerja;
- bertanggungjawab terhadap pembangunan sumber manusia;
- bekerjasama dengan mana-mana pertubuhan; dan
- menubuhkan jawatankuasa bagi melaksanakan fungsinya di mana anggota jawatankuasa tersebut boleh dilantik di kalangan Anggota Suruhanjaya atau bukan dari kalangan Anggota.

Keanggotaan dan Mesyuarat

Menurut peruntukan subseksyen 6(1), Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001, anggota SSM yang dilantik oleh Menteri adalah terdiri daripada Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif dan sekurang-kurangnya lima (5) dan tidak lebih daripada tujuh (7) orang ahli lain, yang mana tiga (3) daripada mereka hendaklah terdiri daripada wakil-wakil perkhidmatan awam. Sejak penubuhannya, SSM telah dianggotai oleh lapan (8) orang ahli.

Anggota Suruhanjaya bersetuju Mesyuarat Suruhanjaya diadakan sekurang-kurangnya setiap dua (2) bulan sekali. Sepanjang tahun 2002, SSM telah bermesyuarat sebanyak enam (6) kali untuk melulus dan menentukan halatuju, dasar-dasar berhubung aspek kewangan, perkhidmatan dan pentadbiran SSM. Beberapa jawatankuasa SSM telah ditubuhkan dalam mesyuarat yang diadakan pada tahun ini. Jawatankuasa tersebut terdiri daripada:

- (i) Jawatankuasa Perjawatan I
- (ii) Jawatankuasa Perjawatan II
- (iii) Jawatankuasa Rayuan Kenaikan Pangkat
- (iv) Jawatankuasa Tatatertib
- (v) Jawatankuasa Rayuan Tatatertib
- (vi) Jawatankuasa Audit Suruhanjaya
- (vii) Jawatankuasa Perolehan

- *to extend its cooperation with any organization; and*
- *to establish committees to look into the implementation of its functions where members of the committee may be appointed from among members of the Commission or any other person the Commission deems fit.*


Members and Meetings

Pursuant to subsection 6(1) of the Companies Commission of Malaysia Act 2001, Members of CCM who are appointed by the Minister shall consist of a Chairman, a Chief Executive Officer and not less than five (5) but not more than seven (7) other people, of whom three (3) shall be from the public service. Since its establishment, eight (8) Members have been representing CCM.



Members of the Commission have agreed to convene its meeting at least once every two (2) months. In 2002, CCM has convened six (6) meetings to approve and determine the direction and policies on matters relating to financial, services and administration of CCM. Several CCM Committees were set up during the meetings held this year, including :

- (i) Recruitment Committee I*
- (ii) Recruitment Committee II*
- (iii) Promotion Appeal Committee*
- (iv) Disciplinary Committee*
- (v) Disciplinary Appeal Committee*
- (vi) Audit Committee*
- (vii) Procurement Committee*

STRUKTUR ORGANISASI (ORGANISATION STRUCTURE)



PROFIL ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA





PROFILE OF MEMBERS OF
THE COMPANIES COMMISSION
OF MALAYSIA

ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA



Y.BHG. DATUK DR. SULAIMAN MAHBOB
PENGERUSI / *CHAIRMAN*



ABDUL ALIM ABDULLAH
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
CHIEF EXECUTIVE OFFICER



AZIYAH BHAUDDIN



Y.BHG. DATUK DR. ABDUL SAMAD HAJI ALIAS

MEMBERS OF THE COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA



Y.BHG. DATO' IDRUS HARUN



Y.BHG. DATO' HAJI KHAIRUDDIN HJ. MOHD SARI



CHEONG KEE FONG



ZAITON MOHD HASSAN

PROFIL ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA *PROFILE OF MEMBERS OF THE COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA*

DATUK DR. SULAIMAN MAHBOB
PENGERUSI / CHAIRMAN

Datuk Dr. Sulaiman Mahbob, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam jurusan Ekonomi di Universiti Malaya, Ijazah Sarjana Sains dari University of London dan Ph.D dari Syracuse University, Amerika Syarikat.

Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1971 sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan telah berkhidmat di beberapa jabatan termasuk Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan. Beliau pernah menjadi Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Timbalan Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Ketua Urusetia Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan pernah menganggotai Lembaga Pengarah MISC Berhad. Beliau telah dilantik sebagai Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 23 Februari 2001, dan masih menyangandang jawatan tersebut sehingga sekarang.

Datuk Dr. Sulaiman yang berpengalaman luas dalam bidang ekonomi serta penggubalan dasar fiskal dan industri negara, merupakan Ahli Suruhanjaya Tenaga, Ahli Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Ahli Lembaga Pengarah Amanah Saham Bank Simpanan Nasional dan Pengurusan Pelaburan Amanah Saham Nasional Berhad.

Datuk Dr Sulaiman Mahbob holds a Bachelor (Hons) in Economics from the University of Malaya, Master of Science from the University of London and Ph.D from Syracuse University, United States.

He began his career in 1971 as an Administrative and Diplomatic Officer serving in several departments including the Economic Planning Unit of the Prime Minister's Department and Ministry of Finance. He has held various positions including being the Executive Director of the Malaysian Institute of Economic Research (MIER), Deputy Vice Chancellor of Universiti Utara Malaysia, Secretarial Head of the National Economic Action Council (NEAC) and was a Board member of MISC Berhad. He was appointed Secretary General of the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs on 23 February 2001, a position he currently holds.

Datuk Dr Sulaiman, an experienced economist who was involved in drawing up the country's fiscal and industrial policies, is also a member of the Energy Commission, Communication and Multimedia Commission, Board of Bank Simpanan Nasional and is in the management of Pelaburan Amanah Saham Nasional Berhad.

ABDUL ALIM ABDULLAH
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF / CHIEF EXECUTIVE OFFICER

Encik Abdul Alim yang berkelulusan Barrister-At-Law, Lincoln's Inn, London telah memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam sebagai Pegawai Undang-Undang pada tahun 1978 sebelum menyangand jawatan Penolong Pengarah Biro Bantuan Guaman di Melaka pada tahun yang sama.

Beliau telah dilantik sebagai Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada tahun 1981 dan seterusnya Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada tahun 1983. Dari tahun 1984 hingga 1996, beliau telah menyangand pelbagai jawatan penting; antaranya sebagai Timbalan Pendakwa Raya, Hakim Mahkamah Sesyen, Penasihat Undang-Undang Jabatan Kastam Dan Eksais DiRaja, Penasihat Undang-Undang Negeri Johor dan Penasihat Undang-Undang Kementerian Dalam Negeri. Semasa berkhidmat di negeri Johor, beliau telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah YPJ Holdings Sdn. Bhd., Johor Coastal Development Sdn. Bhd., Johor Corporation dan Yayasan Pelajaran Johor. Selepas itu beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Mahkamah Perusahaan, Kuala Lumpur pada tahun 2000, sebelum dilantik sebagai Pendaftar Syarikat Malaysia yang ke 11 pada 1 April 2002. Encik Abdul Alim merupakan Pendaftar Syarikat yang terakhir sebelum ROC dan ROB disatukan menjadi SSM.

Beliau sekarang turut menjadi ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya Sekuriti dan menganggotai Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA).

Encik Abdul Alim is a Barrister-At-Law, Lincoln's Inn, London, and began his public service career as a Legal Officer in 1978 before being appointed Assistant Director with the Legal Aid Bureau in Malacca, the same year.

He was appointed Senior Assistant Registrar with the Penang High Court in 1981 and subsequently, the Kuala Lumpur High Court in 1983. Between 1984 and 1996, he held various important positions among others Deputy Public Prosecutor, Session Court Judge, Legal Advisor to the Royal Customs and Excise Department, Johor State Legal Advisor as well as Legal Advisor to the Home Ministry. While serving in Johor, he was appointed Board member of YPJ Holdings Sdn. Bhd., Johor Coastal Development Sdn. Bhd, Johore Corporation and Johor Education Foundation (Yayasan Pelajaran Johor). He was appointed Industrial Court Chairman, Kuala Lumpur in 2000, before his appointment as the 11th Registrar of Companies Malaysia on April 1, 2002. Encik Abdul Alim was the last Registrar of Companies before the merger of ROC and ROB which set up the Companies Commission of Malaysia.

Currently, he is also a member of the Board of Directors of the Securities Commission as well as being a Board Member for the Labuan Offshore Financial Services Authority (LOFSA).

DATO' IDRUS HARUN

Dato' Idrus berkelulusan LLB (Kepujian) dari Universiti Malaya dan memulakan kerjaya beliau sebagai Pegawai Undang-Undang pada tahun 1980.

Dari tahun 1980 hingga 1996 beliau telah dilantik untuk menyandang beberapa jawatan antaranya Penolong Penggubal Undang-Undang, Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Yang DiPertua Mahkamah Sesyen, Kota Kinabalu, Timbalan Pendakwa Raya, Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu, Peguam Kanan Persekutuan Suruhanjaya Pilihanraya dan Timbalan Pendakwa Raya, Badan Pencegah Rasuah. Beliau kembali berkhidmat di Jabatan Peguam Negara sebagai Timbalan Ketua Bahagian Penasihat dan Antarabangsa pada tahun 1997. Dari 1 Oktober 1998 hingga 15 Februari, 2002 beliau dilantik sebagai Pendaftar Syarikat. Dalam tempoh tersebut, beliau juga telah menganggotai Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA), ahli Jawatankuasa Kewangan Peringkat Tinggi Tadbir Urus Malaysia, ahli Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia (MASB) dan beberapa jawatankuasa penting yang lain. Kini, beliau menyandang jawatan Ketua Bahagian Penasihat dan Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara.

Dato' Idrus holds an LLB (Hons) from the University of Malaya and began his career as a Legal Officer in 1980.

From 1980 to 1996, he served in various positions as Assistant Parliamentary Draftsman, Senior Assistant Registrar of the High Court, Kuala Lumpur, Session Court President in Kota Kinabalu, Deputy Public Prosecutor, Terengganu State Legal Advisor, Senior Federal Attorney Election Commission as well as Deputy Public Prosecutor with the Anti Corruption Agency. He was later posted to the Attorney-General's Chamber as Deputy Head with the Advisory and International Division in 1997. From October 1, 1998 to February 15, 2002, he was on the Board of the Labuan Offshore Financial Services Authority (LOFSA) and the Malaysian Accounting Standard Board (MASB) and is a member of the High Level Finance Committee on Corporate Governance. He also sits on several other committees and is currently the Head of Advisory and International Division at the Attorney-General's Chamber.

DATO' HAJI KHAIRUDDIN HJ. MOHD SARI

Dato' Haji Khairuddin berkelulusan Sarjana Muda Ekonomi dan Pentadbiran (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1973. Memulakan kerjaya di Jabatan Perkhidmatan Awam pada tahun yang sama.

Sebelum berkhidmat di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada tahun 1998, beliau pernah bertugas di Kementerian Penerangan, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan, Kementerian Perusahaan Awam, Kementerian Dalam Negeri dan Lembaga Penggalakan Pelancongan (TDC). Kini, beliau berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Dato' Haji Khairuddin graduated with a Bachelor degree in Economics and Administration (Hons) from the University of Malaya in 1973.

Prior to his posting at the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs in 1998, he was attached to the Ministry of Information, Commercial Vehicles Licensing Board, the Ministry of Public Enterprise, the Home Ministry and Tourism Development Corporation (TDC). He is currently the Deputy Secretary General (Resources) with the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs.

AZIYAH BAHAUDDIN

Puan Aziyah berkelulusan Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya. Beliau mula berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam pada tahun 1974 sebagai Penolong Setiausaha Bahagian Analisis Cukai, Kementerian Kewangan. Beliau pernah dilantik sebagai Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Pengurusan Kontrak dan Bekalan, di Kementerian yang sama dan kini menyandang jawatan sebagai Timbalan Setiausaha, Bahagian Analisis Cukai, Kementerian Kewangan.

Beliau yang terlibat dalam merangka dasar dan menyediakan garis panduan penggalakan cukai serta pengurusan perolehan cukai Kerajaan, turut menganggotai Lembaga Pengarah PORIM.

Puan Aziyah holds a Bachelor degree in Economics (Hons) from the University of Malaya. She began her public service career in 1974 as an Assistant Secretary with the Tax Analysis Division in the Ministry of Finance. She was later appointed Principal Assistant Secretary with the Ministry prior to her current position as Deputy Secretary with the Tax Analysis Division of the Ministry.

She was involved in designing the policy framework and drawing up guidelines on tax incentives besides managing the Government's tax resources. She is also on the Board of PORIM.

DATUK DR. ABDUL SAMAD HAJI ALIAS

Datuk Dr. Abdul Samad Alias berkelulusan Sarjana Muda Perdagangan dari University of Western Australia. Beliau adalah fellow Institute of Chartered Accountants Australia, Presiden Institut Akauntan Malaysia (MIA), Ahli Majlis Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) dan ahli bersekutu Chartered Institute of Bankers, UK.

Kini, beliau adalah Penasihat firma Ernst & Young, Malaysia, ahli Yayasan Laporan Kewangan dan Pengerusi Kumpulan Kerja mengenai Kawalan Dalaman yang ditubuhkan oleh BSKL untuk merumus garis panduan kawalan dalaman bagi syarikat-syarikat yang disenarai di bursa saham. Selain itu, Datuk Dr. Abdul Samad juga menganggotai Lembaga Pengarah, IGB Corporation Bhd., dan Pengerusi Malaysian Venture Capital Management Bhd dan Malaysia Debt Ventures Bhd.

Datuk Dr Abdul Samad Alias holds a Bachelor Degree in Commerce from the University of Western Australia. He is a fellow of the Institute of Chartered Accountants in Australia, President of the Malaysian Institute of Accountants (MIA), Council Member of the Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA) and associate member of the Chartered Institute of Bankers, UK.

He is currently an Advisor with Ernst & Young, Malaysia, a member of the Financial Reporting Foundation and is the Working Group Chairman of the Internal Control Task Force set up by the Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE) to formulate internal control guidelines for companies listed on the KLSE. Datuk Dr Abdul Samad also sits on the Board of the IGB Corporation Bhd. and is the Chairman of Malaysian Venture Capital Management Bhd. and Malaysia Debt Ventures Bhd.

CHEONG KEE FONG

Encik Cheong berkelulusan LLB (Hons) National University of Singapore dan LLM Harvard Law School dan merupakan seorang pengamal undang-undang dan rakan kongsi dalam firma guaman Cheong Kee Fong & Co. Beliau adalah seorang peguambela dan peguamcara di Mahkamah Tinggi, Malaya dan Supreme Court, Republik Singapura.

Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Conveyancing Practice on Corporate and Banking Law, Majlis Peguam Malaysia. Beliau pernah dilantik sebagai ahli Yayasan Laporan Kewangan dan ahli Jawatankuasa kerja mengenai tadbir urus korporat.

Mr Cheong holds an LLB (Hons) degree from the National University of Singapore and an LLM from Harvard Law School. He is a legal practitioner and partner of legal firm, Cheong Kee Fong & Co. He is also an advocate and solicitor with the High Court, Malaya and Supreme Court, Republic of Singapore.

He is a member of the Conveyancing Practice, Corporate and Banking Law Committee of the Malaysian Bar Council and has served as a member of the Financial Reporting Foundation and the working group on law reform issues on corporate governance established by the High Level Finance Committee on Corporate Governance.


ZAITON MOHD HASSAN

Puan Zaiton adalah Presiden/Pengarah Eksekutif Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC) dari tahun 1996. Beliau menjadi Fellow of the Chartered Association of Certified Accountants, UK (FCCA) dalam tahun 1985. Beliau juga adalah ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) semenjak tahun 1983. Puan Zaiton adalah ahli KLSE Membership Sub-Committee dan Jawatan Kuasa Pelaburan Amanah Saham Nasional (ASN), ASN 2, ASN 3 Imbang dan Amanah Saham Gemilang. Beliau juga adalah ahli Lembaga Pengarah Mesiniaga Berhad dan PFM Capital Holding Berhad (anak syarikat penuh milik Permodalan Nasional Berhad). Sebelum bertugas di MARC, Puan Zaiton telah berkhidmat dengan Maybank selama 12 tahun di dalam beberapa jawatan kanan, terakhirnya Pengurus Besar Perancangan Korporat. Sebelum berkhidmat di Maybank, beliau telah berkhidmat di Price Waterhouse, Bank Pembangunan (M) Berhad dan PFM Capital Holding Berhad.

Puan Zaiton is the President/Executive Director of Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC) since 1996. She qualified as a Fellow of the Chartered Association of Certified Accountants, UK (FCCA) in 1985. She is also a member of the Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA) since 1983. Puan Zaiton currently serves as a member of the KLSE Membership Sub-Committee, and the Investment Committees of Amanah Saham Nasional (ASN), ASN 2, ASN 3 Imbang and Amanah Saham Gemilang. She also holds directorships in Mesiniaga Berhad and PFM Capital Holding Berhad (a wholly-owned subsidiary of Permodalan Nasional Berhad). Prior to joining MARC, Puan Zaiton served Maybank for 12 years, in various senior positions, the last being General Manager of Corporate Planning. Before Maybank, she was also with Price Waterhouse, Bank Pembangunan (M) Berhad and PFM Capital Holding Berhad.



PENGURUSAN MANAGEMENT



PENGURUSAN EKSEKUTIF
EXECUTIVE MANAGEMENT

1

Abdul Alim Abdullah
Ketua Pegawai Eksekutif
Chief Executive Officer

Timbalan-Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
Deputy Chief Executive Officers

2

Zahrah Abd Wahab Fenner
Pengarah (Operasi & Pematuhan)
Director (Operations & Compliance)

3

Khoo Beng Chit
Pengarah (Perkhidmatan Syarikat & Perniagaan)
Director (Company and Business Services)

KETUA-KETUA JABATAN
DEPARTMENT HEADS

JABATAN PENDAFTARAN
REGISTRATION DEPARTMENT

4

Abdul Rahim Ali
Pengurus Besar / General Manager

JABATAN KHIDMAT PELANGGAN
CUSTOMER SERVICES DEPARTMENT

5

Mohamed Zanyuin Ismail
Pengurus Besar / General Manager

JABATAN PERANCANGAN DAN
PEMBANGUNAN KORPORAT
CORPORATE PLANNING AND
DEVELOPMENT DEPARTMENT

6

Nor Azimah Abdul Aziz
Pengurus Besar / General Manager

JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
INFORMATION TECHNOLOGY DEPARTMENT

7

Khuzairi Yahaya
Pengurus Besar / General Manager

JABATAN SUMBER KORPORAT
CORPORATE RESOURCES DEPARTMENT

Pengurus Besar (Kosong) / General Manager (Vacant)

JABATAN PEMATUHAN
COMPLIANCE DEPARTMENT

Pengurus Besar (Kosong) / General Manager (Vacant)

JABATAN PERUNDANGAN
LEGAL DEPARTMENT

8

Azhar Abdul Hamid
Pengurus Besar / General Manager

JABATAN AUDIT DALAM
INTERNAL AUDIT DEPARTMENT

9

Roslina Abdul Malik
Pengurus Kanan / Senior Manager

PEJABAT-PEJABAT NEGERI (UNIT SYARIKAT)

STATE OFFICES (COMPANY UNIT)

Pengurus Negeri
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Sabah (Unit Syarikat)
Tingkat 7, Blok C, Bangunan KWSP
Jalan Karamuning
Beg Berkunci No. 2039
88999 Kota Kinabalu
Tel : 088-233551/088-233346
Fax : 088-237884

Pengurus Negeri
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Kedah (Unit Syarikat)
Tingkat 2, Wisma PKNK
Jalan Sultan Badlishah
05000 Alor Setar
Kedah
Tel : 04-7330111
Fax : 04-7315517

Pengurus Negeri
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Pahang (Unit Syarikat)
Tingkat 4, Bangunan HSBC
Jalan Mahkota
25000 Kuantan, Pahang
Tel : 09-5164866
Fax : 09-5161869

Pengurus Negeri
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Johor (Unit Syarikat)
Tingkat 7, Pusat Profesional
Jalan Syed Mohd Mufti
80000 Johor Bahru
Johor
Tel : 07-2233589
Fax : 07-2241714

Pengurus Negeri
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Melaka (Unit Syarikat)
Aras 7, Bangunan Yayasan Melaka
Off Jalan Hang Tuah
75300 Melaka
Tel : 06-2840720
Fax : 06-2838976

Pengurus Negeri
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Sarawak (Unit Syarikat)
Tingkat 7, Bangunan Sultan Iskandar

Jalan Simpang Tiga
93000 Kuching
Sarawak
Tel : 082-428499
Fax : 082-240721

Pengurus Negeri
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Terengganu (Unit Syarikat)
Tingkat 7, Menara Yayasan Islam Terengganu
Jalan Sultan Omar
20300 Kuala Terengganu
Terengganu
Tel : 09-6237127
Fax : 09-6230945

Pengurus Negeri
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Kelantan (Unit Syarikat)
Tingkat 10, Wisma Persekutuan
Jalan Bayam
15200 Kota Bharu
Kelantan
Tel : 09-7482860
Fax : 09-7447622

Pengurus Negeri
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Pulau Pinang (Unit Syarikat)
Tingkat 3A, Bangunan NB Tower 1
5050 Jalan Bagan Luar
12000 Butterworth
Tel : 04-3332081
Fax : 04-3332079

Pengurus Negeri
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Labuan (Unit Syarikat)
6A1 & 6A2, Tingkat 6, Blok 4
Kompleks Ujana Kewangan
Jalan Merdeka
87000 W. Persekutuan, Labuan
Tel : 087-414100/414768
Fax : 087-404152

Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Perak (Unit Syarikat)
Tingkat 12, Bangunan Sri Kinta
Jalan Sultan Idris Shah
30000 Ipoh, Perak
Tel : 05-2416900
Fax : 05-2554805

PEJABAT-PEJABAT NEGERI (UNIT PERNIAGAAN)

STATE OFFICES (BUSINESS UNIT)

Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Terengganu (Unit Perniagaan)
Tingkat 6, Menara Yayasan Islam Terengganu
Jalan Sultan Omar
20300 Kuala Terengganu
Terengganu
Tel : 09-6237127/6237170
Fax : 09-6237172/6230945

Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Kedah (Unit Perniagaan)
Tingkat 4 & 5, Menara Peladang
Jalan Telok Wanjah
15621 Alor Setar
Kedah
Tel : 04-7318277
Fax : 04-7316037

Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Pahang (Unit Perniagaan)
Tingkat 5 & 6, Bangunan Asia Life
Jalan Teluk Sisek
25000 Kuantan, Pahang
Tel : 09-5164600
Fax : 09-5163316

Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Perak (Unit Perniagaan)
Tingkat 1, Blok C
Bangunan Persekutuan
Jalan Dato' Seri Ahmad Said
30450 Ipoh, Perak
Tel : 05-2547913
Fax : 05-2554402

Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Melaka (Unit Perniagaan)
Tingkat 5, Bangunan Graha Maju
75300 Melaka
Tel : 06-2821822
Fax : 06-2821634

Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Johor (Unit Perniagaan)
Tingkat 8, Pusat Profesional
Jalan Syed Mohd Mufti
80000 Johor Bahru, Johor
Tel : 07-2244710/2244708
Fax : 07-2248169

Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Kelantan (Unit Perniagaan)
Tingkat 3, Kompleks Niaga LUTH
Jalan Dato' Pati
15620 Kota Bharu
Kelantan
Tel : 09-7484599
Fax : 09-7447622

Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Pulau Pinang (Unit Perniagaan)
Tingkat 3, Bangunan NB Tower 1
5050 Jalan Bagan Luar
12000 Butterworth
Tel : 04-3327793/3311398
Fax : 04-3327713

Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Labuan (Unit Perniagaan)
6A1 & 6A2, Tingkat 6, Blok 4
Kompleks Ujana Kewangan
Jalan Merdeka
87000 W.Persekutuan, Labuan
Tel : 087-418016
Fax : 087-404018

PERUTUSAN PENGERUSI SURUHANJAYA



CHAIRMAN'S MESSAGE



" Penubuhan SSM, iaitu gabungan dua bahagian berasingan Kementerian menjadi sebuah agensi atau Badan Berkanun Persekutuan yang pertama di bawah Kementerian "

" The Commission was established following the merger of two separate divisions under the Ministry making it the first agency or Federal Statutory Body under the Ministry "

PERUTUSAN PENGERUSI SURUHANJAYA

CHAIRMAN'S MESSAGE

Assalamualaikum wbkt.

Suruhanjaya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang membantu usaha-usaha penubuhan Suruhanjaya dan juga yang turut menyertai Hari Pelancaran Penubuhan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada 16 April 2002, terutamanya kepada Y.B. Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang telah merasmikan penubuhan SSM.

Penubuhan SSM, iaitu gabungan dua bahagian berasingan Kementerian menjadi sebuah agensi atau Badan Berkanun Persekutuan yang pertama di bawah Kementerian, bertujuan supaya SSM dapat berfungsi dengan lebih cekap dan berkesan. Saya percaya justifikasi dan matlamat menubuhkan SSM dapat dicapai dengan pemberian status autonomi dari aspek pentadbiran, pengurusan sumber manusia dan kewangan.

Pihak Kerajaan telah membantu SSM selepas ianya ditubuhkan dengan pemberian Geran Pelancaran untuk memastikan fungsi SSM tidak tergendala dan perkhidmatan kepada pelanggan serta sektor korporat dan perniagaan tidak terjejas.

Semenjak penubuhannya Anggota Suruhanjaya telah bersidang dalam enam mesyuarat sepanjang tahun 2002 untuk memutus dan menentukan dasar-dasar SSM dari

Assalamualaikum wbkt.

The Commission wishes to thank everyone for their contributions and efforts in helping to realise the setting up of the Commission and for their participation at the official launching of the Companies Commission of Malaysia on 16 April 2002. Special thanks go to Y.B. Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin, Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs, who officiated the launching ceremony.

The Commission was established following the merger of two separate divisions under the Ministry so that it could function more efficiently and effectively. This makes the Commission the first agency or Federal Statutory Body under the Ministry. I believe the objective of the Commission's formation can be achieved given the fact that it has been granted autonomy in all aspects of administration, management, human resources and finance.

The Government has provided the CCM with a launching grant to ensure smooth running of its operations and to avoid disruptions in services for its clients including the corporate and business sector.

Since its formation, Members of the Commission have convened six meetings throughout 2002 to decide on CCM's policies covering a broad range of aspects from

aspek kewangan, perkhidmatan dan pentadbiran. Bagi melicinkan pentadbiran, beberapa jawatankuasa Suruhanjaya telah ditubuhkan meliputi urusan antaranya perjawatan, kenaikan pangkat, tatatertib, perolehan dan audit. SSM juga akan menambah beberapa peraturan, arahan dan pekeliling untuk dipatuhi oleh pekerja. Tabung-tabung pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer turut dibentuk bagi kemudahan pekerja.

Anggota Suruhanjaya telah memutuskan untuk menerima pakai struktur organisasi yang diluluskan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam bagi tempoh peralihan. Struktur organisasi, wawasan, misi dan objektif SSM yang lebih mantap selaras dengan perubahan ekonomi akan diwujudkan selaras dengan Laporan Akhir Halatuju Strategik SSM yang telah dibincang dan dirangka oleh Anggota Suruhanjaya dan Ketua-Ketua Jabatan SSM dengan disokong oleh Perunding yang dilantik di Bengkel Halatuju Strategik yang telah diadakan pada 14 – 15 Jun 2003.

Di peringkat awal, SSM terpaksa mengharungi beberapa masalah teknikal dalam usaha melaksanakan perubahan dasar, fungsi dan kuasa yang termaktub dalam perundangan SSM. Saya yakin setelah berjaya mengatasi rintangan-rintangan di peringkat awal ini dan dengan kerjasama jitu dan komitmen yang berterusan daripada

finance to services and administration. Several committees have been set up to facilitate the effective administration of its functions that deal with matters including that of staffing, career promotion, discipline, procurement and auditing. The Commission has also introduced more regulations, directives and circulars that employees need to observe. Staff facilities including housing, vehicle and computer loans were also provided.

For the transition period, Members of the Commission have decided to adopt the organisational structure approved by the Public Services Department. A more sustainable organisational structure, vision, mission and objectives which are in tandem with the changing economy will be introduced pursuant to the CCM's Strategic Direction Final Report which was articulated and structured by the Members of the Commission and Heads of Department of CCM with the support of consultants at the Strategic Visioning Workshop which was held between 14-15 June 2003.

In the early stages of its formation, the Commission had encountered technical problems in its efforts to implement changes in policy with regards to its functions and powers as stipulated in the laws related to CCM. I believe our ability to overcome these challenges and with concerted effort and commitment shown by the staff, the Commission

semua warga SSM, SSM akan dapat dibentuk dan diurus ke arah matlamat menjadikannya sebuah Pusat Kecemerlangan bagi perkhidmatan korporat dan perniagaan negara.

Akhir kata, bagi pihak Suruhanjaya, saya merakamkan penghargaan ikhlas kepada pihak pengurusan dan semua warga SSM atas usaha dan dedikasi mereka untuk memastikan objektif penubuhan SSM tercapai.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR SULAIMAN MAHBOB

Pengerusi / *Chairman*

Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Companies Commission of Malaysia

is in a position to achieve its desired objectives of becoming a centre of excellence for corporate and business services.

Lastly, on behalf of the Commission, I wish to express my sincere appreciation to the management and the entire CCM community for their dedication in ensuring the fulfilment of the Commission's objectives.

Thank you.


Nota mengenai istilah / Notes on Glossary

Syarikat - syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965.


Company - companies incorporated under the Companies Act 1965.

Perniagaan - perniagaan yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Business - businesses registered under the Registration of Businesses Act 1956.



PENYATAAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF





THE CHIEF EXECUTIVE OFFICER'S STATEMENT



ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF *THE CHIEF EXECUTIVE OFFICER'S REVIEW*

Assalamualaikum wbkt.

Ini merupakan laporan tahunan pertama Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Ditubuhkan pada 16 April, 2002, SSM telah mengharungi pelbagai proses perundangan, prosedur pentadbiran dan pengurusan serta pelaksanaan bagi membuka laluan kepada penubuhan organisasi baru ini. Fungsi dan tanggungjawab yang selama ini dipikul oleh Pendaftar Syarikat dan Pendaftar Perniagaan akan terus dilaksanakan oleh SSM.

Assalamualaikum wbkt.

This is the first annual report of the Companies Commission of Malaysia (CCM). Established on 16 April 2002, CCM has gone through numerous legal processes in implementing the administrative and management procedures to pave the way for the setting up of this new organization. CCM will continue to carry out the existing functions and responsibilities of both the Registrar of Companies (ROC) and Registrar of Businesses (ROB).

Sepanjang tahun 2002, SSM beroperasi dalam persekitaran ekonomi yang semakin pulih daripada kesan Peristiwa 11 September dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tumbuh pada kadar 4.1% berbanding 0.4% pada tahun 2001. Keadaan ini secara keseluruhan telah mendorong peningkatan sentimen kepada sektor korporat dan perniagaan Malaysia.

Struktur Organisasi

Dalam Mesyuarat Suruhanjaya yang diadakan pada 16 April 2002, Anggota SSM telah bersetuju untuk menerima pakai Struktur Organisasi SSM yang telah diluluskan oleh Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam. Sebanyak 813 perjawatan dalam pelbagai gred dan disiplin telah diluluskan. Berikutan itu, kesemua 668 perjawatan (347 ROC dan 321 ROB) telah ditukarkan untuk mengisi pelbagai jawatan dalam SSM.

Seterusnya, SSM telah melaksanakan dasar pengambilan kerja menurut seksyen 21 Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 dan dasar penempatan menurut struktur organisasi yang telah diluluskan.

Sumber Manusia

Opsyen

SSM telah mengeluarkan tiga opsyen kepada pekerjaannya –

- Tawaran Opsyen Pertukaran kepada Perkhidmatan SSM bagi pegawai dan kakitangan ROB/ROC berkuatkuasa dari 16 April 2002 yang mana 92% daripada mereka telah memilih opsyen;
- Tawaran Opsyen Sistem Saraan Malaysia untuk pekerja SSM berkuatkuasa dari 1 November 2002 yang mana 100% telah memilih opsyen; dan
- Tawaran Opsyen Sistem Saraan Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk pekerja SSM berkuatkuasa dari 16 Disember 2002, di mana 98.8% telah memilih opsyen tersebut.

Pembangunan Sistem Komputer

Dua sistem teknologi maklumat iaitu Sistem Pengurusan Dokumen dan Bekalan Maklumat Bersepadu ("IDAMAN")

The CCM was operating under favourable economic conditions throughout 2002 in the aftermath of the Sept 11 incident, which saw the country's Gross Domestic Product (GDP) registering a growth of 4.1% compared with 0.4% in 2001. This has led to improved public sentiment towards the corporate and business sectors in Malaysia.

Organisational Structure

At the Meeting of the Commission held on 16 April 2002, Members of the CCM had agreed to adopt the CCM's Organisational Structure as approved by the Organisational Development Division of the Public Services Department. A total of 813 positions of various grades and discipline were approved. Accordingly, 668 positions (347 in ROC and 321 in ROB) were reappointed and retained within the CCM.

Subsequently, CCM has implemented a recruitment policy pursuant to section 21 of the Companies Commission of Malaysia Act 2001 and a placement policy adopted in accordance with the approved organisational structure.

Human Resources

Options

CCM has issued three options to its employees –

- *Offer of Option to Transfer to CCM Service for officers and staff of ROB/ROC effective from 16 April 2002 wherein 92% of the staff had chosen this option;*
- *Offer of Option for the Malaysian Remuneration System for employees of CCM effective from 1 November 2002 wherein 100% of the staff had opted for this scheme; and*
- *Offer of Option for the Companies Commission of Malaysia Remuneration System for CCM employees effective from 16 December 2002 wherein 98.8% of the staff had chosen this option.*

Computer System Development

Two information technology systems namely the Integrated Documents Management and Supply of Information System (IDAMAN) and the Automated Business Registration Filing



dan Sistem Automasi Fail Pendaftaran Perniagaan ("SAFARI") membolehkan SSM mengurus pendaftaran dan penyimpanan maklumat syarikat dan perniagaan melalui sistem pengimejan. Sementara itu, sistem komputer berasaskan kerangka utama terus berfungsi untuk tujuan penyimpanan data dan mengemaskini maklumat syarikat dan perniagaan.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM27.8 juta bagi pelaksanaan Projek Migrasi, yang akan membawa satu dimensi baru dalam aplikasi sistem komputer di SSM. Di bawah projek tersebut, sistem maklumat sedia ada syarikat dan perniagaan akan dimigrasi kepada sistem terbuka berasaskan internet/server. Projek yang dijangka akan siap menjelang Disember 2003 ini akan menyediakan aplikasi elektronik kepada SSM seperti e-payment, e-search dan e-filing. Sistem internet tersebut akan memberi kemudahan dan keselesaan kepada para pelanggan kerana ini akan membolehkan mereka berurusan secara maya dengan SSM pada bila-bila masa dan di mana jua.

Pemprosesan Maklumat Korporat

Sepanjang tahun 2002, sebanyak 7.04 juta imej telah diimbas daripada dokumen semasa (current day conversion). Sebanyak 1.73 juta imej dihasilkan melalui

System (SAFARI) enables CCM to manage the registration and storage of company and business information through an imaging system. Meanwhile, the mainframe computer system will continue to operate to assist in data storage and updating of company and business information.

Under the Eighth Malaysia Plan, the Government had allocated RM27.8 million to implement the Migration Project, which will create a new dimension of computer system applications for CCM. This project involves the migration of existing company and business information system to an open internet/server based system which is targeted for completion by December 2003. CCM will benefit from this new system which offers various electronic applications such as e-payment, e-search and e-filing. The Internet system will provide convenience and comfort to clients because the transactions can, by then be conducted on-line anywhere and at anytime.

Corporate Information Processing

In 2002, a total of 7.04 million images were scanned from current day conversion. Some 1.73 million images were processed from on demand scanning and back-file conversions. On 31 December 2002, the back-file conversion scanning of physical documents on all annual returns and accounts for 1996-1999 had been out-sourced,



permintaan dan proses penukaran dokumen tertunggak. Pada 31 Disember 2002, pengimbasan penyata tahunan dan akaun tertunggak dari tahun 1996 hingga 1999 dikendalikan oleh pihak luar (outsourced) yang telah menghasilkan pemindahan 3.09 juta imej ke dalam Sistem IDAMAN. Bermula dari bulan Januari 2003, pengimbasan imej daripada microfische kepada imej digital juga akan dikendalikan oleh pihak luar dan ini akan diselesaikan akhir 2003. Dianggarkan sebanyak 54 juta imej akan disimpan di dalam Sistem IDAMAN.

Prestasi Keseluruhan Pendaftaran

SSM mencatatkan peningkatan positif dalam pendaftaran, selaras dengan pertumbuhan ekonomi negara yang lebih mantap berbanding tahun 2001. Sepanjang tahun 2002 sebanyak 55,913 permohonan nama syarikat telah diluluskan, ini bermakna terdapatnya pertambahan sebanyak 11.2% dari tahun sebelumnya, sementara bilangan syarikat yang diperbadankan meningkat pada kadar 8.9% kepada 34,810. Sehingga 31 Disember 2002, bilangan jumlah syarikat yang telah didaftarkan meningkat kepada 606,170 syarikat, bertambah sebanyak 6.1% dari tahun 2001 dan daripada jumlah tersebut 99.3% merupakan syarikat tempatan.

Bagi pendaftaran perniagaan, SSM telah memproses 162,949 permohonan pada tahun 2002, meningkat 8.3%.

resulting in 3.09 million images being uploaded into the IDAMAN System. Image scanning from the microfiche format to digital images, which was also out-sourced, started in January 2003 and will be completed by the year end by which time an estimated 54 million images will be stored in CCM's IDAMAN System.

Overall Registration Performance

CCM has recorded a positive increase in registration for 2002, in line with the strong economic growth experienced by the country compared with 2001. A total of 55,913 applications for company names were approved in 2002, reflecting an increase of 11.2% from the previous year, while the number of companies incorporated rose by 8.9% to 34,810. As of 31 December 2002, the number of registered companies rose to 606,170, an increase of 6.1% from the previous year of which 99.3% of the registered companies were local companies.

For business registration, CCM processed a total of 162,949 applications in 2002, an increase of 8.3%. For the year under review, new business registration stood at 155,419 which represents an increase of 11.4%. The number of businesses registered as at the end of 2002 was 2,501,455 of which only 1,006,894 were still active.

Pada tahun yang ditinjau ini, pendaftaran perniagaan baru bertambah 11.4% kepada 155,419 perniagaan. Bilangan perniagaan yang didaftarkan sehingga akhir 2002 adalah 2,501,455 yang mana 1,006,894 daripada jumlah tersebut adalah perniagaan yang aktif.

Bilangan syarikat yang berdaftar di bawah objek perlombongan dan kuari, pembinaan, perdagangan borong & runcit, perkhidmatan kewangan, perkhidmatan komuniti dan sosial menunjukkan arah aliran meningkat, manakala syarikat-syarikat yang didaftarkan di bawah objek lain pula mencatatkan penurunan. Perniagaan runcit makanan, pembinaan, perkhidmatan pengangkutan, tekstil dan pakaian, jualan borong bahan makanan mentah dan perkhidmatan pengurusan merupakan antara beberapa perniagaan yang mencatatkan pertumbuhan operasi pada tahun 2002.

The number of companies registered under the object categories of mining and quarrying, construction, whole - sale and retail trading, financial services as well as community and social services showed an upward trend while companies that were registered under other object categories recorded a decline. Food retail business, construction, transport services, textiles and clothing, wholesale of raw food and management services were among the sectors that registered operational growth in 2002.



Pemulihan prestasi ekonomi pada tahun 2002 telah menyebabkan bilangan syarikat yang dibubarkan berkurangan dengan ketara iaitu pada kadar 33.1% atau 3,508 syarikat berbanding 5,247 buah syarikat pada 2001. Sebanyak 76,847 perniagaan telah dibubarkan pada tahun 2002 berbanding 79,310 pada tahun 2001 atau berkurangan sebanyak 3.1%

Dokumen berkanun syarikat yang berdaftar dengan SSM pada tahun 2002 meningkat sebanyak 9.8% kepada 1.35 juta dokumen yang antara lain meliputi 20,965 pelepasan gadaian (meningkat 34.4%) dan 235 prospektus (meningkat 44.2%). Peningkatan dalam bilangan pelepasan gadaian ini menunjukkan bahawa kini lebih banyak syarikat telah berjaya menjelaskan hutang korporat mereka.

Prestasi Keseluruhan Perkhidmatan Pelanggan Bekalan maklumat mencatat peningkatan prestasi daripada 97% pada tahun 2001 kepada 99.8% pada tahun 2002, dimana sebanyak 1.29 juta maklumat korporat telah dibekalkan dan ini merupakan peningkatan sebanyak 1.6% dari tahun sebelumnya.

Pada tahun ini, SSM telah memperkenalkan beberapa program perkhidmatan pelanggan bagi mempertingkatkan tahap kualiti perkhidmatan pelanggannya. SSM meneruskan Khidmat Kaunter Pelanggannya dan bermula dari 1 Disember 2002 orang ramai boleh mula menggunakan perkhidmatan Hotline yang tersedia pada hari-hari bekerja. Hari Sabtu kedua setiap bulan pula dikhaskan sebagai Hari Bersama Pelanggan.

The improved economic outlook for 2002 saw a decline in the number of companies being dissolved registering a decrease of 33.1% or 3,508 companies compared with 5,247 companies in 2001. Likewise, the number of dissolution of businesses dropped by 3.1% to 76,847 in 2002 from a total of 79,310 in 2001.

A total of 1.35 million statutory documents were filed in 2002, an increase of 9.8%, which included among others 20,965 charges, discharge of charges (an increased of 34.4%) and 235 prospectuses and (increase of 44.2%). The rise in the discharge of charges indicated that more companies were able to settle their corporate debts.

Overall Performance of Customer Service

The performance of information supply achieved a level of 99.8% in 2002 compared with 97% in 2001 wherein a total of 1.29 million corporate information were supplied, representing an increase of 1.6% from the previous year.

In an effort to improve the quality of its customer service, CCM has introduced several customer service programmes this year. CCM will continue with its Customer Service Counter, which commenced on 1 December 2002. Its Hotline service is opened to the public on working days while the second Saturday of each month has been designated as the "Day With The Clients".

Isu-isu Pengawalseliaan dan Penguatkuasaan

Pelaksanaan Penguatkuasaan

SSM terus memberi perhatian terhadap tanggungjawab penguatkuasaan walaupun berhadapan dengan masalah kekurangan pegawai penguatkuasa serta beban tugas yang semakin bertambah. Sepanjang tahun 2002, SSM menerima 422 aduan dan telah memeriksa 66 fail dan 99 kertas siasatan telah dibuka sementara selebihnya adalah di luar bidang kuasa SSM. Sebanyak 180 syarikat telah disiasat oleh pegawai dari ibu pejabat dan 30 syarikat bersama-sama para pengarahnya telah dikenakan kompaun. Sejumlah RM941,000 kompaun telah dikenakan bagi pelbagai kesalahan utama, termasuk tidak mengadakan mesyuarat agung tahunan, gagal menyerahkan penyata tahunan mereka dan tidak membentangkan penyata kewangan di mesyuarat agung tahunan. Amaran turut dihantar kepada syarikat yang gagal mengemaskini buku berkanun mereka.

Manakala bagi perniagaan pula, sejumlah 103,820 premis perniagaan telah diperiksa pada tahun 2002 dan kompaun yang dikenakan atas pelbagai kesalahan berjumlah RM10.6 juta.

Unit Pengawasan Laporan Kewangan (UPLK) telah menyemak 8,655 penyata kewangan tahunan syarikat yang disertakan dengan laporan juruaudit bersyarat. Unit ini juga telah menjalankan siasatan ke atas 67 penyata kewangan syarikat yang dikategorikan syarikat PN4. Keputusan semakan tersebut menunjukkan bahawa 11 syarikat PN4 telah disyaki melanggar Akta Syarikat 1965 dan penyiasatan sedang dijalankan ke atas syarikat-syarikat berkenaan. Hasil penyemakan ke atas rekod juruaudit syarikat, Unit Pengawasan Juruaudit mendapati bahawa 141 juruaudit syarikat tidak memperbaharui lesen audit mereka.

Pendakwaan dan Keberkesanan

Pengawalseliaan

Sepanjang tahun 2002, Bahagian Litigasi mengendalikan sebanyak 1,907 kes Mahkamah di mana 28 merupakan kes

Regulatory and Enforcement Issues

Executing Enforcement

CCM will continue to give attention to enforcement activities despite experiencing a shortage of enforcement officers and rising workload. In 2002, it had received 422 complaints and had examined, 66 files and 99 investigation papers were opened while the rest were cases outside its jurisdiction. A total of 180 companies were inspected by CCM officers from its headquarters which resulted in 30 companies and their directors being compounded. Compound notices worth RM941,000.00 were issued for major offences including failure to convene annual general meetings, to lodge annual returns and failure in tabling financial statements at annual general meetings. Warnings were also issued to companies that failed to update their company statutory books.

As for businesses, a total of 103,820 business premises were inspected in 2002 and compound notices worth RM10.6 million were issued.

The Financial Reports Surveillance Unit had reviewed 8,655 Financial Statements of companies that were submitted with qualified audited reports. This unit had also inspected 67 company financial accounts that had been categorized as PN4 companies. Results of the inspection showed that 11 PN4 companies were suspected to have violated the Companies Act 1965 wherein investigations are now on-going. Investigations on auditors records also revealed that 141 company auditors had failed to renew their licence following an operation carried out by the Audit Supervision Unit.

Prosecution and Surveillance Effectiveness

In 2002, the Litigation Division handled a total of 1,907 court cases of which 28 were civil cases, 2 criminal cases and 22 summons cases under the Companies Act 1965

sivil, 2 kes jenayah dan 22 kes saman di bawah Akta Syarikat 1965 sementara 1,855 kes saman di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Salah satu sebab utama penubuhan SSM adalah untuk mempertingkatkan aktiviti pengawalseliaan dan penguatkuasaan dengan cekap dan berkesan. Mengikut rancangan, apabila semua langkah penyusunan semula dan penempatan selesai, Jabatan Pematuhan, Jabatan Perundangan dan Bahagian Pematuhan di setiap pejabat negeri akan dipertingkatkan dan kekosongan jawatan akan diisi selaras dengan rancangannya, bagi menjadikan SSM sebuah badan pengawalseliaan yang cekap, berkesan dan dihormati.

Pematuhan Kehendak Penzahiran / Tadbir Urus Korporat

Kemelesetan ekonomi yang melanda pada tahun 1997 dan kesan keadaan tersebut telah mengakibatkan banyak syarikat berhadapan dengan pelbagai masalah kewangan yang serius dan memaksa sesetengah syarikat menghentikan operasi mereka atau dibubarkan. Kegagalan tersebut sebahagiannya disebabkan oleh kelemahan amalan tadbir urus korporat, ketelusan yang tidak diambil berat, kegagalan mematuhi keperluan pematuhan dan penyelewengan, pelanggaran terhadap undang-undang dan kegagalan pengarah, eksekutif dan setiausaha syarikat untuk menjalankan tugas fidusiari mereka. Sehubungan itu, SSM sedang merancang untuk menggandakan

while 1,855 summons cases were dealt with under the Registration of Businesses Act 1956.

One of the main reasons for the establishment of CCM is to enhance its regulatory activities, efficiency and effectiveness of its enforcement. Once restructuring and overall placements have been completed, the Compliance Department, Legal Department and Compliance Division in the respective states would be expanded and vacant positions filled in line with its plans to make the CCM an efficient, effective and respected regulatory body.

Disclosure Requirements/Corporate Governance

The 1997 economic downturn saw many companies experiencing serious financial difficulties, with some having to cease operations or be wound up. This was mainly due to weak corporate governance practices, inadequate transparency, failure to comply with disclosure requirements and malpractices, infringement of laws and failure on the part of directors, executive officers and company secretaries in carrying out their fiduciary duties. In this respect, CCM is planning to enhance its capability to monitor, detect and prevent malpractices among officers of the company and business owners, based on good corporate governance practices and business ethics.



keupayaannya memantau, mengenalpasti dan mencegah pemalsuan dan penyelewengan di kalangan pegawai syarikat dan pemilik perniagaan berasaskan kepada amalan terbaik tadbir urus korporat dan etika perniagaan yang berwibawa.

Program Latihan Pengarah Syarikat (CDTP) yang dilancarkan pada 17 Mei 2001, telah berjalan dengan lancar. Pelaksanaan dan pengurusannya akan dipertingkatkan dengan kerjasama semua pihak. Pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan pengurusan sesebuah syarikat perlu memahami manfaat dan kepentingan program seumpama ini. Pada tahun 2002, SSM telah menjalankan 1,070 Program CDTP yang dihadiri oleh seramai 58,220 orang pengarah syarikat dianjurkan oleh 32 syarikat/institusi yang diberi Hak Latihan dan juga oleh institusi yang mendapat kebenaran secara ad hoc daripada SSM untuk menganjurkan kursus latihan tersebut.

Cabaran Globalisasi dan Liberalisasi

Era globalisasi dan liberalisasi pasti akan mendedahkan sektor korporat dan perniagaan tempatan kepada persaingan daripada syarikat-syarikat asing. Justeru, sebagai usaha untuk memastikan supaya syarikat dan entiti perniagaan mampu menghadapi cabaran tersebut, sektor ini perlu menjalankan dan mengurus perniagaan mereka secara profesional dan mempunyai perspektif global serta sentiasa mempertingkatkan tahap daya saingan mereka. Ini pasti akan memerlukan mereka membangun perancangan korporat dan strategi jangka panjang. SSM akan memainkan peranannya dengan menyemak semula peruntukan perundangan dan peraturan syarikat dan perniagaan bagi membantu sektor ini mengurangkan kos pematuhan, menggalakkan sektor korporat berkembang maju melalui ciri-ciri keusahawanan dan amalan terbaik setaraf dengan sektor korporat antarabangsa.

Perkembangan Undang-Undang Ditadbir

Enam perundangan berhubung penubuhan SSM dan Akta-Akta yang ditadbir olehnya telah diwartakan dan dikuatkuasakan pada tahun 2002. Empat daripadanya

The Corporate Directors Training Programme (CDTP) that was launched on 17 May 2001, has been doing well. It will be improved further with the cooperation of all parties. Those directly involved in the management of a company need to fully comprehend the benefits and importance of such a programme. As of the end of 2002, the CCM organised a total of 1,070 training programmes that were attended by 58,068 company directors conducted by 32 companies/institutions that have received the Training Rights, or institutions that have been given ad-hoc permission by CCM to organize such training courses.

The Challenge of Globalization and Liberalization

The era globalization and liberalization will certainly expose the domestic corporate and business sectors to competition from foreign companies. To ensure that local companies and business entities can rise to the challenge, the sectors should strive to manage their businesses professionally, possess global perspectives besides enhancing their competitive edge. This will obviously require long term corporate and strategic planning. CCM will play its role in reviewing legal provisions and company/business regulations to help the sectors reduce compliance costs, promote corporate sector growth by adopting entrepreneurial characteristics and best practices comparable with those of the international corporate sector.

Development of Administered Laws

Six pieces of legislation in relation to the establishment of CCM and the various Acts administered by it were gazetted and came into force in 2002. Four of them which came into force on 16 April 2002 were the Companies Commission Act 2001, Vesting Order 2002, Registration of Businesses (Amendment) Act 2001, Registration of Businesses (Amendment) Rules 2002 and Companies (Amendment) (No. 2) Act 2001 while the Company (Amendment of Schedule) Order 2001 came into force on 2 January 2002.

yang berkuatkuasa pada 16 April 2002 adalah Akta Suruhanjaya Syarikat 2001, Perintah Peletakhakan 2002, Akta Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2001, Kaedah Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2002 dan Akta Syarikat (Pindaan) (No.2) 2001 manakala Perintah Syarikat (Jadual Kedua) (Pindaan) 2001 telah dikuatkuasa pada 2 Januari 2002.

Beberapa cadangan pindaan ke atas Akta Syarikat 1965 yang turut mengambilkira perkembangan dan keperluan semasa termasuk cadangan oleh Jawatankuasa Kewangan Peringkat Tertinggi (antaranya meliputi aspek ketelusan, akauntabiliti, amalan tadbir urus korporat, transaksi pihak yang berkaitan dan kebebasan juruaudit) kini sedang diteliti. Konsep "Limited Liability Partnership" kini sedang dikaji untuk diperkenalkan. Di samping itu, kajian juga sedang dijalankan mengenai beberapa peruntukan di bawah Akta Syarikat 1965 untuk mempermudah proses penubuhan dan seterusnya pematuhan oleh syarikat-syarikat kecil dan syarikat tidak aktif. Ia akan meliputi cadangan untuk memperkenalkan peruntukan bagi membolehkan pemulihan dilaksanakan ke atas syarikat-syarikat yang mengalami masalah kewangan, selaras dengan peruntukan di bawah Chapter 11 di Amerika Syarikat.

Beberapa pengalaman kegagalan korporat di luar negeri juga dipertimbangkan dalam merangkakan pindaan ke atas Akta Syarikat yang kami akan kemukakan. Selain daripada tanggungjawab juruaudit, satu peruntukan baru yang dikenali sebagai "whistle blowing provision" akan diperkenalkan, ia akan memberi perlindungan daripada tindakan undang-undang kepada para pengarah, pegawai dan kakitangan syarikat yang melaporkan kepada pendaftar syarikat dan badan-badan penguatkuasa yang lain apabila menyedari/mendapati berlakunya sebarang pelanggaran undang-undang/peraturan oleh pengurusan syarikat.

Membina Rangkaian Kerjasama

Sepanjang tahun 2002, SSM telah membuat tiga pengumuman awam iaitu berkaitan dengan pembayaran urusniaga kepada SSM (Pengumuman Awam 1/2002

Several proposed amendments to the Companies Act 1965 which take into account developments and prevailing conditions including a proposal by the High Level Finance Committee (covering aspects on transparency, accountability, corporate governance practices, related party transactions and auditors independence) are currently being studied. The "Limited Liability Partnership" concept is currently being studied for possible introduction. Studies are also being conducted on several provisions of the Companies Act 1965 to help simplify the process of incorporation as well as compliance by small and dormant companies. It shall cover proposals to introduce provisions that will allow companies facing financial difficulties to be rehabilitated, similar to the provisions of Chapter 11 in the United States.

Several experiences involving the failure of foreign companies will also be given consideration in the amendments to be made to the Companies Act 1965 that will be proposed. Besides the issue of auditors' responsibilities, a whistle blowing provision will be introduced and it will give protection or immunity from legal action to directors, officers and employees of a company who report any contravention of the laws and regulations to the Registrar of Companies and other regulatory bodies.

Establishment of Networking

In 2002, CCM had made three public announcements regarding payment transactions to CCM (Public Announcement 1/2002 dated 29 May 2002), official address of CCM (Public Announcement 2/2002 dated 29 May 2002) and procedures for lodgement of Form 49 with regard to the appointment and dismissal of directors, managers and company secretaries (Public Announcement 3/2002 dated 19 July 2002).

Besides participating in a Ministerial Dialogue with the Industry in 2002, the CCM has forged strong links with various associations and professional bodies like MID, MAICSA, AACS, MACS and MHTDF.

bertarikh 29 Mei 2002), alamat pejabat SSM (Pengumuman Awam 2/2002 bertarikh 29 Mei 2002) dan prosedur penyerahsampaian Borang 49 berhubung pelantikan dan pemecatan pengarah, pengurus dan setiausaha syarikat (Pengumuman Awam 3/2002 bertarikh bertarikh 19 Julai 2002).

Di samping mengambil bahagian dalam Dialog dengan Industri di peringkat Kementerian pada tahun ini, SSM juga berjaya memupuk hubungan yang erat dengan pelbagai persatuan/pertubuhan profesional seperti MID, MAICSA, AACS, MACS dan MHTDF.

SSM akan memberi penekanan dan inisiatif untuk mewujudkan rangkaian dan kerjasama dengan badan-badan dan pihak berkuasa berprestasi tinggi di dalam dan di luar negeri sebagai model dan mengukur pencapaian dan kemajuan SSM.

Prestasi Kewangan SSM

Bagi memulakan operasinya, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM43.6 juta sebagai Geran Pelancaran yang ditambah dengan peruntukan belanjawan SSM bagi tahun 2002 sebanyak RM195.8 juta yang diluluskan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Belanjawan tersebut meliputi 50% bayaran kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan di bawah seksyen 35(1), Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001. Sehingga 31 Disember 2002, SSM memperolehi pendapatan berjumlah RM155.7 juta dan memperuntukkan pembayaran sebanyak RM77.85 juta kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Pada 31 Disember 2002, SSM mempunyai sejumlah RM168.2 juta dalam bentuk simpanan tetap Al-Mudharabah dengan bank dan institusi kewangan berlesen dan ini telah menyumbang pendapatan dividen purata antara 2.75% hingga 5.15%. SSM memperolehi dividen terkumpul sebanyak RM923,514.00 pada tahun ini. Sepanjang tahun yang ditinjau, Anggota SSM telah meluluskan dana pusingan sebanyak RM50.0 juta sebagai

CCM will focus its efforts and initiatives towards establishing networking and cooperation with leading establishments and authorities in the country and abroad for the purpose of benchmarking the achievements and progress of CCM.

Financial Performance of CCM

CCM has been allocated a launching grant of RM43.6 million by the Government. The budgeted expenditure for the year 2002 was approved by the Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs, amounting to RM195.81 million which included a 50% payment to the Federal Consolidated Fund under section 35(1), Companies Commission of Malaysia Act 2001. As at 31 December 2002, CCM's revenue stood at RM155.7 million, of which RM77.85 million was allocated for the payment towards the Federal Consolidated Fund.

As at 31 December 2002, CCM's cash deposits in the Al-Mudharabah Fixed Deposit accounts at various licensed banks and financial institutions totalled RM168.2 million yielding an average dividend of between 2.75% and 5.15% per annum. Accumulated dividends as at 31 December 2002 contributed RM923,514.00 to CCM's coffers.

For the year under review, the Commission Members had approved a revolving fund of RM50 million to be allocated for housing loans. An annual allocation of RM10 million has been set aside for this purpose beginning 2002 up until 2006. A RM5.0 million fund had also been allocated for vehicle loan financing and another RM1.0 million for the financing of computer purchases.

peruntukan bagi pembiayaan perumahan, di mana peruntukan sebanyak RM10 juta setahun telah disediakan bermula dari tahun 2002 hingga 2006. Di samping itu, SSM juga telah memperuntukkan dana sebanyak RM5.0 juta untuk pembiayaan pinjaman pembelian kenderaan dan RM1.0 juta untuk pembiayaan pinjaman pembelian komputer.

Penutup

Matlamat kami untuk menjadikan SSM sebagai sebuah Pusat Kecemerlangan bagi perkhidmatan pelanggan dan memajukan sektor korporat dan perniagaan negara. Ia akan terpakai setelah menerimapakai dan menjayakan projek pengkomputeran termasuk, antara lainnya, berkenaan automasi dokumen korporat dan sistem kewangan dan sumber manusia.

Sebagai kesimpulan, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Y.B Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd Yassin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, dan semua pihak di KPDN, agensi kerajaan dan semua pihak profesional dan badan korporat atas sokongan, galakan dan kerjasama berterusan yang telah diberi kepada SSM. Saya, bagi pihak pengurusan SSM juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kami kepada semua kakitangan SSM atas sumbangan, komitmen dan dedikasi serta kegigihan mereka semasa menjalankan tanggungjawab masing-masing.

Terima kasih.

ABDUL ALIM ABDULLAH

Ketua Pegawai Eksekutif / *Chief Executive Officer*

Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Companies Commission of Malaysia


Conclusion

Our aim is to make CCM a Centre of Excellence for customer service and to develop the country's corporate and business sectors. This will be achieved after having fully adopted and realised the computerisation project, including inter alia, the automation of corporate documents, financial and human resource management systems.

In conclusion, I wish to express my greatest appreciation and gratitude to Y. B. Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin, Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs and all parties in the Ministry, Government agencies as well as professional and corporate bodies for their support, encouragement and cooperation to CCM. On behalf of the management of CCM, I would also like to thank all employees for their contributions, commitment and relentless dedication in carrying out the duties entrusted upon them.

Thank you.

LAPORAN AKTIVITI SSM TAHUN 2002





CCM ACTIVITIES REPORT FOR THE YEAR 2002



RINGKASAN AKTIVITI SSM TAHUN 2002

SUMMARY OF CCM ACTIVITIES FOR THE YEAR 2002

Pendaftar Syarikat dan Pendaftar Perniagaan (ROC dan ROB) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (mulai 16 April 2002) telah mencatat beberapa pencapaian penting dalam program/operasinya yang antara lain meliputi:

- i. Menawarkan tiga opsyen kepada kakitangan ROB/ROC dan pekerja SSM;
- ii. Mengadakan Hari Pelancaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia, pelancaran Logo SSM dan penyerahan watakah pelantikan kepada Anggota SSM pada 16 April 2002;
- iii. Mengadakan enam Mesyuarat Suruhanjaya (Mesyuarat yang pertama diadakan selepas Majlis Pelancaran);
- iv. Mewarta dan menguatkuasakan enam perundangan :

- Perintah Syarikat (Pindaan Jadual) 2001– P.U. (A) 371/2001 berkuatkuasa pada 2 Januari 2002;
- Akta Syarikat (Pindaan)(No. 2) 2001 – Akta A1119 berkuatkuasa pada 16 April 2002;
- Akta Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2001 – Akta A1118 berkuatkuasa pada 16 April 2002;
- Kaedah Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2002 – P.U. (A) 141/2002 berkuatkuasa pada 16 April 2002;
- Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614) – berkuatkuasa pada 16 April 2002; dan
- Perintah Peletakhakan 2002.

- v. Pengedaran pemberitahuan kepada orang awam melalui tiga Pengumuman Awam:

- Pengumuman Awam 1/2002 mengenai Urusan Pembayaran Kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia bertarikh 29 Mei 2002;
- Pengumuman Awam 2/2002 mengenai Alamat Pejabat Suruhanjaya Syarikat Malaysia bertarikh 29 Mei 2002; dan
- Pengumuman Awam 3/2002 mengenai Prosedur Penyerahan-simpanan Borang 49 berhubung dengan Pelantikan dan Pemecatan Pengarah, Pengurusan dan Setiausaha Syarikat bertarikh 19 Julai 2002.

The Registrar of Companies and Registrar of Businesses (ROC and ROB) and subsequently, the Companies Commission of Malaysia (effective from 16 April 2002) have recorded several significant achievements in its operation which amongst others include:

- i. offered three options to staff of ROB, ROC and employees of CCM ;*
- ii. organised the Companies Commission of Malaysia's Launching Day, the launching of CCM's logo and presentation of the Letter of Appointment to Members of the Commission on 16 April, 2002.*
- iii. convened six meetings (the first meeting was held after the Launching Ceremony);*
- iv. gazetted and enforced six legislations :*

- Companies (Amendment of Schedule) Order 2001 – P.U. (A) 371/2001 effective 2 January 2002;*
- Companies (Amendment) (No.2) Act 2001 – Act A1119 effective 16 April, 2002;*
- Registration of Businesses (Amendment) Act 2001 – Act 1118 effective 16 April, 2002;*
- Registration of Businesses (Amendment) Rules 2002 – P.U (A) 141/2002 effective April 16, 2002;*
- Companies Commission of Malaysia Act 2001 (Act 614) – effective 16 April, 2002; and*
- Appointment of Vesting Order 2002.*

- v. Circulation of notification to the public through three Public Announcements:*

- Public Announcement 1/2002 on Procedure of Payment to the Companies Commission of Malaysia dated 29 May, 2002; and*
- Public Announcement 2/2002 regarding the Official Address of the Companies Commission of Malaysia dated 29 May, 2002.*

vi. Mengeluarkan Arahan-Arahan, Peraturan dan Pekeliling Suruhanjaya berikut:

- Arahan-Arahan Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Pentadbiran Kumpulan Wang) 2002 berkuatkuasa 2 Julai 2002;
- Pekeliling Kewangan SSM No. 1 Tahun 2002 (Tatacara Penyediaan Pekeliling Kewangan SSM) berkuatkuasa 2 Julai 2002;
- Pekeliling Kewangan SSM No. 2 Tahun 2002 (Had Kuasa Badan Yang Meluluskan Berhubung Dengan Perolehan Kerja, Harta dan Perkhidmatan) berkuatkuasa 2 Julai 2002;
- Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Syarat-Syarat Perkhidmatan) 2002 berkuatkuasa 16 April 2002;
- Pekeliling Perkhidmatan SSM No. 1 Tahun 2002 (Tatacara Penyediaan Pekeliling Perkhidmatan SSM) berkuatkuasa 16 Disember 2002;
- Pekeliling Perkhidmatan SSM No. 2 Tahun 2002 [Pelaksanaan Sistem Saraan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSSSM)] berkuatkuasa 16 Disember 2002; dan
- Pekeliling Perkhidmatan No. 3 Tahun 2002 (Kuasa Melulus Berhubung Dengan Cuti) berkuatkuasa 16 Disember 2002.

vii. Melaksanakan projek migrasi pangkalan data dari sistem kerangkautama kepada sistem terbuka berasaskan *server*/internet.

viii. Menjalankan aktiviti-aktiviti harian yang dipertanggungjawabkan kepada Pendaftar Syarikat dan Pendaftar Perniagaan. Ringkasan prestasi SSM ditunjukkan dalam Jadual 1 dan 2.

- *Public Announcement 3/2002 regarding Procedures for Filing of Form 49 relating to the Appointment and Removal of Directors, Managers and Company Secretaries dated 19 July, 2002;*

vi *Issuance of the following Commission Directives, Regulations and Circulars:*

- *Companies Commission of Malaysia Financial Directives 2002 (Administration of Fund) effective 2 July, 2002;*
- *CCM Financial Circular No.1 Year 2002 (Procedure for Preparation of SSM Financial Circular) effective 2 July, 2002;*
- *CCM Financial Circular No. 2 Year 2002 (The Limitation of power for approvals with regards to Recruitment, Property and Services) effective 2 July, 2002;*
- *Companies Commission of Malaysia Regulations (Terms of Services) 2002 effective 16 April, 2002;*
- *CCM Service Circular No.1 Year 2002 (Procedures for Preparation of SSM Service Circular) effective 16 December, 2002;*
- *CCM Service Circular No. 2 Year 2002 [Implementation of the Companies Commission of Malaysia Remuneration System (SSSSM)] effective 16 December, 2002;*
- *CCM Service Circular No. 3 Year 2002 (Approval Power with regards to Leave) effective 16 December, 2002.*

vii. *Implementation of the database migration project from the mainframe system to the server/internet based open system.*

viii. *To carry out routine activities assigned to the Registrar of Companies and Registrar of Businesses. The summary of CCM's performance is shown in Table 1 and 2.*

Jadual 1 : Peratus Perubahan Aktiviti Utama Pendaftar Syarikat
Table 1 : Percentage Of Change In Main Activities Of The Registrar Of Companies

Tahun / Year Aktiviti / Activities	2001	2002	% Perubahan Tahunan Annual Changes (%)
Permohonan Carian Nama / Application of Name Search	85,709	93,334	+8.9%
Nama Syarikat Diluluskan / Approval of Company Names	50,293	55,913	+11.2%
Penubuhan Syarikat Baru / Formation of New Companies	31,967	34,810	+8.9%
Pembubaran Syarikat Tempatan / Liquidation of Local Companies	5,247	3,458	-34.1%
Penerimaan Dokumen Berkanun / Statutory Documents Received	1,227,227	1,345,953	+9.7%
Pendaftaran Gadaian / Registration of Charges	20,098	20,965	+4.3%
Pelepasan Gadaian / Discharge of Charges	3,312	4,447	+34.3%
Pendaftaran Prospektus / Registration of Prospectus	163	235	+44.2%
Permohonan Maklumat Korporat / Application for Corporate Information	1,316,087	1,300,582	-1.2%
Bekalan Maklumat Korporat / Supply of Corporate Information	1,277,754	1,297,953	+1.6%
Jumlah Lesen Setiausaha Baru / Total Number of New Licensed Company Secretaries	192	261	+35.9%
Jumlah aduan diterima / Total Complaints Received	443	422	-4.7%
Pemeriksaan yang dijalankan / Inspection conducted	143	180	+25.8%
Bilangan notis kompaun / Number of compound notices	63,813	43,567	-31.7%
Jumlah nilai kompaun (RM juta) / Total compound value (RM million)	11.11	8.19	-26.3%
Kutipan Hasil (RM juta) / Revenue (RM million) *kutipan mulai 16 April / *proceeds effective from April 16	132.5	110.67*	-16.5%

Jadual 2 : Peratus Perubahan Aktiviti Utama Pendaftar Perniagaan
Table 2 : Percentage Of Changes In Main Activities Of The Registrar Of Businesses

Tahun / Year Perkhidmatan / Services	2001	2002	% Perubahan Tahunan Annual Changes (%)
Nama perniagaan diluluskan / Approved Business names	150,495	162,949	+8.3%
Pendaftaran perniagaan baru / Registration of new businesses	139,502	155,419	+11.4%
Pembaharuan Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan / Renewal of Business Registration Certificate	626,440	649,685	+3.7%
Maklumat perniagaan / Business information (cetakan komputer) / (Computer printout)	311,561	347,633	+11.6%
Penamatan perniagaan / Termination of business	79,310	76,847	-3.1%
Pemeriksaan premis perniagaan / Inspection of business premises	108,770	103,820	-4.6%
Pendakwaan perniagaan / Business prosecution	2,725	1,801	-33.9%
Jumlah kutipan kompaun (RM juta) / Total compound revenue (RM million)	10.2	10.6	+3.9%
Pungutan hasil (RM juta) / Revenue collection (RM million) *kutipan mulai 16 April / *proceeds effective April 16	34.7	41.3*	+19.0%

PENDAFTARAN

REGISTRATION

Jabatan Pendaftaran merupakan Jabatan terbesar dalam organisasi SSM. Jabatan Pendaftaran bertanggungjawab terhadap aktiviti carian nama, penubuhan syarikat dan pendaftaran perniagaan baru. Selain itu, Jabatan ini turut terlibat dalam pendaftaran dokumen syarikat dan perniagaan, penamatan perniagaan, pendaftaran gadaian serta mengeluarkan notis kompaun ke atas syarikat dan perniagaan yang melakukan kesalahan melalui serah simpan dokumen.

Carian Nama, Penubuhan Syarikat dan Pendaftaran Perniagaan Baru

Permohonan carian nama yang dikemukakan oleh pelanggan bertujuan untuk memperbadankan syarikat sama ada syarikat tempatan atau syarikat asing dan bagi pertukaran nama syarikat atau untuk mendaftarkan perniagaan baru.

Prestasi ekonomi negara yang semakin meningkat pada tahun 2002 mendorong pertambahan jumlah permohonan carian nama, penubuhan syarikat dan pendaftaran perniagaan baru. Sepanjang tahun 2002, permohonan

The Registration Department is the largest department in the CCM. The department is responsible for activities related to name search, company formation and new business registration. It is also involved in the registration of company and business documents, termination of business, registration of charges as well as issuing compound notices for late lodgement of company and business documents.

Name Search, Company Formation and Registration of New Business


Applications for name search is for the purpose of incorporating a local or foreign company, for a change in the company's name or for registering new businesses.

The country's improved economic performance in 2002 has led to an increase in the number of name search applications, formation of companies and registration of business. A total of 89,700 applications for search of name for companies were processed in 2002, an increase of 10.8% compared with 2001. From that total, 55,913

Jadual 3 : Jumlah Permohonan Carian Nama Syarikat Yang Diterima Dan Diproses Bagi Tahun 1996 Hingga 2002
 Table 3 : Number Of Applications For Name Search Received And Processed Between 1996 And 2002

Tahun / Year	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Carian Nama diproses <i>Processed Applications for Name Search</i>	148,811	118,450	59,868	79,818	84,230	80,937	89,700

Carta A : Jumlah Permohonan Carian Nama Yang Diterima Dan Diproses Bagi Tahun 1996 Hingga 2002
 Chart A : Number Of Applications For Name Search Received And Processed Between 1996 And 2002



carian nama syarikat yang diproses berjumlah 89,700 bertambah 10.8% berbanding tahun 2001. Daripada jumlah tersebut 55,913 (62%) nama telah diluluskan, 30,306 (34%) ditolak sementara 3,481 (4%) nama telah diminta penjelasan lanjut. (Rujuk Jadual 3 dan Carta A)

Selain itu, SSM juga melulus dan mengeluarkan sijil tukar nama syarikat bagi tempatan/asing, pertukaran taraf syarikat dan mengeluarkan sijil memulakan perniagaan bagi syarikat awam dan mendaftar perubahan butir perniagaan.

Pada tahun 2002, pendaftaran syarikat asing dan tempatan meningkat sebanyak 8.9%, daripada 31,967 buah syarikat pada tahun 2001 kepada 34,810 syarikat. Dari segi jenis syarikat yang ditubuhkan, syarikat persendirian berjumlah 34,616 (99.5%), syarikat awam 63 buah (0.18%), syarikat awam dengan jaminan/yayasan sebanyak 76 (0.22%) dan syarikat asing sebanyak 53 buah (0.15%). (Rujuk Jadual 4)

names (62%) were approved, 30,306 names (34%) were rejected while the remaining 3,481 names (4%) were under query. (Refer Table 3 and Chart A)

The CCM also approves and issues certificate of change of company's name for local/foreign companies, change in status of company, certificate of commencement of business for public companies and register of changes in business particulars.

In 2002, the registration of foreign and local companies increased by 8.9% to 34,810 compared with 31,967 companies in 2001. The breakdown showed that private companies made up of 34,616 companies (99.5%) while public companies, 63 (0.18%), public companies limited by guarantee/foundation, 76 (0.22%) and foreign companies, 53 (0.15%). (Refer Table 4)

Jadual 4 : Pendaftaran Syarikat Baru Mengikut Jenis Bagi Tahun 2002

Table 4 : Registration Of New Companies According To Type For The Year 2002

Bulan / Month	Jenis Syarikat / Type Of Company							Jumlah Total
	Sdn. Bhd. / Private Ltd.	Berhad / Limited	Bhd. dgn. Jaminan / Limited by guarantee	Tidak terhad / Unlimited	Jenis-jenis lain / Other types	Sykt Asing / Foreign Company		
Januari / January	2,740	4	11	0	0	5	2,760	
Februari / February	2,092	4	3	0	0	3	2,102	
Mac / March	3,049	8	8	0	0	4	3,069	
April / April	3,125	5	6	0	0	2	3,138	
Mei / May	3,016	5	10	0	1	9	3,041	
Jun / June	3,009	5	2	0	0	5	3,021	
Julai / July	3,402	10	8	0	0	7	3,427	
Ogos / August	3,066	7	3	0	0	2	3,078	
September / September	3,101	3	6	0	1	4	3,115	
Oktober / October	3,202	4	9	0	0	4	3,219	
November / November	2,829	4	8	0	0	5	2,846	
Disember / December	1,985	4	2	0	0	3	1,994	
Jumlah / Total	34,616	63	76	0	2	53	34,810	


Sehingga 31 Disember 2002, jumlah keseluruhan syarikat yang berdaftar ialah sebanyak 606,170 buah syarikat berbanding 571,362 pada tahun 2001, bertambah sebanyak 6.1%. Sebahagian besar daripada jumlah tersebut merupakan syarikat tempatan iaitu 99.3% atau 602,161 buah syarikat dan hanya 0.7% atau 4,009 buah syarikat asing. (Rujuk Jadual 5A dan Carta B)

As of 31 December 2002, the number of registered companies stood at 606,170 compared with 571,362 companies in 2001, which represents an increase of 6.1%. The bulk of them are local companies, representing 99.3% or 602,161 companies while foreign companies made up 0.7% or 4,009 companies. (Refer Table 5A and Chart B)

Jadual 5A : Bilangan Syarikat Tempatan Dan Asing Yang Didaftarkan Sehingga Akhir Tahun 2002 Mengikut Negeri
 Table 5A : Number Of Registered Local And Foreign Companies As At The End Of Year 2002 According To State

NEGERI / STATES	Syarikat Tempatan <i>Local Companies</i>	Syarikat Asing <i>Foreign Companies</i>	Jumlah Keseluruhan <i>Total</i>
JENIS SYARIKAT <i>TYPE OF COMPANIES</i>			
Perlis	828	0	828
Kedah	13,968	3	13,971
P.Pinang	39,268	76	39,344
Perak	31,024	10	31,034
Selangor	103,503	174	103,677
N.Sembilan	10,555	1	10,556
Melaka	12,359	6	12,365
Johor	55,539	64	55,603
Pahang	9,834	6	9,840
Terengganu	6,352	5	6,357
Kelantan	7,696	5	7,701
K.Lumpur	233,404	1,053	234,457
Labuan	961	1	962
Sabah	36,248	34	36,282
Sarawak	35,449	25	35,474
Tiada Kod Negeri	5,173	2,546	7,719
Jumlah Keseluruhan <i>Total</i>	602,161	4,009	606,170

Carta B / Chart B



Pada tahun 2002, SSM telah mengeluarkan sebanyak 8,208 sijil pertukaran nama syarikat tempatan, 67 sijil pertukaran taraf daripada syarikat Sendirian Berhad kepada syarikat awam/Berhad dan sebaliknya daripada Berhad kepada Sendirian Berhad dan 33 sijil permulaan perniagaan.

Bagi pendaftaran perniagaan pula, sebanyak 162,949 nama perniagaan telah diluluskan pada tahun 2002 berbanding sebanyak 150,495 pada tahun sebelumnya. Sejumlah 95% daripada nama perniagaan menggunakan nama tred dan hanya 55 pemilik perniagaan menggunakan nama sendiri seperti yang tertera dalam kad pengenalan sebagai nama perniagaan.

Sebanyak 155,419 perniagaan baru telah didaftar pada tahun ini berbanding 139,502 pada tahun sebelumnya, meningkat 11.4%. Mengikut pecahan negeri, Kuala Lumpur merupakan negeri yang mencatat jumlah pendaftaran perniagaan baru paling tinggi iaitu 54,403 atau 35%, diikuti oleh Johor 22,604 atau 14.5% dan Pulau Pinang sebanyak 17,836 atau 11.5%. Sehingga 31 Disember 2002, sebanyak 2,501,455 perniagaan yang berdaftar berbanding 2,346,036 pada tahun 2001 dan ini merupakan peningkatan sebanyak 6.6%. (Rujuk Jadual 5B)

In 2002, the CCM issued 8,208 certificates of change of name for local companies, 67 certificates of change of status from Private Limited Companies/Syarikat Sdn Bhd to Public Limited Company/ Syarikat Awam/Berhad and vice versa and also 33 certificates of commencement of business.

For business registration, 162,949 business names were approved in 2002 compared with 150,495 names the previous year. About 95% of the businesses used trade names while only 5% or 55 business owners used their own names (as reflected in their identity cards) as company names.

A total of 155,419 new businesses were registered with the Registrar of Businesses this year compared to 139,502 last year, an increase of 11.4%. The breakdown showed that Kuala Lumpur recorded the highest number of new business registration with 54,403 or 35% followed by Johor with 22,604 or 14.5% and Penang with 17,836 or 11.5%. As of December 31, 2002, there was an increase of 6.6% in new business registration with 2,501,455 businesses registered compared with 2,346,036 in 2001. (Refer Table 5B)

Jadual 5B : Bilangan Perniagaan Yang Didaftarkan Sehingga Akhir Tahun 2002 Mengikut Negeri

Table 5B : Breakdown In The Number Of Registered Businesses At The End of 2002 According To State

Negeri States	Bilangan Perniagaan Number of businesses
Perlis	23,926
Kedah	182,047
P.Pinang	232,476
Perak	267,056
Selangor	454,316
N. Sembilan	109,954
Melaka	130,963
Johor	384,315
Pahang	140,164
Terengganu	93,167
Kelantan	156,516
K. Lumpur	321,672
Labuan	4,883
Jumlah Keseluruhan	2,501,455
<i>Grand Total</i>	

Sejumlah 59,688 jenis perniagaan atau perusahaan telah didaftarkan oleh syarikat, meningkat sebanyak 8.3% berbanding 55,136 jenis tahun 2001. Jenis perniagaan yang mengalami penurunan pendaftaran pada tahun 2002 terdiri daripada Pertanian, Pemburuan, Perhutanan & Penangkapan Ikan (K1) 18.0%, Mengilang (K3) 2.6%, Bahan Guna-Umum (K4) 10.9% dan Pengangkutan & Komunikasi (K7) menurun 1.8%. Manakala kumpulan jenis perniagaan yang mengalami pertumbuhan meliputi Melombong & Kuari (K2) 44.0%, Pembinaan (K5) 20.5%, Perdagangan Borong, Runcit, Restoran & Hotel (K6) 8.7%, Perkhidmatan Kewangan, Insurans, Harta, Pelaburan & Perniagaan (K8) 8.9% dan Perkhidmatan Komuniti, Sosial dan Peribadi (K9) mencatat peningkatan sebanyak 5.6%. (Rujuk Jadual 6)

A total of 59,688 types of businesses or industries were registered by companies, an increase of 8.3% compared with 55,136 business/industry types in 2001. For 2002, a general decline in registration was recorded for businesses related to Agriculture, Hunting, Forestry & Fishery (K1) by 18.0%; Manufacturing (K3) by 2.6%, General Utilities (K4) by 10.9% while Transportation & Communication (K7) declined by 1.8%. Meanwhile, growth in business was observed for Mining & Quarrying (K2) up 44.0%, Construction (K5) up 20.5%, Wholesale, Retail, Restaurant & Hotel (K6) up 8.7%, Financial, Insurance, Property, Investment & Business Services (K8) up 8.9% while Community, Social and Personal Services (K9) recorded an increase of 5.6%. (Refer Table 6)

Jadual 6 : Jumlah Syarikat Mengikut Kumpulan Objek Tahun 2001 – 2002
 Table 6 : Number Of Companies According To Object Grouping For 2001 – 2002

Objek <i>Object</i>	Jumlah Syarikat <i>Number of Companies</i>		Perubahan Tahunan (%) <i>Annual Changes (%)</i>
	2001	2002	
K1	723	593	-18.0%
K2	75	108	+44.0%
K3	2,991	2,914	-2.6%
K4	64	57	-10.9%
K5	5,112	6,160	+20.5%
K6	24,285	26,394	+8.7%
K7	2,815	2,763	-1.8%
K8	17,052	18,567	+8.9%
K9	2,017	2,129	+5.6%
K10	2	3	+50%
JUMLAH TOTAL	55,136	59,688	+8.3%

NOTA / NOTE :

- K1 - Pertanian, Pemburuan, Perhutanan & Penangkapan Ikan
Agriculture, Hunting, Forestry & Fishery
- K2 - Melombong & Kuari
Mining & Quarrying
- K3 - Mengilang
Manufacturing
- K4 - Bahan-guna Umum
General Utilities
- K5 - Pembinaan
Construction
- K6 - Perdagangan Borong, Runcit, Restoran & Hotel
Wholesale, Retail, Restaurant & Hotel
- K7 - Pengangkutan & Komunikasi
Transportation & Communication
- K8 - Perkhidmatan Kewangan, Insurans, Harta, Pelaburan & Perniagaan
Financial, Insurance, Property, Investment & Business Services
- K9 - Perkhidmatan Komuniti, Sosial dan Peribadi
Community, Social and Personal Services
- K10 - Lain-lain
Others

Jadual 7 : Jumlah Perniagaan Mengikut Kumpulan Aktiviti Tahun 2001 – 2002
Table 7 : Number Of Businesses According To Activity Groups For Year 2001 – 2002

Aktiviti <i>Object</i>	Jumlah Perniagaan <i>Number of Companies</i>		Perubahan Tahunan (%) <i>Annual Changes (%)</i>	NOTA / NOTE:
	2001	2002		
A1	35,706	40,394	+13.1%	A1 – Penjualan Makanan <i>Sale of Foodstuff</i>
A2	20,255	20,208	-0.1%	A2 – Perdagangan Runcit <i>Retail Trade</i>
A3	27,231	39,325	+44.4%	A3 – Pembinaan <i>Construction</i>
A4	7,152	6,451	-9.8%	A4 – Hasil Pertanian dan Ternakan <i>Agricultural and Livestock Products</i>
A5	7,518	6,910	-8.1%	A5 – Perkakas dan Perisian Komputer <i>Computer Software and Hardware</i>
A6	8,558	8,600	+0.5%	A6 – Perkhidmatan dan Pengangkutan <i>Services and Transportation</i>
A7	7,600	8,676	+14.2%	A7 – Tekstil dan Pakaian <i>Textiles and Clothing</i>
A8	5,548	5,694	+2.6%	A8 – Pemborong Bahan Makanan Mentah <i>Wholesale of Raw Food Materials</i>
A9	5,950	4,251	-28.6%	A9 – Perkhidmatan Insurans <i>Insurance Services</i>
A10	3,669	4,931	+34.4%	A10 – Perkhidmatan Pengurusan <i>Management Services</i>
A11	10,345	9,979	-3.5%	A11 – Lain-lain Aktiviti Perniagaan <i>Other Business Activities</i>
JUMLAH TOTAL	139,502	155,419	11.4%	

Pendaftaran Dokumen Syarikat

Bagi aktiviti pendaftaran dokumen, SSM telah mendaftar sebanyak 1,345,953 dokumen pada tahun 2002 berbanding 1,227,227 dokumen pada tahun 2001 yang merupakan peningkatan pada kadar 9.7%. Antara dokumen yang didaftarkan termasuk Penyata Perubahan Pengarah/Pengurus/Setiausaha (Borang 49 sebanyak 197,215), Peruntukan Syer (Borang 24 sebanyak 76,526) dan Penyata Perubahan Alamat Berdaftar Syarikat (Borang 44 sebanyak 90,957). Pendaftaran bagi Penyata Tahunan adalah sebanyak 252,620 dan Laporan Kewangan sebanyak 190,190, manakala selebihnya adalah borang-borang lain yang berjumlah 538,805.

Aktiviti pendaftaran gadaian turut berkembang sebanyak 4.3% kepada 20,965 pada tahun yang ditinjau berbanding 20,098 pendaftaran gadaian pada tahun 2001. Pelepasan gadaian pada tahun ini juga menunjukkan arah aliran yang sama apabila meningkat sebanyak 34.3% atau 4,447

Registration of Company Documents

The CCM has registered 1,345,953 documents in 2002 compared with 1,227,227 documents in 2001, which was an increase of 9.7%. Among the documents registered were Statement of Changes of Directors/Managers/Secretaries (197,215: Form 49), Return of Allotment of Shares (76,526: Form 24) and Change of Registered Address of the Company (90,957: Form 44), Registration for Annual Returns totalling 252,620, registration for Financial Reports amounted to 190,190 while the other forms accounted for 538,805.

Registration of charges also grew by 4.3% to 20,965 during the year under review compared with 20,098 registrations in 2001. Discharge of charges also showed a similar trend, registering a growth of 34.3% or 4,447 compared with 3,312 in the previous year. The increase in registration of charges indicates that the Malaysian economy is experiencing rapid growth following the increase in new

berbanding 3,312 pada tahun sebelumnya. Peningkatan pendaftaran gadaian menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia sedang mengalami pertumbuhan pesat berikutan pertambahan penerokaan ke dalam perniagaan baru yang memerlukan sumber modal. Peningkatan pelepasan gadaian menunjukkan bahawa lebih banyak syarikat Malaysia yang mampu melangsaikan hutang korporat mereka pada tahun yang ditinjau ini.

Perubahan Maklumat Perniagaan Yang Didaftarkan

Kebanyakan perubahan maklumat perniagaan yang di daftarkan pada tempoh yang ditinjau adalah perubahan aktiviti perniagaan yang dijalankan, perubahan pemilik perniagaan dan perubahan alamat perniagaan. SSM telah menerima sebanyak 92,472 perubahan maklumat perniagaan, meningkat sebanyak 15.3% berbanding 80,191 pada tahun 2001. Daripada jumlah tersebut, Kuala Lumpur mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 31,860 (35%). Peningkatan ini menunjukkan pengendalian dan aktiviti perniagaan di negara ini semakin cergas dan dinamik.

Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan

Perkhidmatan memperbaharui Pendaftaran Perniagaan di Pejabat Pos telah bermula pada tahun 1994 dan selepas itu dihentikan sementara bagi melaksanakan perubahan terhadap sistem komputer dan prosedur pembaharuan menurut keperluan Akta Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2001 yang berkuatkuasa pada 16 April 2002. Perkhidmatan tersebut telah disambung semula pada 22 Januari 2003, dan kini, para pelanggan boleh memperbaharui Pendaftaran Perniagaan mereka di Pejabat Pos terpilih yang menawarkan perkhidmatan tersebut.

Pada tahun 2002, Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan meningkat sebanyak 3.7% kepada 649,685 sijil berbanding 626,440 pada tahun 2001. Jumlah sijil yang diperbaharui melalui Pejabat Pos pula adalah sebanyak 87,860 berbanding 237,097 pada tahun 2001. Pengurangan ini adalah berikutan penangguhan perkhidmatan tersebut di Pejabat Pos di seluruh negara.

business ventures, which require capital investments. This is also reflected in more Malaysian companies settling their debts during the year under review.

Change in Particulars of Registered Business Information

Most of the changes made to registered business information during the period under review were those related to business activities, business ownership and official business address. The CCM has received 92,472 applications for changes of business information, an increase of 15.3% compared with 80,191 in 2001. From the total, Kuala Lumpur recorded the highest number with 31,860 (35%). This increase indicates that business operations and activities in this country are becoming more efficient and dynamic.

Business Registration Renewal

Services for Renewal of Business Registration was first introduced at Post Offices in 1994 but was subsequently halted to facilitate changes made to the computer system and the renewal procedures pursuant to the requirements of the Registration of Businesses Act (Amendment) 2001 which came into effect on 16 April 2002. Services were resumed on 22 January 2003, enabling customers to renew their Business Registration at selected Post Offices which offer the services.

In 2002, the Renewal of Business Registration increased by 3.7% to 649,685 certificates compared with 626,440 in 2001. Post Offices handled the renewal of 87,860 business registration compared with 237,097 in 2001. The reduction in business registration renewal was due to the postponement of the services provided by Post Offices nationwide.

Pembangunan Sistem Teknologi Maklumat

Sistem IDAMAN

IDAMAN atau Sistem Pengurusan Rekod dan Bekalan Maklumat Korporat Bersepadu telah dibangunkan dengan matlamat untuk menyediakan sistem pengimejan dokumen-dokumen syarikat yang diserahkan simpan bagi penyimpanan dan pengendalian yang sempurna, memudahkan akses semula bagi tujuan pembekalan maklumat kepada para pelanggan. Sistem ini mula diperkenalkan pada tahun 1999 dan telah diperluaskan ke semua pejabat negeri SSM pada tahun 2000. Keupayaan perkhidmatan ini sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi menampung keperluan pelanggan yang semakin bertambah.

Sistem SAFARI

Sistem ini adalah juga sistem pengimejan borang-borang pendaftaran perniagaan, menyimpan imej secara digital dan imej boleh diakses dan dicetak mengikut keperluan. Sistem ini dapat mengeluarkan output yang telah ditetapkan iaitu pengeluaran Sijil Perakuan Pendaftaran dan pengeluaran maklumat perniagaan dan statistik berkaitan perniagaan.

Pemprosesan Maklumat Korporat

Penubuhan Bahagian Pusat Pemprosesan Maklumat (PPM) bermatlamat untuk mewujudkan satu sistem pemprosesan maklumat yang baik dan sistematik bagi menghasilkan

Information Technology System Development

IDAMAN System

IDAMAN or Integrated Document Management and Supply of Companies Information System was developed for the purpose of preparing an imaging system of company documents that have been lodged for proper storage and management, so that they can be easily retrieved for the purpose of supplying information to customers. This system was introduced in 1999 and extended to all CCM state offices in 2000. The capacity of this system is being constantly improved to accommodate the increasing needs of customers.

SAFARI System

This system is also an imaging system for business registration forms, which stores images digitally so that the images could be accessed and printed whenever there is a need for them. This system is capable of producing specified outputs such as the issuance of Business Registration Certificate as well as business related information and statistics.

Processing of Corporate Information

The establishment of the Information Processing Centre (IPC) Division is aimed at creating an efficient and systematic information processing system that produces quality images which meet the required standards. The task



kualiti imej yang menepati piawaian ditetapkan. Tugas pengimbasan adalah menukarkan dokumen fizikal kepada imej dan juga daripada microfische kepada imej bagi menghasilkan bekalan salinan dokumen yang lebih mudah dan terkini selaras dengan perkembangan teknologi semasa dan kehendak pihak awam.

Sepanjang tahun 2002, jumlah imej dari dokumen semasa yang telah diimbas dan di simpan ke dalam sistem IDAMAN adalah sebanyak 7,042,980. Dokumen yang diimbas merangkumi dokumen penubuhan, gadaian dan borang yang dikemukakan selepas penubuhan syarikat, akaun, penyata tahunan dan dokumen pembubaran. Sementara, pengimbasan daripada dokumen tertunggak berasaskan permintaan pelanggan berjumlah 1,729,520 imej, menjadikan jumlah keseluruhan imej yang disimpan ke dalam Sistem IDAMAN pada tahun 2002 adalah sebanyak 8,802,500.

Projek Migrasi

Bagi mempertingkatkan kualiti perkhidmatannya, SSM sedang melaksanakan projek migrasi pangkalan data dari sistem kerangka utama (mainframe) yang masih di bawah kawalan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan ciri-ciri tambahan kepada sistem terbuka berasaskan Internet/server yang akan dikendalikan sepenuhnya oleh SSM.

Apabila disiapkan kelak, SSM akan mempunyai beberapa aplikasi elektronik seperti e-payment, e-search, dan e-filing. Pelanggan SSM akan dapat berurusan dengan lebih mudah pada bila-bila masa dan di mana jua dengan menggunakan teknologi berasaskan internet.

Pembubaran Syarikat

Syarikat boleh memohon untuk membubarkan syarikat melalui peruntukan di bawah seksyen 308 Akta Syarikat 1965 sekiranya ia tidak berhasrat untuk memulakan perniagaan atau tidak lagi menjalankan perniagaan dengan syarat syarikat tidak mempunyai sebarang aset atau tanggungan (ataupun sipemegang memberi persetujuan melupuskan hutang).

of image scanning is to transform physical documents to digital images. The system can also be used to produce images from microfiches to provide convenient and latest supply of documents in line with current technological developments, besides meeting public needs.

During 2002, a total of 7,042,980 images were scanned and stored into the IDAMAN System through current day conversion. Scanned documents included incorporation documents, charges and forms lodged after the formation of companies, accounts, annual returns and dissolution documents. Images produced via on demand scanning and backfile conversions amounted to 1,729,520, bringing the number of images stored in the IDAMAN System to 8,802,500 for 2002.

Migration Project

The CCM is currently implementing its migration project to facilitate the transfer of its database from the mainframe system, which is still under the control of the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs, to the internet / server based open system. This system will be fully maintained by CCM.

Once completed, the CCM will have several electronic application capabilities such as e-payment, e-search, and e-filing that will enable customers to conduct their business on line.

Dissolution of Companies

A company may apply to dissolve its business pursuant to provisions under Section 308 of the Companies Act 1965 provided it has no intention to commence business or is no longer in operation and that it has no assets or liabilities (or in the event the creditors agree to write off the debts).

Syarikat yang telah memulakan pembubaran meningkat pada kadar 18.2% berbanding tahun 2001 iaitu daripada 6,666 kepada 7,876 buah syarikat. Bilangan syarikat yang telah selesai dibubarkan pada tahun 2002 berkurangan sebanyak 34.1% (daripada 5,247 kepada 3,458) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8. Sebahagian besar syarikat yang telah dibubarkan iaitu 90.6% adalah menurut pembubaran di bawah seksyen 308. Ini disebabkan banyak syarikat telah memohon pembubaran di bawah seksyen 308 memandangkan ianya tidak mengenakan apa-apa bayaran. Bagi syarikat asing pula, statistik menunjukkan sepanjang tahun 2002, 50 buah syarikat asing telahpun dibubarkan sama seperti tahun 2001.

Jadual 9 pula menunjukkan jumlah dokumen pembubaran oleh mahkamah yang diterima bagi tempoh 1998 hingga 2002. Dalam tahun 2002, hanya 11 Perintah Akhir oleh mahkamah diterima dan menandakan selesainya proses pembubaran yang sememangnya mengambil masa yang panjang untuk diselesaikan.

The number of companies which were in the process of winding up increased at a rate of 18.2% to 7,876 in 2002 compared with 6,666 in 2001. The number of dissolved companies declined by 34.1% in 2002 (from 5,247 to 3,458) as shown in Table 8. Majority of the dissolved companies ie. 90.6%, were dissolved under Section 308. Most companies had applied for dissolution under this section because they were not required to pay any fees. Statistics showed that 50 foreign companies were dissolved in 2002, the same as in 2001.

Table 9 shows the number of documents lodged pursuant to dissolution granted by the Court for the period from 1998 to 2002. Only 11 Final Orders by the court were received in 2002, signifying the completion of the dissolution process which obviously takes time to complete.

Jadual 8 : Jumlah Syarikat Tempatan Yang Telah Memulakan Penggulangan Atau Selesai Dibubar Dalam Tahun 2001 Dan 2002

Table 8 : Number Of Local Companies Which Have Commenced Winding-Up Or Were Completely Dissolved In Year 2001 and 2002

Proses Process	Tahun Year	Tindakan s. 308 Action s. 308	Penggulangan Sukarela Voluntary Winding-Up	Penggulangan Mahkamah Court Winding-Up	Jumlah Total
Bermula / Commenced	2001	4,064	649	1,953	6,666
	2002	5,106	825	1,945	7,876
Bubar / Dissolved	2001	4,863	377	7	5,247
	2002	3,134	313	11	3,458

Jadual 9 : Jumlah Dokumen Penggulangan/Pembubaran Yang Diterima Bagi Tempoh 1998 – 2002

Table 9 : Number Of Winding-Up/Liquidation Documents Received From 1998 – 2002

Jenis Dokumen / Tahun Type of Documents / Year	1998	1999	2000	2001	2002
Petisyen / Petition	1,509	1,822	1,853	1,814	2,155
Perintah Memulakan Pembubaran / Order to Commence Liquidation	474	630	870	698	935
Perintah Akhir / Final Order	19	8	14	7	11

Notis Penamatan Perniagaan

Pada tahun 2002, sebanyak 76,847 notis penamatan perniagaan telah diterima, berkurangan sebanyak 3.1% berbanding 79,310 pada tahun 2001. Ini menggambarkan kesedaran yang semakin meningkat di kalangan pemilik perniagaan yang tidak aktif supaya menamatkan perniagaan mereka dan juga peningkatan usaha Pendaftar Perniagaan mengesan pemilik perniagaan tidak aktif yang tidak menamatkan perniagaan mereka. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatat bilangan penamatan perniagaan tertinggi iaitu sebanyak 24,162 diikuti oleh Johor sebanyak 11,074 dan Pulau Pinang 10,441.

Pelesenan Setiausaha Syarikat

Pada tahun 2002, permohonan lesen yang diterima oleh SSM meningkat sebanyak 23.42% kepada 411 permohonan berbanding 333 permohonan pada tahun 2001. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 261 permohonan telah dilulus dan dikeluarkan lesen baru berbanding 162 pada tahun 2001. Sementara itu, permohonan untuk memperbaharui lesen meningkat sebanyak 100.8% kepada 529 permohonan berbanding pada tahun sebelumnya.

Daripada 34,307 orang ahli badan profesional diiktiraf yang boleh bertindak sebagai Setiausaha Syarikat, hanya seramai 6,140 orang atau 17.90% sahaja yang dilantik sebagai Setiausaha Syarikat sehingga akhir tahun 2002.

Sebanyak 386 notis kompaun bernilai RM60,950 telah dikeluarkan ke atas individu yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 139A dan 139B sepanjang tahun ini. Jumlah tersebut meningkat 219% berbanding tahun 2001.

Sebanyak 39 sesi temuduga telah diadakan 37 di Kuala Lumpur, 1 di Kuching, Sarawak dan 1 di Kota Kinabalu, Sabah) yang melibatkan 313 calon. Daripada jumlah tersebut hanya 262 calon hadir dan 149 lulus dan 113 gagal.

Business Termination Notice

In 2002, a total of 76,847 business termination notices were received, a decrease of 3.1% compared with 79,310 in 2001. This is a reflection of the increasing awareness among inactive business owners to terminate their business as well as the intensified efforts of the Registrar of Companies to track down inactive business owners who have yet to terminate their businesses. The Federal Territory of Kuala Lumpur recorded the highest number of business termination with 24,162 followed by Johor, with 11,074 and Penang, 10,441.

Licensing of Company Secretary

In 2002, the CCM registered an increase in the number of licence applications with 411 applications received. This is an increase of 23.42% over 2001 during which 333 applications were received. From the total, 261 applications were approved and new licences were issued compared with 162 in 2001. Meanwhile, applications for the renewal of licence showed an increase of 100.8% to 529 applications compared with the previous year.

From a total of 34,307 members of recognised professional bodies who qualify to serve as company secretaries, only 6,140 or 17.90% were appointed to the post as of the end of 2002.

A total of 386 compound notices worth RM60,950 were issued to individuals for offences committed under Section 139A and 139B during the year, an increase of 219% compared with 2001.

Thirty-nine interview sessions were held, of which 37 were conducted in Kuala Lumpur, one each in Kuching, Sarawak and Kota Kinabalu, Sabah, involving a total of 313 candidates. Only 262 candidates attended the interview, of whom 149 of them passed while 113 had failed.





KHIDMAT PELANGGAN *CUSTOMER SERVICES*

Jabatan Khidmat Pelanggan berperanan melaksanakan fungsi SSM memberi perkhidmatan pembekalan maklumat korporat dan perniagaan kepada para pelanggannya melalui dua bahagian utama - Bahagian Maklumat Korporat dan Bahagian Khidmat Pelanggan.

Bahagian Maklumat Korporat terdiri daripada Unit IDAMAN dan Unit Mikrofilem. Ini adalah kerana dokumen syarikat kini disimpan dalam dua bentuk iaitu mikrofilem dan imej digital. Di samping itu, Bahagian ini turut membekalkan maklumat berkaitan penglibatan peribadi, pengesahan nombor syarikat dan verifikasi maklumat.

Pembekalan Maklumat Syarikat

Maklumat syarikat dibekalkan kepada pelanggan dalam dua cara iaitu maklumat korporat melalui cetakan komputer dan salinan dokumen (dengan atau tanpa pengesahan). Melalui perkhidmatan *Image Viewing Gallery*, orang ramai boleh menyemak sendiri dokumen dan maklumat syarikat menerusi monitor komputer yang tersedia dan boleh terus memohon cetakan imej dokumen syarikat yang mereka kehendaki.

The Customer Service Department is responsible for providing corporate and business information to customers through its two main divisions – Corporate Information Division and Customer Services Division.

The Corporate Information Division consists of the IDAMAN and Microfilm Units. This is because current company documents are stored either in microfilms or in the form of digital images. This division also supplies information pertaining to personal involvement, confirmation of company number, and information verification.

Company Information Supply

Company information is supplied to customers in two ways either through computer printouts or photocopies of documents (certified or uncertified). Through the Image Viewing Gallery, the public can personally view the documents and company information through computer monitors and request for printed copies of the desired company documents.

Permohonan bekalan maklumat yang tinggi telah diterima oleh SSM pada bulan Julai dan Ogos setiap tahun. Ini disebabkan oleh orang awam, agensi kerajaan dan sektor swasta ingin mendapatkan maklumat dan kedudukan terkini syarikat-syarikat yang telah memfailkan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan masing-masing dalam tempoh tersebut.

Pihak SSM telah menerima 1,300,582 permohonan maklumat korporat pada tahun 2002 berbanding 1,316,087 pada tahun 2001, kurang 1.2% sahaja. Walau bagaimanapun, maklumat korporat yang dapat dibekalkan menunjukkan pertambahan sebanyak 1.6% iaitu daripada 1,277,754 pada tahun 2001 kepada 1,297,953. Secara keseluruhannya, prestasi pembekalan maklumat mencapai tahap 99.8% berbanding 97% pada tahun sebelumnya. (Rujuk Jadual 10)

The CCM receives the highest number of applications for supply of information in July and August each year. This is because members of the public, government agencies and the private sector wish to acquire information on the position of companies that have lodged their annual returns and Financial Reports during this period.

The CCM has received 1,300,582 applications for corporate information during 2002 compared with 1,316,087 in 2001, a marginal decrease of 1.2%. Supply of corporate information however, increased by 1.6% from 1,277,754 in 2001 to 1,297,953 in 2002. Overall, the performance of information supply has reached a level of 99.8% compared with 97% in the previous year (Refer Table 10).

Jadual 10 : Jumlah Maklumat Syarikat Yang Dipohon Dan Dibekalkan
Table 10 : Number Of Company Information Applications And Supply

Tahun / Year	2001	2002	% Perubahan Tahunan Annual Changes (%)
Perkara / Item			
Jumlah dipohon / Total applications	1,316,087	1,300,582	-1.2
Jumlah dibekalkan / Total supplied	1,277,754	1,297,953	+1.6
Peratus yang dapat dibekalkan / Percentage Supplied	97.0%	99.8%	+2.8

Sepanjang tahun 2002, bekalan maklumat melalui sistem IDAMAN telah membekalkan sejumlah 66,849 imej dokumen yang disahkan berbanding hanya 44,402 pada 2001, bertambah 50.6%, imej yang tidak disahkan pula meningkat 53.6% daripada 276,391 pada tahun 2001 kepada 424,497 pada 2002, sementara maklumat cetakan komputer bertambah daripada 248,953 kepada 267,421 pada tahun yang ditinjau.

During the year 2002, the IDAMAN system has supplied a total of 66,849 certified document images compared with only 44,402 in 2001, an increase of 50.6%. The supply of uncertified images also increased to 53.6% from 276,391 in 2001 to 424,497 in 2002, while information supplied via computer printouts also rose from 248,953 to 267,421 during the year under review.

Penggunaan Sistem IDAMAN telah merealisasikan usaha SSM untuk mewujudkan perkhidmatan bekalan maklumat yang

The application of the IDAMAN System has enabled the CCM to realise its efforts in creating quality, efficient and

berkualiti, cepat serta mudah dan pada masa yang sama dapat memberi perkhidmatan online kepada semua pelanggan di seluruh negara. Berasaskan sistem ini, para pelanggan SSM boleh menyemak dan menggunakan satu fail syarikat tertentu secara serentak di seluruh negara. Kecekapan sistem ini mempertingkatkan dengan ketara keantasan urusan pembekalan maklumat oleh SSM kepada orang ramai. Jadual 11 menunjukkan prestasi pembekalan maklumat syarikat pada tahun 2002.

convenient information supply service and at the same time, provides customers the convenience of doing their business on-line. Using this system, CCM customers may simultaneously check and apply for certain files, irrespective of where they are in Malaysia. The efficiency of this system has significantly enhanced the speed by which information could be supplied to the public. Table 11 shows the performance of company information supply for 2002.

Jadual 11 : Prestasi Aktiviti Pembekalan Maklumat Syarikat
 Table 11 : Performance of Company Information Supply Activities

Aktiviti Maklumat Syarikat <i>Company Information Activities</i>	2001 <i>2001</i>	2002 <i>2002</i>	Peratus Perubahan (%) <i>Percentage of Changes (%)</i>
Salinan dokumen yang disahkan (IDAMAN) <i>Certified photocopy of documents (IDAMAN)</i>	44,402	66,849	+50.6%
Salinan dokumen yang tidak disahkan (IDAMAN) <i>Non-certified photocopy of documents (IDAMAN)</i>	276,391	424,497	+53.6%
Salinan dokumen disahkan (Mikrofilem) <i>Certified Photocopy of documents (Microfilm)</i>	59,338	42,978	-27.6%
Salinan dokumen tidak disahkan (Mikrofilem) <i>Non-certified Photocopy of documents (Microfilm)</i>	114,703	95,001	-17.2%
Cetakan Komputer <i>Computer printouts</i>	248,953	267,421	+7.4%
Cetakan komputer (jabatan dan agensi Kerajaan) <i>Computer printouts (government departments and agencies)</i>	24,224	33,188	+37.0%

Selain bekalan maklumat menerusi sistem IDAMAN, Maklumat Korporat juga dibekalkan melalui mikrofilem. Pada tahun 2002, sebanyak 42,978 salinan yang disahkan telah dibekalkan kepada pelanggan berbanding 59,388 salinan pada tahun sebelumnya (berkurangan 27.6%). Salinan dokumen tidak disahkan juga menurun daripada 114,703 kepada 95,001 (berkurangan 17.2%). Pengurangan bekalan maklumat melalui mikrofilem adalah disebabkan penggunaan sistem IDAMAN terbukti lebih cekap dan berkesan. (Rujuk Jadual 11).

Besides IDAMAN, corporate information can also be sourced from microfilms. In 2002, 42,978 certified photocopies of documents were supplied to customers compared with 59,388 copies last year (a reduction of 27.6%). The supply of uncertified photocopies of documents also decreased from 114,703 to 95,001 (decreased by 17.2%). The supply of information through microfilms declined because more people opted for the IDAMAN system as it has proven to be highly efficient and effective (refer to Table 11).

Lain-lain perkhidmatan yang diberikan termasuk mengeluarkan sijil pengesahan perakuan pendaftaran, pengesahan dokumen dan pemfailan segera.

Sepanjang tahun 2002, sebanyak 792 Sijil Pengesahan Perakuan Pendaftaran telah dikeluarkan. Sijil ini dikeluarkan bagi memenuhi permohonan kerana sijil yang asal telah hilang, mengesahkan nombor pendaftaran dan terjemahan di dalam Bahasa Inggeris.

Bagi pengesahan dokumen, sebanyak 1,410 permohonan telah diterima berbanding 2,140 pada tahun 2001. Daripada jumlah 1,410 permohonan, 1241 berjaya dikesan dan bakinya 169 permohonan telah diminta untuk dibuat 'refiling'. Bagi permohonan untuk mendapatkan pengesahan dokumen yang difailkan secara segera sebanyak 1,744 permohonan telah diterima dan kesemuanya berjaya disempurnakan permohonan mereka.

Perkhidmatan Bekalan Maklumat Perniagaan

Pada tahun 2002, sebanyak 203 permohonan pemeriksaan fail diterima, menurun 49.1% berbanding tahun sebelumnya disebabkan orang awam lebih mudah untuk memperolehi bekalan maklumat perniagaan berkomputer. Justeru, permohonan mendapatkan maklumat perniagaan berkomputer meningkat pada kadar 10.37% atau sebanyak 36,072 permohonan daripada 311,561 pada tahun 2001 kepada 347,663 pada tahun ini.

Program Khidmat Pelanggan

Sebagai komitmennya terhadap perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan, SSM telah mewujudkan pelbagai khidmat pelanggan yang antara lain termasuk meneruskan khidmat kaunter penerangan. Kaunter ini bertujuan untuk menangani masalah dan pertanyaan yang dikemukakan oleh para pelanggan. Seramai hampir 20 hingga 30 orang awam datang setiap hari untuk mendapatkan perkhidmatan dan pegawai yang bertugas melayani kira-kira 15 panggilan setiap hari. Khidmat melalui kaunter penerangan ini disokong oleh Khidmat *Hot-Line* yang mula

Other services offered include the issuing of replacement certificates of registration, certification of documents and 'express' filing.

In 2002, 792 replacement certificates were issued to replace the original that were lost. It also provides verification of the company registration number and to translate the certificates into English.

For document certification, a total of 1,140 applications were received compared with 2,140 in the year 2001. From the total of 1,410 applications received, 1,241 were successfully traced while the remaining 169 applications were re-filed. For applications to acquire certified documents from 'express' filing, there were 1,744 applications received and all were successfully issued.

Business Information Supply Services

In 2002, 203 applications for file examination were received, a decrease of 49.1% compared with the previous year, as it was easier for the public to obtain computerized business information. Because of this, applications to obtain computerized business information have increased by 10.37% or 36,072 applications, from 311,561 applications in 2001 to 347,663 this year.

Customer Service Programme

As its commitment towards quality and effective service, the CCM strives to improve on its customer services by introducing an information counter service. This service allows the CCM to handle problems and enquiries from customers. The counter receives between 20 and 30 customers daily. The designated counter officers usually

diperkenalkan pada 1 Disember 2002 bagi membolehkan orang awam mengemukakan pertanyaan berhubung perkara-perkara berkaitan perkhidmatan SSM dan undang-undang yang ditadbirnya.

Di samping itu, untuk menjadikannya lebih mesra pelanggan, SSM telah memperuntukkan Hari Sabtu kedua setiap bulan sebagai "Hari Bersama Pelanggan". Program ini membuka peluang kepada orang awam mengenali SSM dengan lebih dekat dan mengetahui dengan lebih mendalam tentang bidang tugas dan perkhidmatan SSM.

handle around 15 calls daily. This is complemented by the Hotline service which was introduced on 1 December 2002 to enable the public to make inquiries on services provided by the CCM and its administered laws.

To make it more customer-friendly, the CCM has also introduced a "Day With the Clients" which falls on the second Saturday of each month. This is to familiarise the public with the services provided by the CCM and its scope of duties.



KAWAL SELIA DAN PENGUATKUASAAN

REGULATION AND ENFORCEMENT

Bahagian Pemantauan Dan Pengawasan

Fungsi pemeriksaan SSM dilaksanakan oleh Bahagian Pemantauan dan Bahagian Pengawasan. Bahagian Pemantauan, melalui Unit Pemeriksaan menjalankan pemeriksaan rutin ke atas syarikat dan perniagaan untuk memastikan mereka mematuhi kehendak Akta Syarikat 1965 dan Akta Perniagaan 1956. Pemeriksaan terhadap syarikat adalah tertumpu kepada kepatuhan syarikat mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan, menyenaraikan Penyata Tahunan dalam tempoh yang ditetapkan serta pembentangan Penyata Kewangan di Mesyuarat Agung Tahunan.

Pemeriksaan terhadap syarikat adalah ke atas aduan yang diterima berkaitan pelanggaran peruntukan yang dinyatakan di atas serta lain-lain peruntukan di bawah Akta Syarikat 1965. Fungsi lain bahagian ini adalah mengeluarkan kompaun/amaran kepada syarikat dan para pengarah syarikat yang didapati gagal mematuhi kehendak Akta Syarikat 1965 dan seterusnya mencadangkan kepada bahagian pendakwaan supaya mengambil tindakan mahkamah ke atas syarikat atau para pengarah yang gagal menjelaskan kompaun atau enggan/tidak mematuhi peruntukan Akta Syarikat dan Akta Pendaftaran Perniagaan.

Sepanjang tahun 2002, Bahagian Pematuhan SSM telah menerima sebanyak 422 aduan, dengan 66 fail pemeriksaan dan 99 kertas siasatan dibuka sementara baki aduan didapati tidak berkaitan dengan bidang kuasa SSM. Sebahagian besar aduan melibatkan kes-kes berkaitan dengan kegagalan syarikat mengadakan mesyuarat agung tahunan dan membentangkan akaun syarikat, tidak memfail penyata tahunan ke pejabat SSM serta melantik seseorang yang telah disabitkan dengan kesalahan, penipuan/ketidakjujuran. Aduan lain termasuklah orang yang telah diisytiharkan sebagai bankrap dilantik sebagai pengarah syarikat tanpa mendapat pelepasan daripada Mahkamah dan kegagalan mematuhi piawaian yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

Sepanjang tahun 2002, aktiviti pemeriksaan ke atas syarikat meningkat 26% berbanding pemeriksaan tahun sebelumnya, daripada 143 kepada 180 pemeriksaan. Daripada 102

Surveillance And Supervision Division

The Monitoring Surveillance Divisions are tasked with the inspection duties of CCM. The Monitoring Division, through its Inspection Unit, conducts routine inspection on businesses and companies to ensure that they comply with the requirements of the Companies Act 1965 and the Registration of Businesses Act 1956. The inspections on companies are meant primarily to ensure their compliance in convening the Annual General Meeting, lodgement of Annual Returns within the specified period and tabling of the Financial Statement at the Annual General Meeting.

The division also conducts inspections on complaints related to violation of the above provisions beside other provisions under the Companies Act 1965. Its other function is to issue compound/warnings to companies and company directors who fail to comply with the requirements of the Companies Act 1965. It will subsequently make recommendation to the prosecution division for court action to be taken against companies and company directors who fail to settle the compound or refuse to comply with provisions of the said Companies Act and Businesses Registration Act.

In 2002, the Compliance Division of CCM has received 422 complaints which resulted in the opening of 66 inspection files and 99 investigation papers while the remaining cases were beyond the jurisdiction of CCM. The bulk of the complaints were those pertaining to the failure of companies to convene annual general meetings and tabling the company accounts, failure to lodge annual returns at the CCM office as well as appointing individuals convicted of fraud/breach of trust or individuals who have been declared a bankrupt to assume the position of company director, without leave by the court as well as failure to comply with the standards issued by the Malaysian Accounting Standard Board.

Inspection activities on companies in 2002 increased by 26%, from 143 in 2001 to 180 this year. From the 102 inspection files opened for the Federal Territory of Kuala Lumpur, Selangor and Negeri Sembilan, 30 companies and

fail pemeriksaan di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan, sebanyak 30 syarikat dan pengarah syarikat telah dikompaun. Kesalahan utama yang dicatatkan adalah tidak mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan di bawah seksyen 143(1) sebanyak 23 kes, kegagalan menyerahkan Penyata Tahunan di bawah seksyen 165(4) sebanyak 21 kes, dan 25 kes kerana tidak membentangkan Penyata Kewangan di Mesyuarat Agung Tahunan di bawah seksyen 169(1).

Dalam tahun ini, kompaun berjumlah RM941,000 telah dikeluarkan tetapi setelah mempertimbangkan rayuan yang dikemukakan oleh pihak berkaitan, jumlah kompaun tersebut dikurangkan kepada RM896,000. Di samping itu, sebanyak 66 fail sedang dalam proses pemeriksaan lanjut.


Bahagian ini turut menjalankan pemeriksaan ke atas premis perniagaan. Pada tahun yang ditinjau, sebanyak 103,820 premis perniagaan telah diperiksa, menurun 4.6% daripada 108,770 pada tahun 2001. Pemeriksaan meliputi semua jenis premis yang aktif menjalankan perniagaan, daripada yang terletak di dalam bangunan hinggalah kepada gerai-gerai di kawasan terbuka. Pejabat Negeri Pulau Pinang telah menjalankan pemeriksaan terbanyak iaitu 20,142 pemeriksaan atau 19.4%, diikuti oleh pejabat Negeri Kedah (19,700 atau 18.8%), dan Ibu Pejabat Kuala Lumpur (16,987 atau 16.4%). (Rujuk Carta C)

company directors were compounded. The main offences recorded were failure to convene the Annual General Meeting under section 143(1), with 23 cases, failure to lodge Annual Returns under section 165(4), 21 cases, and 25 cases for failure to table Financial Statements at the Annual General Meeting under Section 169(1).

Compounds totalling RM941,000 were issued to companies this year but after considering appeals from the aggrieved parties, the compound charges were reduced to RM896, 000. Another 66 files are in the process of further investigation.

The division also conducts inspection on business premises. During the year under review, 103,820 business premises were inspected, a decline of 4.6% from 108,770 in 2001. The inspection covers all types of premises that conduct active business from those located in buildings to stalls operating in open spaces. The Penang State Branch Office conducted the most number of inspections with 20,142 inspections or 19.4%, followed by the Kedah State Office (19,700 or 18.8%), and Kuala Lumpur Head office (16,987 or 16.4%). (refer to Chart C).

Carta C : Bilangan Pemeriksaan Oleh Pemeriksa Perniagaan
 Chart C : Number Of Inspections By Business Inspectors



Pengawasan Akaun Korporat Dan Juruaudit

Bahagian Pengawasan Akaun Korporat (BPAK) terdiri daripada Unit Pengawasan Laporan Kewangan (UPLK) dan Unit Pengawasan Juruaudit (UPJ). Bahagian ini bertanggungjawab untuk memastikan semua peruntukan Akta Syarikat 1965 dan Peraturan Syarikat 1966 berkaitan dengan akaun dan juruaudit syarikat dipatuhi sepenuhnya.

Bagi tahun 2002, UPLK telah menyemak 8,655 Penyata Kewangan syarikat yang mempunyai laporan juruaudit bersyarat berbanding 7,645 pada tahun 2001, bertambah 13%. UPLK juga telah menyemak dan mengeluarkan kueri berkaitan 1,053 Penyata Kewangan (763 pada 2001) yang ditolak oleh sistem komputer kerana kesilapan dan kesalahan dalam Penyata Kewangan yang diserahkan simpan.

Sementara itu, UPJ pula mencatatkan penurunan 28% dalam bilangan firma audit berdaftar berbanding tahun sebelumnya. Penurunan ini adalah berikutan bilangan pemohon yang berjaya mendapat lesen sebagai juruaudit berkurangan 35% berbanding tahun 2001. Keadaan ini wujud kerana jawatankuasa temuduga juruaudit telah memperketatkan lagi syarat kelulusan bagi memastikan juruaudit bukan sahaja mempunyai pengetahuan dan pengalaman sebaliknya sentiasa mempertingkatkannya selaras dengan perkembangan dan keperluan korporat dan perniagaan semasa.

UPJ juga bertanggungjawab memberi surat sokongan kepada setiap permohonan atau pembaharuan lesen juruaudit dan penyelesaian syarikat. Sepanjang tahun yang ditinjau, sebanyak 667 surat sokongan telah dikeluarkan kepada Kementerian Kewangan.

Hasil penyemakan ke atas rekod juruaudit syarikat didapati bahawa sejumlah 141 firma juruaudit masih aktif walaupun lesen mereka telah luput dan tidak diperbaharui di bawah Akta Syarikat 1965. Susulan dari itu, Unit UPJ akan melaksanakan Operasi Lesen Juruaudit untuk menjalankan pemeriksaan lanjut ke atas juruaudit syarikat berkenaan.

Sebanyak 67 penyata kewangan yang melibatkan syarikat-syarikat PN4 telah diterima dan disemak oleh BPAK. PN4

Surveillance Of Corporate Accounts And Auditors

The Corporate Accounts Surveillance Division (CASD) consists of the Financial Reporting Surveillance Unit (FRSU) and Auditors Surveillance Unit (ASU). This division is tasked with ensuring that all provisions of the Companies Act 1965 and Companies Regulation 1966 pertaining to accounts and company auditors are fully complied with.

In 2002, the FRSU has reviewed 8,655 Financial Statements which contained qualified auditors report as compared with 7,645 in 2001, an increase of 13%. The FRSU also reviewed and issued queries related to 1,053 Financial Reports (763 in 2001) that were rejected by the computer system due to errors and mistakes in the Financial Statements that were lodged.

Meanwhile, the ASU recorded a reduction of 28% in the number of registered audit firms compared to the previous year. This reduction is due to the decrease in the number of successful applicants applying for the auditors license which declined by 35% compared with 2001. This was a result of the tightening of the requirements for passing imposed by the auditors interview committee to ensure that the auditors are not only knowledgeable and experienced but are consistently upgrading their knowledge in line with current corporate and business developments.

The ASU is also responsible in providing recommendation letters to applications for the renewal of auditors' license and company liquidators license. In the year under review, 667 recommendation letters were issued to the Ministry of Finance.

A review of the company auditors' record showed that 141 audit firms were found to be active despite the expiry of their licences which have not been renewed as required under the Companies Act 1965. The ASU will launch the "Auditors Licence Operation" to conduct inspection on the respective company auditors.

adalah syarikat-syarikat tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur yang mengalami masalah tabung pemegang saham yang negatif dan perlu melaksanakan penyusunan semula. Daripada jumlah tersebut, 11 syarikat disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965 dan fail tersebut telah dihantar ke Bahagian Siasatan untuk tindakan lanjut.

Dalam proses menjalankan pemeriksaan, Unit Pemeriksaan berhadapan dengan beberapa isu utama yang perlu ditangani seperti alamat berdaftar syarikat tidak dikemas kini, setiausaha syarikat meletak jawatan tanpa pengetahuan pengarah, syarikat tidak aktif dan keengganan menjelaskan kompaun yang dikenakan.

Bagi pemeriksaan ke atas perniagaan, Unit ini sering mendapati pemilik tiada di premis semasa pemeriksaan dijalankan, maklumat lengkap mengenai perniagaan gagal diperolehi atau menghadapi masalah para peniaga yang tidak beretika.

Sepanjang tahun 2002, Bahagian Litigasi berjaya membawa 1,907 kes ke Mahkamah yang antara lain meliputi 28 kes sivil di Mahkamah Tinggi, 2 kes jenayah di Mahkamah Sesyen di bawah Akta Syarikat 1965 dan 22 kes saman di bawah Akta Syarikat dan 1,855 kes saman di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan.

Selain pemeriksaan rutin ke atas syarikat dan perniagaan, Unit Pemeriksaan bercadang untuk memeriksa/memantau syarikat-syarikat yang baru ditubuhkan bagi memastikan peruntukan Akta Syarikat 1965 dipatuhi, terutamanya berhubung keperluan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan pertama serta menyerahsimpan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan dalam tempoh 18 bulan dari tarikh penubuhan sesebuah syarikat. Pemeriksaan juga akan ditumpukan kepada kawasan-kawasan baru dan juga kawasan yang telah lama tidak diperiksa serta perniagaan yang telah luput pendaftaran dan ditinggalkan tanpa sebarang maklumat lanjut.

Bahagian Pemantauan SSM memerlukan bilangan pegawai penguatkuasa yang lebih ramai bagi mempertingkatkan keberkesananannya dan memastikan undang-undang dan peraturan berkaitan dipatuhi.

The CASD has received and reviewed 67 financial statements involving PN4 companies. PN4 companies are companies listed on the Kuala Lumpur Stock Exchange that had negative shareholders fund which required them to be restructured. Of the total, 11 companies were suspected of committing offences under the Companies Act 1965. Their respective files have been forwarded to the Investigation Division for further action.

The major issues faced by the Inspection Unit were those related to the companies' registered address not being updated, incidences of company secretary resigning without the knowledge of directors, inactive companies and the refusal of companies to settle compounds.

With regard to inspection on businesses, the Unit is often placed in a situation where the owners are absent during an inspection, failure to obtain complete information on a particular business or unethical conduct of the businessmen.

In 2002, the Litigation Division had succeeded in bringing 1,907 cases to Court which included 28 civil cases in the High Court, two criminal cases under the Companies Act 1965 to the Sessions Court and 22 summons cases under the Companies Act and 1,855 summons cases under the Registration of Businesses Act.

Beside routine inspection on companies and businesses, the Inspection Unit also plans to inspect/monitor newly formed companies to ensure that provisions of the Companies Act 1965 are complied with, particularly those pertaining to the requirements for companies to convene their first Annual General Meeting and lodging of Annual Returns and Financial Statements within 18 months from the date of incorporation. Future inspection will also focus on new areas as well as areas where inspection is long overdue. Businesses whose registration has expired and left without further information will also be inspected.

More enforcement officers are needed by the CCM's Surveillance Division to enhance its operations and in ensuring that related legislations and regulations are complied with.

SKIM KEPENTINGAN *INTEREST SCHEME*

Fungsi utama bahagian ini ialah memproses dan meluluskan surat ikatan amanah, mendaftar dan mengeluarkan sijil pendaftaran prospektus sebelum pengusaha skim-skim kepentingan seperti kelab golf, kelab rekreasi dan skim kongsimasa boleh beroperasi dan menjual keahlian kepada orang ramai. Keahlian dijual kepada orang ramai di mana ahli-ahli kelab atau pemegang kepentingan berhak menggunakan kemudahan yang disediakan oleh pengusaha skim kepentingan tersebut.

Definisi Skim Kepentingan diperuntukkan di bawah Seksyen 84(1) Akta Syarikat 1965 dan peruntukan yang berkaitan dengan penjualan Skim Kepentingan adalah di bawah Pecahan 5 Bahagian IV Akta tersebut. Suruhanjaya juga telah mengeluarkan Garis Panduan dan Polisi berkaitan dengan penjualan keahlian skim kelab golf, rekreasi dan skim kongsimasa.

Sepanjang tahun 2002, jumlah permohonan Skim Kepentingan baru yang diterima merosot kepada 3 permohonan sahaja berbanding 9 permohonan pada tahun sebelumnya. Daripada 3 permohonan tersebut, satu permohonan masing-masing untuk kelab golf dan rekreasi di Johor, kelab rekreasi di Perak dan skim kongsimasa di Kuala Lumpur. Antara sebab kemerosotan ini ialah kegagalan kelab-kelab golf & rekreasi mencapai tahap keahlian yang maksimum kerana terdapat ahli yang telah memindah-milik keahlian mereka dengan harga pasaran yang rendah.

Bahagian ini turut memproses dan meluluskan surat ikatan amanah tambahan bagi skim kepentingan tersebut jika terdapat sebarang perubahan pada dokumen asal yang dipersetujui oleh pemegang amanah yang dilantik oleh syarikat operator skim kepentingan. Daripada 49 permohonan diterima, 33 daripadanya telah diluluskan. Bakinya masih dalam proses atau ditolak kerana gagal mematuhi peruntukan undang-undang yang ditetapkan.

Menurut seksyen 90, Akta Syarikat 1965, tawaran penjualan keahlian hanya dibenarkan sekiranya pelanggan dibekalkan dengan prospektus terkini semasa penjualan

The core function of this division is to process and approve trust deeds, register and issue certificates of registration of prospectus before operators of interest schemes such as golf clubs, recreational clubs and time-share schemes can commence operation and start selling memberships to the public. Club members or interest holders have the right to use the facilities provided by the operators of these schemes.

The Definition of 'Interest Scheme' is specified under section 84(1) of the Companies Act 1965 and provisions related to the sale of interest comes under Division 5 of Part IV of the Act. The Commission has issued Policy Guidelines and Requirements with regards to the sale of memberships in golf club, recreational clubs and timeshare schemes.

The number of applications for new interest schemes received in 2002 declined to 3 compared with 9 applications in the previous year. Out of the three applications, one was for a golf and recreational club in Johor, one for a recreational club in Perak and another for a timeshare scheme in Kuala Lumpur. This decline was attributed to the failure of golf and recreational clubs to achieve maximum membership target and existing members transferring their membership at below market price.

This division also processes and approves supplemental trust deeds for the interest schemes provided changes to the Principal Trust Deeds have been agreed to by the trustee appointed by the interest scheme operators. Of the 49 applications received, 33 were approved. The rest are either in the process of being approved or have been rejected for not complying with the stipulated legal provisions.

keahlian dibuat. Justeru, semua pengusaha skim-skim kepentingan perlu memperbaharui prospektus mereka setiap 6 bulan sekali kecuali memperoleh kelulusan Pendaftar Syarikat untuk lanjutan tempoh sah prospektus bagi kes-kes yang menepati dasar yang ditetapkan oleh Pendaftar Syarikat. Sepanjang tahun 2002, sejumlah 134 prospektus bagi tempoh sah 6 bulan telah didaftarkan berbanding 125 pada tahun 2001. Hanya 11 syarikat sahaja dilanjutkan tempoh sah prospektus hingga 12 bulan.

Mulai Februari 2002 hingga April 2002, bahagian ini dengan kerjasama pegawai-pegawai dari bahagian lain telah menjalankan operasi pemeriksaan/lawatan rasmi ke atas 27 buah kelab golf dan rekreasi yang telah siap sepenuhnya. Operasi tersebut bertujuan untuk memeriksa kemudahan-kemudahan yang disediakan sepertimana yang dijanjikan dalam surat ikatan amanah dan prospektus pengusaha kelab golf dan rekreasi.

Perkembangan Industri Kongsimasa pula memperlihatkan pertumbuhan yang memberangsangkan berikutan pemulihan ekonomi negara. Namun, perkembangan luaran, khususnya ekonomi Amerika Syarikat dan perkembangan negatif lain di rantau ini telah menjejaskan pertumbuhan positif tersebut. Sepanjang tahun 2002, jualan keahlian dalam industri ini mengalami penurunan antara 15% hingga 25% berbanding tahun sebelumnya.

Memandangkan industri kongsimasa di Malaysia telah mencapai tahap tepu, pengusaha skim ini memberi tumpuan terhadap kualiti pusat peranginan dan khidmat pelanggan bagi memastikan daya saingan syarikat kongsimasa dikekalkan. Terdapat juga para pengusaha skim yang membeli pusat peranginan di luar negeri atau menjalin hubungan kerjasama dengan rangkaian hotel antara-bangsa di lokasi-lokasi yang terkemuka. Ini menyediakan pilihan yang lebih luas kepada para pelanggan mereka untuk bercuti di destinasi selain daripada percutian dalam negeri.

Keadaan ekonomi yang sukar dijangka juga menyebabkan orang ramai bersikap lebih berhati-hati terhadap pembelian skim keahlian kelab golf dan rekreasi walaupun harga yang

Pursuant to section 90 of the Companies Act 1965, the offer for sale of membership is only allowed if prospective customers are given copies of the current prospectus during a membership drive. Operators of interest schemes are required to renew their prospectus every six months except in cases where approval for an extension of the validity period of the prospectus has been obtained from the Registrar of Companies. In 2002, a total of 134 prospectus with a six-month validity period were successfully registered compared with 125 in 2001. Only 11 companies had the validity period of their prospectus extended to 12 months.

From February 2002 to April 2002, the division in collaboration with officers from other divisions conducted inspection/official visits on 27 fully completed golf and recreational clubs. The aim of this operation is to inspect whether the facilities provided are as promised in the trust deeds and prospectuses issued by the respective golf and recreational club operators.

The Timeshare Industry has shown encouraging growth following the country's economic recovery. However, external developments particularly the United States economy and other negative developments in the region have hampered this growth. The sale of membership in this industry suffered a decline of between 15% and 25% in 2002 compared with the previous year.

With the saturation of the timeshare industry in Malaysia, operators of interest schemes are now giving more attention in improving the quality of their resorts and in meeting customer satisfaction to maintain their competitiveness. Interest scheme operators have also bought overseas resorts or formed strategic partnerships with international hotel chains in a move to provide customers with wider options so that they can spend their holidays either locally or abroad.

ditawarkan agak berpatutan. Ini turut mengakibatkan kelab golf dan rekreasi mengalami kekurangan pelanggan khususnya kelab yang terletak jauh dari bandar.

Sementara itu, para pengusaha kelab rekreasi pula lebih cenderung untuk membina kelab rekreasi yang berdekatan dengan kawasan kediaman, sejajar dengan arah aliran minat orang ramai. Justeru, ada di kalangan pemaju perumahan yang membina dan menyediakan kelab rekreasi di kawasan projek perumahan mereka dan dimasukkan ke dalam pakej jualan mereka.

Pendaftar Syarikat mula mengawalselia penjualan skim kepentingan sejak bulan September 1992 apabila Garis Panduan dan Polisi mengenai penjualan keahlian kelab golf, rekreasi dan skim kongsimasa dikeluarkan. Walaupun telah lama dikeluarkan, namun masih ramai di kalangan pengusaha skim kepentingan yang tidak sedar akan kehendak Akta, Garis Panduan dan Polisi sehingga mereka melakukan pelbagai kesalahan. Pada tahun 2002, kompaun berjumlah RM25,000 telah ditawarkan kerana pengusaha tidak mematuhi peruntukan dan fasal-fasal yang terkandung di dalam surat ikatan amanah.

Pemegang amanah juga perlu memainkan peranan penting dalam memastikan supaya skim-skim kepentingan di bawah naungan mereka memberi kepuasan sewajarnya dan menepati keperluan pelanggan. Mereka perlu mengadakan mesyuarat dan perbincangan dengan Ahli Jawatankuasa Perhubungan dan juga pengurusan kelab untuk mendapatkan maklumbalas daripada mereka berhubung sebarang perkembangan dan masalah yang dihadapi. Pemegang amanah juga bertanggungjawab untuk melaporkan kepada SSM jika skim-skim kepentingan didapati tidak mematuhi peruntukan yang ditetapkan di dalam surat ikatan amanah.

Sehingga Disember 2002 Jumlah Skim Kepentingan dan Pendaftaran Prospektus dan Permohonan Kelulusan Surat Ikatan Amanah adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 12 dan 13.

The unpredictable economic conditions have caused the public to be more cautious when buying memberships in golf and recreational clubs although the prices are reasonable. This has resulted in golf and recreational clubs experiencing a shortage of membership particularly those located away from the city.

Meanwhile, operators prefer to construct their recreational clubs near residential areas in line with the current trend. It is not uncommon for some developers to build a recreational club within their housing projects and have the facilities included in the sales package.

The Registrar of Companies began supervising and regulating the sale of interest schemes since September 1992 upon the issuance of the Policy Guidelines and Requirements for the sale of club membership in golf or recreational clubs and timeshare schemes. Although the policy guidelines and requirements had been issued for quite some time, there are still a number of interest scheme operators who are still unaware of this. In 2002, compounds totaling RM25,000 were issued to operators for not adhering to the provisions and clauses in the trust deeds.

Trustees should also play their role in ensuring that the interest schemes satisfy and meet their needs. They should convene meetings and have discussions with the Liaison Committee and club management to get feedback on the progress of the scheme and problems they encounter. The trustee should also be responsible to report to the CCM of wrongdoing or if the interest schemes fail to comply with provisions stipulated in the trust deed.

The number of Interest Schemes, Registration of Prospectus and Applications for Approval of Trust Deeds as of December 2002 are shown in Table 12 and 13.

Jadual 12 : Jumlah Skim Kepentingan Sehingga 31 Disember 2002

Table 12 : Total Number Of Interest Schemes As of 31 December 2002

Nama Skim / <i>Name of Schemes</i>	Jumlah / <i>Total</i>
Kelab Golf dan Rekreasi / <i>Golf and Recreational Club</i>	68
Kelab Rekreasi / <i>Recreational Club</i>	28
Skim Kongsimasa / <i>Timeshare Scheme</i>	22
Kelab Melalui Saham / <i>Club By Shares</i>	22
Taman Memorial / <i>Memorial Park</i>	3
Kelab Marina / <i>Marina Club</i>	9
Jumlah Keseluruhan / <i>Total</i>	152

Jadual 13 : Pendaftaran Prospektus Dan Permohonan Kelulusan Surat Ikatan Amanah

Table 13 : Registration Of Prospectus And Applications For Approval Of Trust Deeds

Bulan <i>Month</i>	Pendaftaran Prospektus <i>Registration of Prospectus</i>	Permohonan Kelulusan Surat Ikatan Amanah <i>Applications For Approval of Trust Deeds</i>
Januari / <i>January</i>	11	4
Februari / <i>February</i>	4	2
Mac / <i>March</i>	11	2
April / <i>April</i>	8	4
Mei / <i>May</i>	8	4
Jun / <i>June</i>	20	8
Julai / <i>July</i>	15	10
Ogos / <i>August</i>	10	4
September / <i>September</i>	9	5
Oktober / <i>October</i>	13	3
November / <i>November</i>	7	3
Disember / <i>December</i>	18	-
Jumlah / <i>Total</i>	134	49

PERUNDANGAN, DASAR DAN RANGKAIAN KERJASAMA

LAW, POLICY AND NETWORKING

Pindaan Undang-Undang

Sepanjang tahun 2002, sebanyak enam perundangan telah diwartakan dan dikuatkuasakan oleh SSM:

1. Perintah Syarikat (Pindaan Jadual) 2001
2. Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001
3. Akta Syarikat (Pindaan)(No.2) 2001
4. Akta Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2001
5. Kaedah Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2002
6. Perintah Peletakhakan 2002

Jadual Kedua Akta Syarikat 1965 menetapkan bayaran yang perlu dibuat kepada Pendaftar Syarikat menurut Seksyen 7, 337 dan 373 Akta tersebut. Jadual Kedua Akta Syarikat 1965 telah dipinda melalui Perintah Syarikat (Pindaan Jadual) 2001 dan diwartakan sebagai P.U.(A) 371/2001. Ia mula dikuatkuasakan pada 2 Januari 2002. Pindaan ini melibatkan kemasukan dua butiran yang bertujuan mengenakan beberapa bayaran yang selama ini tiada dalam peruntukan tersebut di samping menaikkan empat jenis bayaran yang sedia ada.

Butiran baru yang dimasukkan meliputi 26A untuk mengenakan bayaran yang ditetapkan bagi setiap dokumen yang diserahkan melebihi dari tempoh yang dibenarkan dalam Akta Syarikat 1965 atau Peraturan-Peraturan Syarikat 1966. Dengan pindaan tersebut, bayaran yang mesti dibuat apabila dokumen lewat diserahkan adalah seperti berikut:-

- (a) Syarikat Awam
 - (i) melebihi 7 hari tetapi tidak lebih dari 3 bulan sebanyak RM150.00
 - (ii) melebihi 3 bulan tetapi tidak lebih dari 6 bulan sebanyak RM250.00
 - (iii) melebihi enam bulan tetapi tidak lebih dari 12 bulan sebanyak RM300.00
 - (iv) melebihi 12 bulan RM500.00
- (b) Syarikat Persendirian
 - (i) melebihi 7 hari tetapi tidak lebih dari 3 bulan sebanyak RM50.00
 - (ii) melebihi 3 bulan tetapi tidak lebih dari 6 bulan sebanyak RM100.00

Legal Amendments

In 2002, six legislations were gazetted and enforced by the CCM:

1. *Companies (Amendment of Schedule) Order 2001*
2. *Companies Commission of Malaysia Act 2001*
3. *Companies (Amendment) (No. 2) Act 2001*
4. *Registration of Businesses (Amendment) Act 2001*
5. *Registration of Business (Amendment) Rules 2002*
6. *Appointment of Vesting Order 2002*

The Second Schedule of the Companies Act 1965 stipulates payments that need to be made to the Registrar of Companies pursuant to sections 7, 337 and 373 of the Act. The Second Schedule of the Companies Act 1965 was amended through the Companies (Amendment of Schedule) Order 2001 and was gazetted as P.U. (A) 371/2001 which came into effect on 2 January 2002. The amendments entailed the inclusion of two new items for the purpose of imposing payments that were previously not in the provisions besides increasing the rate of four existing types of payments.

The inclusion of these new provisions comprised of 26A for the imposition of a prescribed payment for every document lodged that exceeds the period allowed under the Companies Act 1965 or Companies Regulations 1966. With these amendments, the compulsory payment for late lodgement of document are as follows: -

- (a) *Public Companies*
 - (i) *exceeding 7 days but not more than 3 months, RM150.00*
 - (ii) *exceeding 3 months but not more than 6 months, RM250.00*
 - (iii) *exceeding 6 months but not more than 12 months, RM300.00*
 - (iv) *exceeding 12 months, RM500.00*

(iii) melebihi 6 bulan tetapi tidak lebih dari 12 bulan sebanyak RM150.00

(iv) melebihi 12 bulan sebanyak RM200.00

- Butiran 26B untuk mengenakan bayaran atas serah simpan dokumen oleh sesebuah syarikat yang dibuat di bawah peruntukan mana-mana undang-undang lain.

Butiran yang dipinda meliputi:

- Butiran 14E untuk mengenakan bayaran serahan simpan kedua-dua jenis dokumen iaitu laporan atau akaun bagi maksud Seksyen 36A
- Butiran 24 dipinda dengan menaikkan bayaran daripada RM10.00 kepada RM200.00
- Butiran 25 dipinda dengan menaikkan bayaran daripada RM25.00 kepada RM500.00
- Butiran 26 – kadar bayaran RM25.00 dipinda dengan mengenakan kadar bayaran mengikut jumlah baki wang yang ada setelah ditolak semua kos, komisyen dan bayaran sebenar yang dibayar semasa proses pelupusan harta dan aset syarikat. Kadar yang dikenakan adalah 30% daripada baki wang setelah ditolak semua perbelanjaan tersebut dan baki 70% lagi dimasukkan ke dalam akaun yang tidak dituntut, seperti yang ditetapkan oleh Akta Wang Tidak Dituntut 1965.

Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 adalah Akta yang diwujudkan bagi tujuan penubuhan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, mengadakan peruntukan bagi fungsi-fungsi dan bidang kuasanya dan bagi sebarang perkara yang berkaitan dengannya. Rang Undang-Undang Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 telah diluluskan oleh Parlimen di Dewan Rakyat pada 19 Julai 2001 dan di Dewan Negara pada 7 Ogos 2001. Ia diwartakan menjadi Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 sebagai Akta 614 dan dikuatkuasakan pada 16 April 2002.

Akta Syarikat (Pindaan)(No. 2) 2001 telah diwartakan sebagai A1118 pada 27 September 2001 dan dikuatkuasakan pada 16 April 2002. Pindaan dibuat berikutan penubuhan Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 16 April 2002 yang diberi tanggungjawab untuk mengawalselia perkara yang berkaitan dengan

(b) *Private Companies*

(i) *exceeding 7 days but not more than 3 months, RM50.00*

(ii) *exceeding 3 months but not more than 6 months, RM100.00*

(iii) *exceeding 6 months but not more than 12 months, RM150.00*

(iv) *exceeding 12 months is RM200.00*

- *Item 26B applies to the imposition of payment for lodgement of documents by a company made under the provisions of other legislations.*

The amended items include:

- *Item 14E applies to the imposition of payment for the lodgement of both document types which include the report or account for the purpose of Section 36A*
- *Item 24 was amended to increase payment from RM10.00 to RM200.00*
- *Item 25 was amended to increase payment from RM25.00 to RM500.00*
- *Item 26 – the payment rate of RM25.00 was amended where charges are determined based on the total balance of money after deducting costs, commissions and actual payment made during the process of liquidation of property and assets of a company. The rate charged is 30% of the balance after deducting expenses while the remaining 70% is to be placed in an unclaimed account, as stipulated under the Unclaimed Monies Act 1965.*

The Companies Commission of Malaysia Act 2001 is an Act promulgated for the purpose of establishing the Companies Commission of Malaysia, to set provisions for its functions, powers and related matters. The Companies Commission of Malaysia Bill 2001 was passed by Parliament in the Dewan Rakyat on 19 July 2001 and in the Dewan Negara on 7 August 2001. It was gazetted as the Companies Commission of Malaysia Act 2001 (Act 614) and came into effect on 16 April 2002.

perbadanan syarikat dan perniagaan. Pindaan yang dilaksanakan bertujuan untuk memastikan supaya peruntukan Akta ini selaras dengan peruntukan di dalam Akta Suruhanjaya Syarikat 2001. Pindaan ini hanya melibatkan dua pindaan. Pertama adalah subseksyen 4(1) iaitu berhubung istilah *Registrar* bertujuan memberi takrif baru kepada istilah tersebut supaya ia membawa maksud Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Selain itu, tiga istilah baru dimasukkan iaitu *appointed date*, *Commission* dan *Minister*. Kedua adalah pindaan ke atas Seksyen 7, yang antara lain meliputi pemberian kuasa kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk melantik Pendaftar Wilayah, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar, kerani dan kakitangan perkhidmatan yang lain bagi pentadbiran Akta dengan sewajarnya.

Akta Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2001 diwartakan sebagai Akta A1119 dan dikuatkuasakan pada 16 April 2002. Pindaan ini merupakan yang terbesar dalam pindaan yang dilakukan ke atas Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Kaedah Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2002 pula telah dipinda melalui warta P.U.(A) 141/2002 yang mula berkuatkuasa pada 16 April 2002. Pindaan ini merupakan yang kedua dilaksanakan sejak ia dikuatkuasakan dan ia melibatkan kaedah 3, 4, 6, 7, 14, 15 dan 19 berhubung urusan pendaftaran, pembaharuan, perubahan maklumat perniagaan, penamatan perniagaan, pemeriksaan daftar perniagaan, nama perniagaan dan fi yang dikenakan. Di samping itu, ia memperkenalkan tiga kaedah baru iaitu 8A, 13A, dan 17A masing-masing berkaitan rayuan, keperluan mempamerkan nama perniagaan dan kesalahan oleh seseorang di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 dan Kaedah Pendaftaran Perniagaan 1957. Pindaan ini turut memperkenalkan jadual fi yang ditetapkan untuk dibayar kepada Pendaftar dalam Jadual Kedua, Kaedah Pendaftaran Perniagaan 1957.

Sepanjang tahun 2002, sebanyak tiga (3) pengumuman awam telah diedarkan kepada orang awam untuk dilaksanakan yang meliputi Pengumuman Awam 1/2002 mengenai Urusan Pembayaran Kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia bertarikh 29 Mei 2002, Pengumuman Awam 2/2002 mengenai Alamat Pejabat Suruhanjaya

The Companies (Amendment)(No.2) Act 2001 was gazetted as A1118 on 27 September 2001 and also came into effect on 16 April 2002. The amendments were made following the establishment of the Companies Commission of Malaysia on 16 April 2002, which has been vested with the responsibility to regulate matters pertaining to the formation of companies and businesses. The amendments were to ensure that provisions of the Act were in accordance with the provisions under the Companies Commission of Malaysia Act 2001. The amendments are as regards to only two provisions. The First was pertaining to subsection 4(1) which relates to the definition of Registrar. The amendment is aimed to provide a new definition for the Chief Executive Officer of the Companies Commission of Malaysia. Three new terms have been included under this provision which consisted of appointed date, Commission and Minister. The second amendment was in respect of section 7, which among others cover matters with regards to granting the power to the Companies Commission of Malaysia to appoint Regional Registrars, Deputy Registrars, Assistant Registrars, clerks and other service staff for the proper administration of the Act.

The Registration of Businesses (Amendment) Act 2001 was gazetted as Act A1119 which came into effect on 16 April 2002. This amendment has significantly amended the Registration of Businesses Act 1956.

The Registration of Businesses (Amendment) Rules 2002 was amended through the gazetted P.U. (A) 141/2002 that came into effect on 16 April 2002. This was the second amendment subsequent to its promulgation which involves rules 3, 4, 6, 7, 14, 15 and 19 pertaining to matters on registration, renewal, change of business information, business termination, inspection of business registration, business name and fees imposed. It also introduced three new rules comprising 8A, 13A, and 17A which pertain to matters on appeals, requirement to display business name and offences under the Registration of Businesses Act 1956 and Registration of Businesses Rules 1957. The amendment also introduced a prescribed fee schedule payable to the Registrar in the Second Schedule of the Registration of Businesses Rules 1957.

Syarikat Malaysia bertarikh Mei 2002 dan Pengumuman Awam 3/2002 mengenai Prosedur Penyerahsimpanan Borang 49 berhubung pelantikan dan pemecatan Pengarah, Pengurus dan Setiausaha Syarikat bertarikh 19 Julai 2002.

Cadangan Pindaan Kepada Akta Syarikat 1965

Pada tahun 2002, Akta Syarikat 1965 juga telah diteliti dan dicadangkan untuk dipinda. Cadangan tersebut merupakan lanjutan daripada cadangan yang telah dikemukakan pada tahun 2001 bagi memastikan peruntukan yang ada selaras dengan perkembangan dan keperluan semasa sektor korporat. Pindaan ini turut mengambilkira cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kewangan Peringkat Tertinggi mengenai Tadbir Urus Korporat bagi menanamkan sikap lebih telus dan kebertanggungjawaban serta meningkatkan amalan tadbir urus korporat yang baik di kalangan para pengarah syarikat, tanggungjawab pihak-pihak yang terlibat dalam transaksi pihak berkaitan, hak-hak pemegang saham dan yang berkaitan dengan kebebasan juruaudit.

Kejatuhan syarikat-syarikat gergasi dunia yang dikaitkan dengan berbagai bentuk skandal korporat telah memberi kesedaran dan mendorong kita supaya mengambil langkah berjaga-jaga. Terdapat pelbagai cadangan dan pandangan dikemukakan seperti melantik juruaudit secara bergilir-gilir, cadangan mewujudkan garisan pemisah antara perkhidmatan bukan audit dengan perkhidmatan audit yang ditawarkan oleh firma juruaudit dan firma bersekutunya bagi mengelakkan konflik kepentingan serta cadangan berhubung tanggungjawab juruaudit untuk melaporkan kepada pihak berkuasa mengenai sebarang pelanggaran terhadap undang-undang yang menjejaskan kedudukan syarikat.

Memandangkan cadangan pindaan tersebut melibatkan banyak peruntukan, ia perlu mendapat pandangan dan ulasan serta dibincangkan dengan industri, badan-badan profesional dan pihak berkuasa sebelum diputuskan.

Three (3) announcement were issued to the public in 2002 which included Public Announcement 1/2002 on Procedure of Payment to the Companies Commission of Malaysia dated 29 May 2002, Public Announcement 2/2002 on the Official Address of the Companies Commission of Malaysia dated May 2002 and Public Announcement 3/2002 on Procedures for Lodgement of Form 49 in relation to the appointment and removal of Directors, Managers and Company Secretaries dated 19 July 2002.

Amendments Proposal To The Companies Act 1965

A review of the Companies Act 1965 was carried out in 2002 and subsequently, it was proposed that amendments to the Act be made. The proposals were a continuation of the draft proposals submitted in 2001 to ensure that existing provisions are in line with the current developments and needs of the corporate sector. The proposed amendment will consider all the proposals raised by the High Level Finance Committee on Corporate Governance to promote transparency and accountability as well as improving corporate governance practice amongst company directors, related party transactions, rights of shareholders and matters related to auditors' independence.

The downfall of foreign giant corporations for alleged involvement in corporate scandals has raised concerns and instigated precautionary steps. There were various proposals and views submitted as regards to appointment of auditors, proposals to establish a firewall between non audit services and audit services by an audit firm and its partners to avoid conflict of interest as well as proposals with regards to an auditors duty to report infringements that can adversely affect the company.

Since the amendment proposals involve many provisions; views, comments and discussions with the industry, professional bodies and authorities will be consulted before a decision is made.

Program Latihan Pengarah Syarikat

Program Latihan Pengarah Syarikat (CDTP) telah dilancarkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 17 Mei 2001 dan dilaksanakan di seluruh negara mulai bulan Ogos 2001. Walaupun berhadapan dengan berbagai masalah, pelaksanaan program ini secara keseluruhan berjalan dengan lancar dan memuaskan. Semua pihak yang terlibat secara langsung dengan pengurusan syarikat dapat memahami manfaat dan kepentingan program ini yang bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan mereka terhadap undang-undang syarikat dan tadbir urus korporat. Para peserta program dikehendaki mengikuti latihan selama 1.5 hari yang mengandungi 6 modul dan dikendalikan dalam 4 bahasa iaitu Bahasa Melayu, Inggeris, Mandarin dan Tamil.

Para penceramah pula terdiri daripada peguam, akauntan, pengamal kesetiausahaan, pegawai polis, pegawai Badan Pencegah Rasuah dan pegawai SSM sendiri. Sehingga akhir tahun 2002, sebanyak 1,070 program latihan telah dikendalikan dan seramai 58,220 pengarah syarikat telah mengikuti program latihan ini yang dianjurkan oleh 32 syarikat/institusi yang mendapat Hak Latihan atau kebenaran untuk menganjurkan kursus latihan daripada SSM.

Pembangunan Rangkaian Kerjasama

Sebagai sebuah organisasi yang baru dikorporatkan, SSM melihat kepada pentingnya hubungan dan kerjasama erat dan jitu dijalinakan dengan badan persatuan profesional yang diiktiraf serta industri yang terlibat melalui unit ini.

Ia membolehkan SSM membuat kajian, pemantauan dan penilaian ke arah memastikan pembangunan korporat yang positif dan keberkesanan dalam aktiviti pengawalseliaan dan pentadbirannya di samping merealisasikan objektif untuk menjadi pusat kecemerlangan.

Dalam hal ini, SSM turut terlibat dalam sesi Majlis Dialog Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP) yang dipengerusikan oleh Y.B. Menteri dengan kehadiran wakil badan, persatuan dan industri melalui Memorandum Majlis Dialog KPDN & HEP dengan sektor swasta. Bagi tahun 2002, majlis ini telah

Corporate Directors Training Programme

The Corporate Directors Training Programme (CDTP) was launched by the Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs on 17 May 2001 and implemented nationwide effective August 2001. The programme was smoothly implemented despite the various challenges in the interim. Those directly involved in the management of a company understand the benefits and importance of the programme, which was aimed at promoting awareness and understanding of company laws and corporate governance. Programme participants have to undergo 1.5 days training which covered 6 modules and are conducted in four languages namely Bahasa Malaysia, English, Mandarin and Tamil.

The speakers consisted of lawyers, accountants, secretarial practitioners, police officers and officials from the Anti Corruption Agency and CCM. As of the end of 2002, 1,070 training programmes were conducted, which were attended by 58,068 company directors. These programmes were organized by 32 companies/institutions that had been given the Training Rights or permission to organize the course by CCM.

Development Of Networking

As a newly incorporated organization, CCM recognises the importance of close networking with recognized professional and industrial bodies.

It enables CCM to study, monitor and evaluate the corporate sector to ensure positive development and effectiveness of its regulatory and administrative activities to realise the Commission's objective of becoming the centre of excellence.

In this respect, CCM was involved in the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs Dialogue session chaired by the Minister and attended by representatives from various bodies, associations and industries through submission of the Memorandum to the Ministry. This event was held on 30 July 2002 in which 15 issues involving CCM were raised. The Dialogue sessions will help resolve uncertainties, issues and inquiries put forth by the private sector. Views and sound proposals forwarded by the

diadakan pada 30hb. Julai, di mana sebanyak 15 isu yang melibatkan SSM telah dibangkitkan. Sesi dialog seperti ini dapat membantu menyelesaikan kekeliruan, kemusykilan dan pertanyaan yang dikemukakan oleh pihak swasta. Di samping itu, pandangan dan cadangan bernas pihak swasta dapat dijadikan asas dalam menyediakan platform perdagangan dan perniagaan negara yang sihat, dinamik dan berdaya saing.

SSM turut membuka jalan menerima kunjungan hormat dari badan, persatuan dan industri yang terlibat dalam hal-ehwal korporat sama ada melalui jemputan atau permintaan bagi membolehkan perbincangan dua hala diadakan. Di sepanjang tahun 2002, antara kunjungan yang diterima adalah daripada :

- Malaysian Institute of Directors (MID) -28 Mei 2002
- Malaysian Association of Institute Chartered Secretaries & Administration (MAICSA) - 29 Mei 2002
- Alliance of Approved Company Secretaries (AACCS) - 1 Jun 2002
- Malaysian Association of Companies Secretaries (MACS) - 5 Jun 2002
- Malaysian Holiday Timeshare Developers Federation (MHTDF) - 23 Julai 2002

Sesi perbincangan ini mengupas isu-isu berkaitan sektor korporat dan perniagaan termasuk pembangunan tadbir urus korporat di Malaysia, isu amalan kesetiausahaan dan pengarah syarikat, undang-undang syarikat dan juga Program Latihan Pengarah Syarikat.

Dalam usaha mengengahkan SSM, satu program usahasama telah dilaksanakan dengan kerjasama MAICSA untuk mengadakan 'roadshow' bagi memberi penerangan kepada umum tentang perkembangan dan pindaan akta yang ditadbir SSM. Dalam tahun 2002 dua program telah dijayakan iaitu di Johor Bahru (18 Oktober 2002) dan di Pulau Pinang (25 Oktober 2002).

private sector may also be considered as basis for the setting up of a healthy, dynamic and competitive business platform.

The CCM is making efforts to promote bilateral discussions between the Commission and the private sector by extending invitations to corporate organisations, bodies and industries to visit the CCM. In 2002, the CCM hosted visits by:

- *Malaysian Institute of Directors (MID)*
- 28 May 2002
- *Malaysian Association of the Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)*
- 29 May 2002
- *Alliance of Approved Company Secretaries (AACCS)*
- 1 June 2002
- *Malaysia Association of Companies Secretaries (MACS)*
- 5 June 2002
- *Malaysian Holiday Timeshare Developers Federation (MHTDF) - 23 July 2002.*

Dialogue sessions were held during these visits to discuss related issues including developments of corporate governance in Malaysia, secretarial and company director practices, company laws and the corporate directors' training programme.

The CCM in collaboration with MAICSA has embarked on roadshows to inform the public on the progress and amendments to the Acts which are being administered by CCM. In 2002, two such programmes were successfully held in Johor Bahru on 18 October 2002 and Penang, on 25 October 2002.

BAHAGIAN PENGURUSAN TADBIR KORPORAT

CORPORATE ADMINISTRATION DIVISION

Selaras dengan penubuhan SSM, satu bahagian baru yang dikenali sebagai Bahagian Pengurusan Tadbir Korporat telah diwujudkan. Fungsi utama bahagian ini meliputi:-

- mempertimbangkan permohonan berhubung akaun syarikat;
- memproses permohonan dan mengawalselia aktiviti-aktiviti syarikat yang ditubuhkan bukan bertujuan keuntungan;
- mengendalikan rekod syarikat-syarikat yang mendapat Perintah di bawah seksyen 176, Akta Syarikat 1965 dan syarikat yang melaksanakan belian balik saham;
- memeriksa serah simpan salinan prospektus berhubung tawaran sekuriti; dan
- mempertimbangkan pendaftaran dan menyelenggara daftar syarikat amanah yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat Amanah 1949.

Sebelum ini, fungsi-fungsi ini dijalankan oleh bahagian/unit yang berasingan di bawah Pejabat Pendaftar Syarikat. Dengan penubuhan bahagian ini, semua permohonan berhubung perkara di atas akan diproses di bawah satu bahagian khusus. Permohonan yang dikendalikan meliputi:-

- permohonan lanjutan masa di bawah seksyen 143(2) dan 169(2), Akta Syarikat 1965;
- permohonan pengecualian di bawah seksyen 169A(1), Akta Syarikat 1965;
- permohonan kelulusan di bawah seksyen 168(8), Akta Syarikat 1965;
- permohonan pengecualian di bawah seksyen 336(5), Akta Syarikat 1965;
- permohonan untuk mendapat kebenaran Y.B Menteri bagi menubuhkan syarikat di bawah seksyen 24(1), Akta Syarikat 1965;
- permohonan kepada Y.B. Menteri untuk melantik pengarah baru dan meminda Memorandum dan Artikel Persatuan bagi syarikat-syarikat ditubuhkan di bawah seksyen 24(1), Akta Syarikat 1965;

In line with the establishment of the CCM, a new division known as the Corporate Administration Division was formed. Its main functions include: -

- *considering applications relating to company accounts;*
- *processing of applications and regulating of activities of non-profit making companies;*
- *handling of company records that have been given Orders under section 176 of the Companies Act 1965 and companies that deal with share buy-back;*
- *examining the lodgement of prospectus' copies relating to securities offer; and*
- *considering the registration and maintenance of trust company register incorporated under the Trust Companies Act 1949.*

These functions were previously carried out by separate divisions/units under the Registrar of Companies. With the establishment of this division, applications for the above will be processed under one division. The applications handled by the division are as set out below:-

- *applications for extension of time under sections 143(2) and 169(2), Companies Act 1965;*
- *applications for exemption under section 169A(1), Companies Act 1965;*
- *applications for approval under section 168(8), Companies Act 1965;*
- *applications for exemption under section 336(5), Companies Act 1965;*
- *applications to obtain approval from the Minister to form a company under section 24(1), Companies Act 1965;*
- *applications to the Minister to appoint new directors and to amend the Memorandum and Article of Association for companies incorporated under section 24(1), Companies Act 1965;*
- *applications to the Minister under section 19(2), Companies Act 1965 for companies limited by guarantee;*

- permohonan kepada Y.B. Menteri di bawah seksyen 19(2), Akta Syarikat 1965 bagi syarikat berhad menurut jaminan;
- pendaftaran prospektus bagi tawaran terbitan sekuriti;
- permohonan pelantikan proksi di bawah seksyen 149, Akta Syarikat 1965;
- permohonan pendaftaran syarikat amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949; dan
- permohonan-permohonan lain kepada Pendaftar Syarikat bagi pelanjutan sesuatu tempoh masa/ pengecualian menurut Akta Syarikat 1965.

Belian Balik Saham Oleh Syarikat

Bahagian Pengurusan Tadbir Korporat juga bertanggungjawab untuk merekodkan syarikat-syarikat tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur yang membeli balik saham. Syarikat-syarikat tersebut diberi pilihan, menurut Seksyen 67A, Akta Syarikat, 1965, sama ada untuk membatalkan kesemua saham yang dibeli balik atau menyimpan kesemua saham tersebut sebagai saham perbendaharaan atau menyimpan sebahagian daripadanya sebagai saham perbendaharaan dan membatalkan sebahagian yang lain. Syarikat-syarikat tersebut juga perlu mengemukakan notis pembelian balik saham mereka kepada SSM dan Bursa Saham Kuala Lumpur sebelum sebarang pembelian dilaksanakan. Sebanyak 293 Notis Belian Balik Saham Oleh Syarikat (Borang 28A) daripada 33 buah syarikat yang melibatkan pembelian balik 1.03 juta unit saham bernilai RM1.4 billion telah diterima pada tahun 2002 berbanding 299 notis diterima daripada 28 syarikat untuk 1.6 juta unit saham bernilai RM1.3 billion pada tahun sebelumnya.

Perintah Di Bawah Seksyen 176, Akta Syarikat 1965

Sesebuah syarikat boleh membuat permohonan perintah penahanan (restraining order) dari mahkamah menurut peruntukan Seksyen 176, Akta Syarikat 1965. Ini bertujuan untuk memberikan mereka satu tempoh tertentu bagi merangka satu skim pengaturan dan penyusunan semula di mana tiada mana-mana pihak dibenarkan untuk mengambil tindakan atau membuat prosiding terhadap syarikat pada tempoh tersebut.

- *registration of prospectus for offer of securities issue;*
- *applications to appoint proxies under section 149, Companies Act 1965;*
- *applications to register trust companies under the Trust Companies Act 1949; and*
- *other applications to the Registrar of Companies to extend the time period/exemption according to the Companies Act 1965.*

Share Buy-Back By Companies

Corporate Administration Division is also responsible for recording the share buy-back activities by Kuala Lumpur Stock Exchange listed companies. The companies are given the option, under Section 67A of the Companies Act, 1965, to either cancel the shares bought back or to keep a portion of the shares as treasury shares and cancel the rest. The companies need to notify the CCM and KLSE of the share buy-back before executing the transactions. A total of 293 Notices of Share Buy Back By A Company (Form 28A) from 33 companies involving the buy back of 1.03 million unit shares worth RM1.4 billion were received in 2002 compared with 299 notices received from 28 companies for 1.6 million unit shares worth RM1.3 billion in the previous year.

Order Under Section 176, Companies Act 1965

A company may apply for a restraining order from the court pursuant to the provisions of Section 176, Companies Act 1965. The moratorium will allow companies to restructure without having to contend with possible actions being taken against it by external parties.

Provisions under section 176 of the Companies Act (Amendment) (No. 2) 1998 have been tightened to avoid it being misused. This provision has been updated through the Companies (Amendment) Act 2000 effective 1 July 2000.

Akta Syarikat (Pindaan) (No. 2), 1998 telah memperketatkan peruntukan seksyen 176 bagi mengelakkan sebarang penyalahgunaan. Peruntukan tersebut telah dikemaskinikan lagi menerusi pindaan Akta Syarikat (Pindaan) 2000 berkuatkuasa 1 Julai 2000.

Sebanyak 20 buah syarikat telah berjaya mewujudkan skim penyusunan semula dan mendapat perintah di bawah peruntukan seksyen 176 (4) sementara 39 buah syarikat yang sedang/belum menyediakan skim tersebut mendapat perintah penahanan di bawah seksyen 176 (10) pada tahun 2002.

Jumlah terkumpul syarikat yang mendapat perintah seksyen 176 sehingga 31 Disember 2002 ialah 347 buah syarikat di mana 55 buah syarikat terdiri dari syarikat awam tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur, 292 syarikat pula terdiri dari syarikat awam yang tak tersenarai dan syarikat persendirian.

Twenty companies have successfully implemented the restructuring of their organisations in line with the provisions under section 176 (4) while 39 companies which are either in the process or have yet to commence the restructuring process obtained the restraining order under section 176 (10) in 2002.

As of 31 December 2002, a total of 347 companies have obtained restraining orders under section 176, of which 55 were KLSE listed companies while another 292 comprised unlisted public companies as well as private companies.



PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

HUMAN RESOURCE MANAGEMENT

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia berperanan merancang bagi memperkemaskan struktur organisasi dan pengurusan manusia. Selain itu, bahagian ini juga perlu menyesuaikan saiz organisasi supaya sentiasa pada tahap optimum dan sesuai dengan peranan semasa selepas organisasi ini dikorporatkan.

Sehingga Januari 2003, 606 daripada 813 perjawatan dalam SSM telah diisi (termasuk 2 jawatan pegawai pinjaman). Ini bermakna jawatan yang masih kosong adalah sebanyak 207 jawatan.

Tawaran Opsyen

SSM telah menawarkan 3 opsyen kepada kakitangannya yang meliputi Tawaran Opsyen Pertukaran ke Perkhidmatan SSM bagi pegawai/kakitangan ROB/ROC (berkuatkuasa pada 16 April 2002) yang menawarkan pilihan pertukaran daripada perkhidmatan awam kepada Perkhidmatan SSM. Tarikh akhir untuk mengembalikan borang tawaran opsyen ditetapkan pada 29 Mac 2002. Hasilnya, 615 orang (92%) daripada 668 pegawai/kakitangan ROB dan ROC telah menerima opsyen ini. Seramai 20 orang pegawai/kakitangan telah memilih untuk bersara pilihan sementara 33 orang pegawai/kakitangan memilih untuk kembali ke perkhidmatan Kerajaan. Tawaran opsyen ini telah dikendalikan oleh Bahagian Sumber Manusia Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bersama pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Opsyen pertama ini berkuatkuasa apabila Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 dikuatkuasakan pada 16 April 2002.

Tawaran opsyen yang kedua pula ialah Opsyen Sistem Saraan Malaysia bagi pekerja SSM yang berkuatkuasa mulai 1 November 2002. Ia dilaksanakan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002 yang dikeluarkan oleh Kerajaan dan berkuatkuasa pada 1 November 2002. Pekeliling ini diterimapakai oleh SSM selepas mendapat kelulusan Anggota Suruhanjaya di mana tarikh akhir penyerahan borang opsyen tersebut adalah pada 31 Oktober 2002 dan opsyen ini telah dipilih oleh kesemua 608 orang pekerja SSM.

The Human Resource Management Division plays an essential role in planning and streamlining the organisational structure as well as the management of human resources. It must be able to assess the manpower needs of the organisation to optimise its functions and fulfil its obligations as a corporate entity.

As of January 2003, 606 out of the 813 positions in CCM had been filled (including 2 positions on secondment basis) while another 207 positions are still vacant.

Option Offer

The CCM has offered three options to its employees including the Offer of Option to Transfer to CCM Service for officers and staff of ROB/ROC (effective 16 April 2002) where affected staff were given the choice to transfer from the public service scheme to the CCM service. The closing date for submission of option forms was 29 March 2002. Six hundred and fifteen (615) or 92% from the total of 668 employees of ROB/ROC had accepted the option, 20 opted for voluntary retirement while 33 others chose to remain with the Government. The option offer was jointly managed by the Human Resource Division of the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs, Public Service Department (PSD) and Public Service Commission (PSC). The first option came into effect when the Companies Commission of Malaysia Act 2001 came into force on 16 April 2002.

The second option was the Malaysian Remuneration System Offer Option for CCM employees, which came into force on 1 November 2002. It was implemented pursuant to the Government Service Circular No. 4 Year 2002, which took effect on 1 November 2002. The Circular was adopted by the CCM after receiving approval from the Commission Members. The closing date for submission of the option forms was 31 October 2002, where all 608 employees of CCM have accepted the offer.

Tawaran opsyen ketiga adalah Tawaran Opsyen Sistem Saraan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSSSM) yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan SSM kepada pekerja SSM dan berkuatkuasa mulai 16 Disember 2002. Tawaran opsyen ini telah dipilih oleh 597 orang pekerja atau 98.8% daripada 604 orang pekerja SSM yang mana tarikh akhir penyerahan borang opsyen tersebut adalah pada 15 Disember 2002.

Skim Perkhidmatan

Suruhanjaya Syarikat Malaysia

SSM telah menerimapakai 7 skim perkhidmatan di bawah Sistem Saraan Suruhanjaya Syarikat Malaysia mulai 16 Disember 2002. Skim ini digubal untuk disesuaikan dengan perjawatan dalam SSM sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 14.

The third option was the Offer of Option for the Companies Commission of Malaysia Remuneration System (CCMRS) issued by the CCM management to its employees, which took effect on 16 December 2002. This offer was taken up by 597 employees or 98.8% from the total of 604 employees of CCM. The closing date for submission of the option forms was 15 December 2002.

Companies Commission of Malaysia Service Schemes

The CCM has adopted 7 service schemes under the CCM Service Schemes effective from 16 December 2002. These schemes were drafted to fulfil the needs of existing positions in the CCM as illustrated in Table 14.

Jadual 14 : Klasifikasi Skim Perkhidmatan SSM

Table 14 : Classification Of SSM Service Schemes

Bil. No.	Skim Perkhidmatan Service Scheme	Gred Jawatan Grade of Positions	Bidang Field
1.	Eksekutif I <i>Executive I</i>	SSM5 SSM4 SSM3 <i>SSM5 SSM4 SSM3</i>	Ekonomi, Kewangan, Pengurusan, Pentadbiran, Perakaunan, Perundangan, Sistem Maklumat. <i>Economics, Finance, Management, Administration, Accounting, Law, Information Systems.</i>
2.	Eksekutif II <i>Executive II</i>	SSM7 SSM6 <i>SSM7 SSM6</i>	Ekonomi, Kewangan, Pengurusan, Pentadbiran, Perakaunan, Perpustakaan, Perundangan Sistem Maklumat. <i>Economics, Finance, Management, Administration, Accounting, Librarian, Law, Information Systems.</i>
3.	Pembantu Tadbir <i>Administrative Assistant</i>	SSM9 SSM8 <i>SSM9 SSM8</i>	Ekonomi, Kewangan, Perakaunan, Perkeranian/Operasi, Kesetiausahaan <i>Economics, Finance, Accounting, Clerical/Operations, Secretarialship .</i>
4.	Juruteknik Komputer <i>Computer Technician</i>	SSM9 SSM8 <i>SSM9 SSM8</i>	- -
5.	Pembantu Tadbir Rendah <i>Junior Administrative Assistant</i>	SSM10 <i>SSM10</i>	- -
6.	Pembantu Tadbir Am Rendah <i>Junior General Assistant</i>	SSM11 <i>SSM11</i>	- -
7.	Pemandu <i>Driver</i>	SSM12 <i>SSM12</i>	- -



Kedudukan Perjawatan

Sebagaimana yang telah disebutkan di atas, hanya 606 daripada 813 perjawatan telah diisi sehingga akhir tahun 2002. Kekosongan yang ketara ini adalah disebabkan penambahan sebanyak 47 perjawatan yang telah diluluskan oleh agensi pusat semasa penubuhan SSM dan juga beberapa perjawatan yang sememangnya tidak diisi sebelum ini. Jadual 15, 16 dan 17 masing-masing menunjukkan profil perjawatan mengikut Kumpulan Perkhidmatan dan Gred jawatan dalam SSM serta perjawatan di Ibu Pejabat dan Pejabat Negeri SSM.

Status of Positions

As highlighted above, only 606 out of the 813 positions were filled as of the end of 2002. The other vacancies have not been filled due to the additional 47 positions that had been approved earlier by the central agency prior to the establishment of CCM as well as a number of posts that had not been filled previously. Tables 15, 16 and 17 reflect the position profile based on Service Group and Position Grade in CCM, as well as positions at the Headquarters and the CCM State Branch Offices.

Jadual 15 : Pecahan Perjawatan Mengikut Kumpulan Perkhidmatan dan Gred Jawatan
Table 15 : Breakdown Of Positions According To Service Group And Position Grade

Bil. No.	Kumpulan Perkhidmatan/Gred Jawatan <i>Service Group / Position Grade</i>	Jumlah Jawatan Total <i>Total Positions</i>	Pengisian Jawatan Occupied <i>Positions</i>	Kekosongan Jawatan <i>Vacancies</i>
1.	Pengurusan Tertinggi/SSM1 / <i>Top Management/SSM1</i>	1	1	-
2.	Pengurusan Tertinggi/SSM2 / <i>Top Management /SSM2</i>	2	2	-
3.	Eksekutif I/SSM3, SSM4 & SSM5 / <i>Executive I/SSM3, SSM4 & SSM5</i>	107	60	47
4.	Eksekutif II/SSM6 & SSM7 / <i>Executive II/SSM6 & SSM7</i>	145	91	54
5.	Bukan Eksekutif / <i>Non Executive/SSM8, SSM9</i> <i>SSM10, SSM11 & SSM12</i>	558	452	106
Jumlah Besar / Grand Total		813	606	207

Jadual 16 : Kedudukan Perjawatan di Ibu Pejabat SSM
Table 16 : Status Of Positions At The CCM Headquarters

Bil. No.	Nama Jabatan <i>Department Name</i>	Bil. Jawatan <i>No. Of Posts</i>
1.	Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif / <i>Office of the Chief Executive Officer</i>	2
2.	Pejabat Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif / <i>Office of the Deputy Chief Executive Officer</i>	4
3.	Jabatan Sumber Korporat / <i>Corporate Resources Department</i>	59
4.	Jabatan Pembangunan dan Perancangan Korporat / <i>Corporate Planning and Development Department</i>	22
5.	Jabatan Teknologi Maklumat / <i>Information Technology Department</i>	33
6.	Jabatan Khidmat Pelanggan / <i>Customer Service Department</i>	28
7.	Jabatan Pendaftaran / <i>Registration Department</i>	139
8.	Jabatan Pematuhan / <i>Compliance Department</i>	43
9.	Jabatan Perundangan / <i>Legal Department</i>	11
10.	Jabatan Audit Dalaman / <i>Internal Audit Department</i>	2
Jumlah Jawatan Di Ibu Pejabat / Total Number of Positions at Headquarters		343

Jadual 17 : Kedudukan Perjawatan di Pejabat Negeri
 Table 17 : Status Of Positions At Every State Branch Office

Bil. No.	Pejabat Negeri State Branch Office	Bil. Jawatan No. of Positions
1.	Perlis	17
2.	Kedah	33
3.	Pulau Pinang	44
4.	Perak	46
5.	Selangor	49
6.	Negeri Sembilan	33
7.	Melaka	33
8.	Johor	51
9.	Pahang	35
10.	Terengganu	35
11.	Kelantan	35
12.	Sabah	21
13.	Sarawak	21
14.	Wilayah Persekutuan Labuan	17
Jumlah Jawatan di Negeri-Negeri / Total Number of Positions in All States		470

Kursus Dan Latihan

Mulai 16 April 2002, semua latihan pekerja dilaksanakan sepenuhnya oleh SSM. Latihan yang dijalankan adalah latihan dalaman dan luaran. Sebelum ini latihan turut dilaksanakan oleh Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP),

Sebanyak 43 kursus luar anjuran agensi kerajaan dan swasta telah disertai oleh pekerja SSM, manakala Program Persediaan Bakal Pesara bagi tahun 2002 anjuran JPA telah disertai oleh 6 orang pekerja. Ceramah Penerapan Nilai-Nilai Islam telah diadakan sebanyak 4 kali pada tahun ini dengan dihadiri oleh seramai 60 hingga 70 orang pekerja.

Sebanyak 4 sesi Bengkel Penyediaan Terma dan Syarat Perkhidmatan SSM dan Bengkel Penyediaan Arahan dan Pekeliling Kewangan SSM telah diadakan di Hotel Concorde Shah Alam dan disertai oleh 51 pekerja.

Training and Courses

Effective 16 April 2002, training programmes for employees were fully conducted by CCM either internally or externally. Prior to this, the training was conducted by the Human Resources Division of the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDN & HEP).

The staff of CCM have participated in a total of 43 external training courses organized by the government and private agencies, while the Preparation for Retirement Programme in 2002, organized by the PSD, was attended by six of CCM's staff. The Talk on the Assimilation of Islamic Values was held four times this year, which were attended by about 60 to 70 participants.

Four workshop sessions on the Preparation of Terms and Conditions of CCM Service as well as the Preparation of CCM Financial Directives and Circulars were held at the Concorde Hotel, Shah Alam, which were attended by 51 participants.

PEJABAT-PEJABAT NEGERI

STATE OFFICES

Sehingga kini SSM mempunyai 11 buah pejabat negeri iaitu di setiap ibu negeri bagi Pejabat Pendaftar Syarikat (ROC) melainkan di negeri Perlis, Selangor dan Negeri Sembilan. Perkhidmatan yang diberi oleh pejabat-pejabat negeri kepada orang awam meliputi penerimaan permohonan carian nama yang akan diproses secara online oleh ibu pejabat, memproses dan mengeluarkan Sijil Penubuhan dan Sijil Penukaran Nama Syarikat, memproses dan mengeluarkan Sijil Gadaian dan Sijil Pelepasan Gadaian, mengemaskini maklumat dan mendaftar dokumen-dokumen berkanun syarikat serta membekalkan maklumat korporat syarikat.

Sementara itu, Pendaftar Perniagaan pula mempunyai pejabat di negeri-negeri selain Sabah dan Sarawak. Perkhidmatan yang disediakan meliputi meluluskan permohonan carian nama perniagaan, pendaftaran perniagaan, pendaftaran perubahan maklumat perniagaan, pendaftaran penamatan perniagaan, pendaftaran pembaharuan sijil perakuan, pendaftaran penamatan perniagaan, pemeriksaan serta pendakwaan.

Struktur Organisasi Pejabat Negeri

Setiap pejabat negeri diketuai oleh seorang Pengurus Negeri yang bertanggungjawab kepada Pengarah Perkhidmatan Syarikat dan Perniagaan. Secara keseluruhan, sebanyak 371 perjawatan telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi pejabat-pejabat negeri yang meliputi pelbagai peringkat (tidak termasuk negeri Perlis, Selangor dan Negeri Sembilan). Kesemua pejabat negeri SSM diketuai oleh seorang pegawai dari Kumpulan Eksekutif 1 (Gred SSM4) dan dibantu oleh satu atau dua orang Pengurus/Penolong Pengurus dan beberapa orang dari kumpulan sokongan yang ditempatkan mengikut kategori pejabat negeri berkenaan. Jumlah pekerja di semua pejabat negeri yang ada sekarang ialah 310 orang.

Bilangan Syarikat dan Perniagaan Mengikut Pejabat Negeri

Sehingga 31 Disember 2002, sebanyak 249,761 syarikat atau 41.2% daripada 606,170 syarikat berdaftar diuruskan

To date, the CCM has 11 state offices for the Registrar of Companies (ROC) that are located in every state capital with the exception of Perlis, Negeri Sembilan and Selangor. Services rendered by the state offices cover the receipt of applications for on-line name search which are processed by the Headquarters, processing and issuance of the Certificate of Incorporation and Certificate of Company Name Change, processing and issuance of the Certificate of Registration of Charge and the Certificate of Discharge of Charge, updating of information and registration of statutory company documents as well as the supply of corporate information.

Meanwhile, the Registrar of Businesses has offices in all states with the exception of Sabah and Sarawak. The services rendered include the approval of name search applications for businesses, registration of businesses, registration of change in particulars of business information, renewal of the business registration certificate, registration of business termination, inspection and prosecution.

Organizational Structure of State Offices

Each state office is headed by a Branch Manager who is answerable to the Company and Business Services Director. The Public Services Department (PSD) has approved 371 positions of various positions to fill vacancies in state offices (excluding the states of Perlis, Selangor and Negeri Sembilan). All CCM state offices are headed by an Officer from Executive Group I (Grade SSM4) and are assisted by one or two Managers/Assistant Managers and several others from the auxiliary group who are assigned according to the category of the respective state offices. There are currently a total of 310 employees serving at the respective state branch offices.

Number of Companies and Businesses

According to State Office

As of 31 December 2002, the state offices were managing 249,761 companies or 41.2% from the total of 606,170 registered companies. The Johor state office topped the list with 55,603 companies, followed by Penang, 39,344,

oleh pejabat negeri. Negeri Johor merupakan yang terbanyak iaitu 55,603, diikuti oleh Pulau Pinang 39,344, Sabah 36,282 dan Sarawak 35,474. Untuk maklumat terperinci, sila lihat Jadual 18. Manakala bilangan perniagaan, jumlah terbesar adalah di Negeri Johor sebanyak 384,315.

Sabah, 36,282 and Sarawak, 35,474. For details, please refer to Table 18. The Johor State office recorded 384,315 businesses, the highest number of registered businesses.

Jadual 18 : Bilangan Fail Syarikat Dan Perniagaan Mengikut Pejabat-Pejabat Negeri Sehingga 31 Disember 2002
 Table 18 : Number Of Companies And Businesses According To State Office As At 31 December 2002

Pejabat negeri <i>State Office</i>	Bilangan syarikat <i>No. of Companies</i>	Bilangan perniagaan <i>No. of Businesses</i>
Johor	55,603	384,315
Pulau Pinang	39,344	232,476
Sabah	36,282	-
Sarawak	35,474	-
Perak	31,034	267,056
Kedah	14,799	205,973
Melaka	12,365	130,963
Pahang	9,840	140,164
Kelantan	7,701	156,516
Terengganu	6,357	93,167
Labuan	962	4,883
Jumlah / Total	249,761	1,615,513

Pencapaian Aktiviti Utama

Walaupun diselubungi masalah kekurangan kakitangan dan menghadapi situasi pertambahan beban kerja yang ketara, namun, dengan komitmen padu yang ditampilkan oleh semua pegawai dan kakitangan, secara keseluruhan prestasi di pejabat negeri menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan.

Sepanjang tahun 2002, pejabat negeri telah menerima sebanyak 177,316 permohonan untuk mendapatkan fail syarikat dan dari jumlah tersebut, 174,700 atau 98.5% telah berjaya dibekalkan. Sementara itu, sejumlah 539,797 dokumen berkanun syarikat telah diterima oleh pejabat negeri di mana 123,568 daripadanya adalah Penyata Tahunan, dan bakinya 416,229 adalah dokumen yang perlu diserahkan menurut Akta Syarikat 1965.

Main Activity Achievements

Despite facing problem of shortfall in the number of employees and the significant increase in workload, the overall performance of state offices has shown encouraging improvement due to the strong commitment shown by their officers and employees.

In 2002, the state offices received 177,316 applications to secure company files and of the total, 174,700 or 98.5% were successful in their applications. State offices also received 539,797 statutory company documents of which 123,568 were Annual Returns while the balance of 416,229 were documents for lodgement pursuant to the Companies Act 1965.

Aktiviti-aktiviti lain seperti carian nama, penubuhan syarikat dan pembekalan maklumat turut mencatat peningkatan, terbukti melalui pertambahan kutipan yang dihasilkan oleh Pejabat Negeri daripada RM47.0 juta pada tahun 2001 kepada RM64.8 juta pada tahun 2002. Jadual 19 dan 20 menunjukkan pencapaian prestasi keseluruhan Pendaftar Syarikat dan Pendaftar Perniagaan di negeri-negeri.

Other activities including name search, company incorporation and supply of information also recorded an increase, as evidenced by the increase in revenue collection by States Offices from RM47.0 million in 2001 to RM64.8 million in 2002. Table 19 and 20 illustrate the overall performance achievement of the State Registrar of Companies and Registrar of Businesses.

Jadual 19 : Pencapaian Aktiviti Utama Unit Syarikat SSM Tahun 2001/2002

Table 19 : Main Activity Achievement Of The CCM Company Unit For 2001/2002

Aktiviti <i>Activity</i>	2001 <i>2001</i>	2002 <i>2002</i>	Peratus Perubahan (%) <i>Percentage Change (%)</i>
Permohonan fail syarikat / <i>Applications for company file</i>	151,594	177,316	+16.9%
Jumlah fail dibekalkan / <i>Number of files supplied</i>	149,464	174,700	+16.9%
Permohonan maklumat korporat / <i>Applications for corporate information</i>			
- Cetakan komputer / <i>Computer printouts</i>	114,520	123,700	+8.0%
- Fotostat / <i>Photocopies</i>	168,660	207,670	+23.1%
Jumlah dokumen diterima / <i>Number of documents received</i>	406,184	539,797	+32.1%
Permohonan carian nama / <i>Applications for name search</i>	22,643	27,321	+20.7%
Penubuhan syarikat baru / <i>Incorporation of new companies</i>	7,287	9,822	+34.8%
Pendaftaran gadaian / <i>Registration of charges</i>	5,024	9,228	+83.7%
Hasil (RM juta) / <i>Revenue (RM million)</i>	RM47.0	RM64.8	+37.9%

Jadual 20 : Pencapaian Aktiviti Utama Unit Perniagaan SSM Tahun 2001/2002

Table 20 : Main Activity Achievement Of The CCM Business Unit For 2001/2002

Aktiviti <i>Activity</i>	2001 <i>2001</i>	2002 <i>2002</i>	Peratusan Perubahan % <i>Percentage Changes (%)</i>
Perniagaan baru / <i>New businesses</i>	89,231	101,016	+13.2
Perubahan butir-butir Perniagaan / <i>Change in business particulars</i>	51,532	60,612	+17.6
Penamatan perniagaan / <i>Business termination</i>	46,468	52,685	+13.4
Pemeriksaan perniagaan / <i>Business inspection</i>	87,832	86,833	-1.1
Pendakwaan / <i>Prosecution</i>	1,906	1,588	-16.7

ISU, CABARAN DAN PERANCANGAN TAHUN 2003

ISSUES, CHALLENGES AND PLANS FOR 2003

ISU DAN CABARAN

SSM perlu mengambil tindakan segera dan jalan penyelesaian proaktif bagi menangani beberapa isu utama dan cabaran-cabaran masa kini dan yang akan datang seperti di bawah:

1. Keperluan memperbaiki struktur organisasi selaras dengan pembangunan sumber manusia. Struktur organisasi yang ada kini perlu diselaraskan dengan halatuju strategik baru SSM, mempupuk semangat berpasukan dan berkongsi maklumat dengan berkesan.
2. Keperluan untuk mempergunakan teknologi untuk membangunkan semula proses dan operasi perniagaan. Dengan kemajuan pesat teknologi, SSM pada masa ini berhadapan dengan cabaran dalam mempergunakan sistem teknologi maklumat semasanya. Sistem yang sedia ada menjadi kurang cekap dan tidak berupaya untuk memberi maklumat korporat yang lebih tepat bagi menyokong operasi SSM termasuklah penguatkuasaan. Seterusnya, penggunaan teknologi tidak digunakan sepenuhnya untuk menggerakkan proses kerja bagi menjana pengurusan yang cekap. Terdapat juga beberapa kekurangan pada sistem kerangkautama yang digunakan oleh SSM kini. Atas sebab itu, SSM kini melaksanakan projek migrasi untuk mengatasi kekurangan tersebut. Dalam memulihkan Sistem Teknologi Maklumat, prosedur, dasar dan proses perniagaan yang sedia ada dibangunkan semula untuk meningkatkan kecekapan dan menggugurkan aktiviti-aktiviti yang tiada nilai tambah. Ini adalah penting untuk mewujudkan operasi yang cekap dan efektif selaras dengan pesekitaran perniagaan/pelanggan yang berubah-ubah.
3. Keperluan untuk membangun dan melaksanakan reformasi undang-undang korporat. Perkembangan baru dalam dunia korporat seperti skandal perakaunan, penipuan korporat, penyelewengan dalam pengurusan dan lain-lain telah melunturkan keyakinan para pelabur dalam pasaran global. Terdapat desakan dari komuniti

ISSUES AND CHALLENGES

There are several issues and challenges currently being faced and more are expected in the future which require immediate action or proactive solutions. Among them are as set out below:

1. *The need to enhance the organization structure with appropriate development of human resources (HR). The current organization structure needs to be realigned with the new strategic direction of CCM and also to facilitate teamwork and more effective information sharing.*
2. *The need to leverage on technology to reengineer existing business processes and operations. Given the rapid technology advancement, CCM is currently facing challenges in the deployment of its current IT system. The current system is rendered inefficient and is unable to provide more accurate corporate information to support CCM's operations including enforcement. Further, use of technology has not been fully leveraged to automate work processes for efficiency management. There are also limitations within the existing mainframe system used by CCM. Consequently, CCM is now embarking on the migration project to address these limitations. As the IT systems are being enhanced, existing business processes, policies and procedures will be reengineered to improve efficiency and remove non-value added activities. This is vital to create an efficient and effective operation that is enhanced in tandem with the changing business/customer environment.*
3. *The need to develop and implement corporate law reform. Recent developments in the corporate world such as accounting scandals, corporate fraud, mismanagement, etc. have shaken investor confidence in global markets. There are heightened demands from the investing community, professional bodies, and other regulatory bodies for reform of corporate regulations to address these negative developments. Currently, there is lack of research activities relating to corporate and business regulatory reforms, new policy requirements,*

pelabur, badan-badan profesional dan lain-lain badan kawalselia bagi reformasi perundangan korporat ini untuk menangani perkembangan-perkembangan negatif tersebut. Pada masa ini, terdapat kekurangan aktiviti-aktiviti penyelidikan berkaitan reformasi perundangan perniagaan dan korporat dan lain-lain garis panduan bagi pembangunan korporat. Cabaran utama yang lain adalah mendidik pihak awam mengenai undang-undang baru yang bakal dibangunkan ini. Pendidikan berterusan merupakan cara utama bagi menanam tadbir urus korporat yang baik.

4. Keperluan untuk memperkukuhkan fungsi pengawasan dan penguatkuasaan, kadar purata pematuhan bagi serahsimpan Penyata Tahunan dalam tahun 2002 dianggarkan 43%. Pada masa yang sama, peratus pembaharuan pendaftaran perniagaan telah merosot dalam tempoh lima tahun yang lepas. Kadar pematuhan yang rendah ini boleh disebabkan kurangnya usaha memupuk kesedaran orang awam terhadap keperluan pematuhan, sikap mengabaikan kehendak pematuhan atau kesanggupan untuk membayar denda dari mematuhi. Oleh itu SSM mempertimbangkan mengambil tindakan sibil dan jika sesuai, SSM mempunyai kuasa statut untuk meminda undang-undang di bawah tadbirurusnya.
5. Keperluan untuk membina imej korporat SSM, memandangkan *market visibility* mengenai SSM dan aktiviti-aktivitinya agak kabur, maka adalah perlu ditekankan peranan SSM dengan mengukuhkan imej korporatnya kepada awam, syarikat dan sektor perniagaan iaitu dengan membina *greater visibility* sebagai pengawalselia dan pemberi perkhidmatan agar dapat menukar persepsi negatif orang awam terhadap SSM.
6. Keperluan untuk meningkatkan dan mengekal prestasi kewangan SSM. Pada masa ini sebahagian besar dari hasil SSM diperolehi dari aktiviti-aktiviti pendaftaran dan pemerbadanan. Dalam tempoh jangka panjang adalah

and other corporate development guidelines. The other key challenge is educating the public of the new laws upon their development. This is key to instill good corporate governance through continuous education.

4. *The need to strengthen the surveillance and enforcement function. The average compliance rate for lodgement of Annual Returns in 2002 is approximately 43%. At the same time, the percentage for renewal of business licenses has declined over the last five years. Such low compliance rate could be due to: poor cultivation of public awareness on compliance needs, attitude of ignoring compliance requirements or willingness to pay fines instead of complying. CCM is therefore considering taking serious action through civil remedies, and where appropriate, CCM has the statutory power to initiate changes to the laws under its governance.*
5. *The need to develop the corporate image of CCM. There is lack of market visibility about CCM and its activities, thus there is a need to emphasize CCM's role and strengthen its corporate image to the general public, companies and businesses i.e. greater visibility as regulator, service provider and developer in order to change the negative public perception of CCM.*
6. *The need to increase and sustain CCM's financial performance. Currently, a significant portion of CCM's revenue is derived from registration and incorporation activities. In the longer-term, there is a need to identify new sources of revenue to sustain its financial performance. At the same time, there is a need to manage the operating expenses effectively.*

perlu bagi SSM mengenalpasti punca-punca baru hasil bagi mengekalkan prestasi kewangannya. Pada masa yang sama, adalah perlu bagi SSM menguruskan perbelanjaan operasinya secara efektif.

PERANCANGAN BAGI TAHUN 2003

1. Menyusun semula Sistem Maklumat Korporat dengan membangunkan Sistem Pengkomputeran secara terbuka dan melaksanakan Projek Migrasi data korporat yang beroperasi menggunakan konsep server pelanggan. Perkhidmatan disediakan melalui online/komputer berasaskan internet seperti akses kepada maklumat syarikat melalui e-search, penyerahsimpanan dokumen melalui e-filing, penubuhan syarikat secara online, pembayaran melalui e-payment serta penyimpanan semua rekod syarikat dalam bentuk digital/imej.
2. Kajian semula undang-undang dan peraturan syarikat/perniagaan supaya membantu mengurangkan kos pematuhan, sektor korporat berkembang dengan kuasa pasaran, menyokong keusahawanan dan sejajar dengan amalan terbaik bertaraf antarabangsa dengan mengambilkira kesan globalisasi dan daya saing dalam sektor korporat.
3. SSM mengambil tindakan meningkatkan tadbir urus korporat di kalangan para pengarah, setiausaha dan juruaudit melalui pindaan undang-undang untuk menanam sikap ketelusan, kebertanggungjawaban, urusan pihak berkaitan, hak-hak pemegang saham, kebebasan juruaudit dan mewajibkan para pengarah menjalani latihan.
4. Melaksanakan tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap syarikat dan pemilik perniagaan yang gagal mematuhi Akta dan peraturan yang ditetapkan.
5. Menubuhkan Institut Latihan SSM untuk mengendalikan Program Latihan Pengarah Syarikat dan latihan lain berkaitan tadbir urus korporat, kesetiausahaan, perundangan syarikat dan perniagaan kepada warga korporat dan pekerja SSM.

PLANS FOR 2003

1. *To restructure the Corporate Information System through the development of an open Computerized System and to implement the corporate data Migration Project that operates using the client server concept. Services to be provided are online/internet-based which include access to company information via e-search, lodgement of documents through e-filing, online incorporation of companies, payment via e-payment as well as storing of company records in digital/image formats.*
2. *To review company and business laws and regulations to minimize cost of compliance, to expand the corporate sector in line with market forces, to support entrepreneurship in accordance with international best practices by taking into consideration the effects of globalization and competition in the corporate sector.*
3. *To take action in improving corporate governance among directors, secretaries and auditors through legal amendments by instilling a sense of responsibility, on related party transaction, upholding shareholders' rights, freedom of auditors and by compelling directors to undergo training.*
4. *To carry out vigorous enforcement against companies and businesses that fail to comply with the Acts and stipulated regulations.*
5. *To establish a CCM Training Institute that will manage the Corporate Directors Training Programme and other training needs with regards to corporate governance, company secretaryship, company and business laws for both the corporate sector and employees of CCM.*

PERISTIWA PENTING TAHUN

2002

SIGNIFICANT EVENTS IN 2002

14 April



"Malam Kenangan ROC & ROB" berlangsung di Dewan Merdeka PWTC, Kuala Lumpur yang turut dihadiri oleh YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna (PDN & HEP).

"In Memory of ROC & ROB Night" held at Merdeka Hall, PWTC, Kuala Lumpur, which was attended by YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs

16 April



Majlis Pelancaran Penubuhan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di Dewan Tun Abdul Razak, PWTC oleh YB Menteri PDN & HEP.

Launching Ceremony of the Companies Commission of Malaysia (CCM) at Tun Abdul Razak Hall, PWTC by YB Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs.

Opsyen pertukaran perkhidmatan bagi pegawai dan kakitangan ROB/ROC ke Perkhidmatan SSM mula berkuatkuasa.

Option to transfer to CCM Service for officers and staff of ROB/ROC took effect.

17 September

SSM turut mengadakan pameran sempena lawatan D.Y.M.M Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong ke Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

CCM organized an exhibition in conjunction with the King's visit to the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs.

1-6 Oktober/October

SSM menyertai Pameran MAHA di The Mines Resort, Sungai Besi.

CCM participated in the MAHA Exhibition at The Mines Resort, Sungai Besi.

18 Oktober/October

Seminar "SSM Updates" anjuran bersama SSM dan MAICSA di Johor Bahru.

"CCM Updates" Seminar jointly organized by CCM and MAICSA in Johor Bahru.

25 Oktober/October

Seminar "SSM Updates" anjuran bersama SSM dan MAICSA di Pulau Pinang.

"CCM Updates" Seminar jointly organized by CCM and MAICSA in Penang.

1 Disember/December

Operasi perkhidmatan "HOTLINE" SSM untuk orang awam bermula melalui talian 03-40492111 & 03-40492222.

Commencement of the CCM "HOTLINE" service where the public can call in using lines 03-40492111 & 03-40492222.

16 Disember/December

Opsyen pekerja SSM yang memilih Sistem Saraan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSSSM) mula berkuatkuasa.

The CCM Remuneration System Option to CCM employees came into effect

Sempena penubuhan SSM, Ketua Pegawai Eksekutif telah menerima kunjungan hormat daripada:

In conjunction with the establishment of CCM, the Chief Executive Officer received honorary visits from:

- 28 Mei / May : Malaysian Institute of Directors.
- 29 Mei / May : Malaysian Association of The Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA).
- 5 Jun / June : Malaysian Association of Companies Secretaries (MACS).
- 21 Jun / June : Alliance of Approved Companies Secretaries (AACS).
- 23 Julai / July : Malaysian Holiday Timeshare Developers' Federation (MHTDF).